

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

<b>Bil. 30</b>	<b>Selasa</b>	<b>18 Disember 2007</b>
----------------	---------------	-------------------------

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA:**

- |                                   |          |    |
|-----------------------------------|----------|----|
| - Mengangkat Sumpah               | (Halaman | 1) |
| - Mengalu-alukan Ahli baru        | (Halaman | 1) |
| - Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman | 2) |

**URUSAN MESYUARAT** (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 32)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 48)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**Selasa, 18 Disember 2007**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- (i) Y.B. Datuk Sim Kheng Hui;
- (ii) Y.B. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat;
- (iii) Y.B. Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh.

■ 1010

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat, dan Yang Berhormat Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh sebagai Ahli-ahli Dewan Negara. Seperti mana yang dilafazkan dalam sumpah sebentar tadi, sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara bermula dari Yang Berhormat berazam untuk memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan.

Negara kita lahir dari permuafakatan kaum, kelangsungannya juga hanya terjamin melalui permuafakatan yang berterusan. Hendaklah sentiasa disedari negara kita walaupun kecil juga di antara yang paling kompleks dan rumit untuk ditadbir urus. Dengan kepelbagaiannya kaum, keturunan, keagamaan dan kebudayaannya, selain 13 buah negeri-negeri keanggotaannya dan terpisah pula oleh lautan di antara dua bahagian besarnya. Maka di dalam Dewan apabila bertanya, berbahas, menegur atau mengecam sekalipun biarlah dengan penuh kebijaksanaan yang memperhitungkan hakikat tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pagi ini.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan rang undang-undang yang telah diluluskan Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

*“17 Disember, 2007*

### **Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2007;
2. Rang Undang-undang Kewangan 2007;
3. Rang Undang-undang Pemberian Pertambahan Hasil (Pindaan) 2007;
4. Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia Berhad 2007;
5. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 2007;
6. Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007;
7. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007.

Yang ikhlas,

t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”**

### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk mewakilkan soalan No.1

**Tuan Yang di-Pertua:** Kerana tidak mahu mensia-siakan masa kerajaan, saya izinkan, silakan Yang Berhormat.

1. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan berpuas hati melalui strategi yang telah diambil dengan melepaskan ringgit dari 'peg' yang terdahulu dan mengapungkannya tapi mengikatnya, dengan cara terurus bersama '*a basket of selected currencies*'.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, peralihan kepada rejim apungan terurus bagi mata wang ringgit telah memberi keseimbangan yang baik antara kestabilan dan fleksibiliti kadar pertukaran mata wang. Sebagai contoh, sebagai ekonomi yang kecil dan sangat terbuka, suasana kadar pertukaran yang stabil berbanding dengan rakan perdagangan utama adalah penting untuk menggalakkan perdagangan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan harga.

Pada masa yang sama rejim apungan terurus juga membolehkan peningkatan pergerakan dua hala ringgit berbanding dengan mata wang utama dan serantau, dan dengan itu memberi fleksibiliti untuk menyesuaikan nilai ringgit kepada perubahan struktur yang berlaku dalam persekitaran kewangan dan ekonomi antarabangsa dan serantau. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpuas hati dengan strategi peralihan kepada rejim apungan terurus bagi kadar pertukaran ringgit Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah sebenarnya penyangak wang ini *real* dan masih merupakan satu ancaman kepada Ringgit Malaysia yang boleh memiskinkan kita dengan sekilip mata, dan saya ingin tahu sebenarnya apakah keutamaan kita iaitu ringgit yang terlalu kukuh atau sederhana kukuh.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Masalah yang kita hadapi tahun 1997 dan 1998 dahulu tidak timbul lagi kerana Malaysia masih lagi tidak membentarkan ringgit diperdagangkan di luar negara seperti China dan India. Maka tidak timbul lagi. Mengenai apa yang berlaku sekarang ini kerajaan telah pun beredar kepada *manage float*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka kita naik turun, kadar naik turun ringgit adalah dikawal maknanya ada kelonggaran antara Malaysia dan rakan-rakan yang lain. Yang paling penting Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa

rakan-rakan perdagangan kita yang lain juga dia naik turun lebih kurang sama. Jadi kesan kepada ekonomi negara kita tidak nampak, tidak ketara Tuan Yang di-Pertua. Kesan daripada pertukaran itu tidak ketara kerana rakan-rakan perdagangan kita di rantau ini, perubahan currency naik turun adalah lebih kurang sama Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas mata wang ringgit kita melepaskan 'peg' dengan Dollar Amerika dan tukar kepada *manage float* tadi. Mengikut nilai dalam bakul mata wang-mata wang.

Soalan tambahan saya, berapa kalikah komposisi itu dalam bakul mata wang itu ditukar selepas kita mengikuti sistem ini dan adakah dengan kelemahan wang ringgit Amerika, kita menurunkan peratusannya dan dengan *manage float* itu, adakah sudah membawa satu senario sekarang dan kita sudah boleh mengantara bangsakan ringgit kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada tiga mata serampang, pertanyaan tersebut. Yang Berhormat boleh pilihlah kerana semua berkaitan walaupun saya boleh benarkan dua sahaja.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, penilaian ringgit dia masih lagi di'peg' sama tidak berubah, *basket of currency* tidak berubah. Jadi dibandingkan dengan semua sekali seperti dahulu hingga sekarang, tidak berubah. Memang berlaku sebenarnya pertukaran US Dollar dengan Yen, ringgit kita sudah meningkat. Saya ada angka di sini. Ringgit sudah naik *against* US Dollar 13.1% dan *against* Yen 10.10 %. Tetapi berbanding antara Pound dan Euro, ringgit telah menurun nilai berbanding dengan Pound 4.3% dan Euro 16.7% menurun.

## ■1020

Namun yang penting saya sebut sekali lagi bahawa perdagangan kita dengan Amerika 16%, negara Europe 9.5%, lebih kurang 25% tetapi 75% yang lain, perdagangan kita adalah dengan negara-negara yang kita punya currency nya lebih stabil dengan mereka. Jadi kesannya tidak ketaralah.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk hendak *float* kan duit itu macam dulu. Kita masih lagi tidak benarkan untuk didagangkan di luar, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak meragui betapa kekuatan Ringgit Malaysia kita adalah kerana kita berjaya mengawal harga barang dan khidmat serta berdasarkan keyakinan pelabur pada masa depan ekonomi negara. Ini adalah penghakiman pasaran.

Soalan tambahan saya ialah sejauh mana kebenaran kejatuhan nilai Dolar Amerika Syarikat dan Yen Jepun yang didorong oleh keputusan China meluas dalam dagangan Yen sebenarnya telah mempengaruhi nilai mata wang Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Seperti yang saya sebut tadi, perbandingan antara Ringgit dengan Renminbi, Yen, ia lebih kurang naik sama dan turun sama jika dibandingkan dengan Yen dan US Dolar. Jadi, kesannya tidak ketara saya sebut tadi, jadi perdagangan berjalan terus dan sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dari segi perdagangan Malaysia, kita

banyak import *capital goods*, Tuan Yang di-Pertua, jadi kita import dengan harga yang murah dan kita eksport, ia mahal sedikit tetapi masih lagi berlaku, masih lagi masyarakat Malaysia boleh eksport. Cuma dalam hal eksport macam *palm oil* misalnya, Tuan Yang di-Pertua, akan berlaku pertukaran *foreign exchange*, kerugian. Kalau dulu RM3.80, jual dalam US Dolar, kita tukar kepada Ringgit 3.8, sekarang jual US Dolar, sudah tinggal dalam 3.4. Jadi ada perbezaan, ada kerugian di situ sedikit. Yang lain-lainnya memang tidak berubah, Tuan Yang di-Pertua.

2. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, sejak pelancaran *Malaysia Kitchen*, berapakah jumlah yang telah dibuka di luar negara sehingga hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Restoran *Malaysia Kitchen* diwujudkan berdasarkan kepada dua konsep, iaitu melalui sistem francais dan sistem terbuka di bawah Program *Malaysia Truly Asian Kitchen*. Bagi sistem francais, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah diberi peranan untuk membangunkan sistem tersebut.

Sejak pelancaran program ini, sebuah restoran telah dibuka di Tokyo pada 14 Disember 2006. Melalui sistem francais, restoran tersebut merupakan *prototype outlet* yang pertama. *Prototype* yang kedua akan dibuka pada bulan Mac 2008 di London, United Kingdom. Disusuli *prototype* ketiga yang akan dibuka di New York, Amerika Syarikat pada tahun yang sama. Manakala *outlet* francais pula akan dibuka di Karachi, Pakistan, Xiandu, China, Bucharest, Romania dan San Francisco di Amerika Syarikat dalam tahun 2008.

Bagi sistem terbuka pula, sejak pelancarannya, empat buah Restoran *Malaysia Kitchen* telah dibuka masing-masing di London, Beijing, Hyderabad dan Siem Reap di Kemboja. Dalam hal ini kerajaan sentiasa berusaha bagi menambah bilangan *Malaysia Kitchen* di luar negara. Usaha-usaha yang diambil adalah penyediaan kemudahan pinjaman mudah atau *soft loan* kepada pengusaha-pengusaha yang memerlukannya. Kemudahan ini disalurkan melalui Exim Bank. Selain daripada itu, usaha juga sedang giat dilakukan bagi mempromosi *Malaysia Kitchen* di luar negara melalui PEMBENA, iaitu anak syarikat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah bentuk tanda dagang hiasan luaran *Malaysia Kitchen* serta apakah sajian menu makanan disediakan yang menepati selera antarabangsa?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Decor* dan menu.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Yang pertama tadi, kurang jelas yang pertama tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Decor*, hiasan, dan menu.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Jika restoran Thai, daripada jauh kita boleh nampak dia punya Thai itu kan. Jadi kita boleh tahu itu restoran Thai, tetapi restoran...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah saya sebut. Yang pertamanya *decor* – ‘d-e-c-o-r’, keduanya, menu untuk melambangkan identiti Malaysia.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan tambahan Yang Berhormat, dari segi *decor* atau hiasan, dan juga dari segi bentuk rupa adalah melambangkan sebenarnya budaya Malaysia itu sendiri. Walau bagaimanapun, dari segi penggunaan bahasa, ia akan digunakan bahasa tempatan. Walau macam mana pun dari segi menu-menu yang diguna pakai adalah menggunakan menu bahasa Malaysia.

Dari segi menu-menu yang akan diperkenalkan ini ialah pelbagai jenis mi, bihun dan kuetiau, pelbagai jenis nasi – nasi lemak, nasi goreng, nasi briyani dan nasi kandar. Pencuci mulut seperti pelbagai jenis bubur, pisang goreng, puding, kuih-muih tradisional dan lain-lain. Antara yang disebutkan ialah bergedel ayam dan kentang, cucur udang dan bawang, kepak ayam, popia goreng, sayur kukus, lodeh dan tauhu sumbat. Begitu juga dengan sate, dengan pelbagai jenis satelah, salad dan lain-lain yang merupakan sebahagian daripada makanan utama masyarakat rakyat di Malaysia.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih, Tuan yang di-Pertua. Kita lihat di dunia sekarang, makanan tradisional yang dikenalpastikan ialah makanan *Western food*, Jepun, *Chinese food* dan *Thai food*. Di Bukit Bintang, macam-macam *brand* ada, tetapi saya tak lihat *Malaysian Kitchen*. Lagipun, di Kampung Baru, semua tomyam sahaja, tiada makanan Malaysia. Saya kurang lihat makanan Malaysia dipromosikan di luar negara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat di London dan Beijing sahaja, di mana makanan Malaysia adalah sate, nasi lemak, macam-macam ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Kita tidak serius untuk mempopularkan makanan kita di pasaran antarabangsa. Saya ingin tahu apakah langkah panjang yang dirancang oleh Kementerian Yang Berhormat untuk mempopularkan *brand* yang lain seperti *Secret Recipe* yang swasta, yang telah diterima di *Singapore* dan *Philippine*. Jadi, *Malaysian Kitchen* kurang dilihat di pasaran antarabangsa walaupun di ASEAN, tidak ada, saya tidak nampak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep *Malaysia Kitchen* ini adalah satu konsep yang baru, yang diperkenalkan pada hujung tahun 2006 dan untuk itu juga kita mengkaji dari segi keberkesanan-keberkesanan yang memerlukan masa dan keadaan yang sesuai. Walau bagaimanapun, kementerian memang serius dan berusaha untuk mempertingkatkan promosi *Malaysia Kitchen* ini

di peringkat luar negara dan *target* kementerian kita iaitu menjelang 2015, kita ingin mencatatkan sehingga 2000 buah restoran di seluruh dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya kalau saya faham, dua pertanyaan itu ialah pertama, kenapakah tidak dipromosikan *Malaysia Kitchen* di dalam negeri?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ada di dalam Malaysia sekarang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan kedua, mengapa pula kerajaan tidak sesekali mempromosikan *brands* Malaysia, restoran Malaysia, di peringkat antarabangsa seperti *brands* yang disebut oleh Yang Berhormat.

#### ■1030

Jadi, dalam negeri mengapa tidak promosi *Malaysian Kitchen*? Luar negeri mengapa tidak promosi *brand* lain yang berasal dari Malaysia?

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Untuk memahami konsep *Malaysian Kitchen* ini, ia bukanlah bermakna restoran semata-mata. Ia adalah merupakan satu konsep, di mana kita memperkenalkan jenis masakan yang ada di negara kita kepada pengusaha-pengusaha restoran di luar negara. Dalam hal ini ertiya menggunakan pes atau perasa cita rasa yang standard, yang akan digunakan oleh pengusaha-pengusaha di luar negara. Dalam negara kita sendiri sebenarnya kalau kita sedari konsep *Malaysian Kitchen* itu memang sudah diperkenalkan, dan sudah ada dan akan diperkembangkan di luar negara. Usaha-usaha ini akan diteruskan ke arah memperkenalkan konsep ini.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah rasa roti canai, sate, bak kut teh di Hong Kong, di Switzerland, di Amsterdam, di London dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu sama ada kementerian juga akan membantu syarikat-syarikat begini jika ada dan apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada syarikat-syarikat berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi konsep ini ialah tumpuan diberikan kepada usaha membantu usahawan industri restoran dan industri makanan yang sedia ada kita galakan melalui ini.

Kita juga menggalakkan pengusaha ataupun operator menggunakan produk usahawan Malaysia, dan ia akan diberikan galakan kemudahan-kemudahan dari segi khidmat nasihat dan panduan secara menyeluruh mengenai konsep ini. Semua kemudahan yang diberikan ini akan disokong oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dengan agensi-agensi kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pelancongan, MITI, MATRADE, SIRIM, PNS, Exim Bank dan pihak-pihak yang berkaitan. Ia dipakai melalui konsep *francais* dan sistem terbuka.

Untuk itu dari segi bantuan yang akan diberikan modal sehingga 70% daripada modal akan dibayai oleh pihak agensi yang bertanggungjawab. Dalam hal ini ialah Exim Bank itu sendiri. Begitu juga dengan PNS sendiri dan agensi-agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya .....[Gangguan sistem pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi kerajaan melaksana konsep Malaysia *kitchen*. Kerajaan tidak melaksana jenis-jenis makanan. Jadi perniagaan-perniagaan makanan dan pemakanan yang berasal dari negara kita bolehlah ambil kesempatan daripada saluran-saluran galakan biasa.

3. **Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S Maniam** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, tentang kecinciran yang tinggi di kalangan pelajar lelaki dan mengenai fenomena ganjil yang berlaku di negara ini iaitu jumlah wanita jauh mengatasi lelaki dalam mendapatkan pendidikan peringkat menengah serta tinggi. Apakah strategi kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, pendemokrasian pendidikan memberi peluang yang sama rata kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, umur, jantina dan tempat tinggal pelajar. Prinsip ini diteruskan dengan pelaksanaan sistem meritokrasi yang memberi penekanan kepada merit akademik dan kokurikulum.

Sistem pendidikan di Malaysia atau di mana-mana negara sekalipun tujuannya adalah untuk membangunkan potensi setiap warganegaranya tanpa mengenal perbezaan jantina, kaum dan agama. Sistem pendidikan di Malaysia khususnya digubal untuk memastikan setiap anak muda kita mempunyai peluang yang sama bagi membangunkan potensi mereka.

Hasil keprihatinan kerajaan terhadap isu-isu wanita telah pun memperlihatkan peningkatan prestasi golongan wanita dalam pelbagai bidang. Dalam bidang pendidikan prestasi pelajar wanita terus cemerlang terutamanya semasa di universiti. Bidang-bidang yang selama ini secara tradisi didominasi oleh kaum lelaki umpamanya bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan dan banyak bidang lain telah pun diterokai oleh golongan wanita.

Sebagaimana yang kita sedia maklum kemasukan ke IPT adalah berdasarkan kepada prinsip meritokrasi. Pelajar yang lebih baik tanpa mengambil kira faktor jantina akan diterima untuk meneruskan pengajian di IPT. Pada tahun 2007, jumlah pelajar lelaki yang memasuki IPT adalah seramai 126,836 orang sedangkan bilangan pelajar wanita adalah seramai 204,189 orang. Ini bermakna nisbah pelajar lelaki kepada pelajar wanita adalah 1:1.60.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat arah aliran atau *trend*, dengan izin, jumlah pelajar wanita melebihi jumlah pelajar lelaki di peringkat pengajian tinggi bukanlah sesuatu yang luar biasa kerana perkara ini juga berlaku di negara-negara lain termasuk juga di negara-negara maju dan membangun. Sebagai contoh nisbah pelajar lelaki kepada pelajar wanita bagi sesetengah negara yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Kanada 1:1.3
- United Kingdom 1:1.23
- Amerika Syarikat 1:1.34
- Mauritius 1:1.3
- Australia 1:1.22
- New Zealand 1:1.53
- Brunei 1:1.7
- Filipina 1:1.3
- Arab Saudi 1:1.4
- Qatar 1:1.3

Data ini adalah berdasarkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah menggariskan fenomena yang merupakan satu realiti atau hakikat sejagat. Jadi, kunci pertanyaan ialah apakah strategi kementerian untuk mengatasi masalah itu. Maknanya pertanyaan ini menuntut dua jawapan, adakah ia masalah dan kedua adakah strategi untuk mengatasi sesuatu yang dikatakan masalah.

**Datuk Ong Tee Keat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ini bukanlah masalah satu lagi fenomena. Tuan Yang di-Pertua, data ini adalah berdasarkan perangkaan yang diumumkan oleh *United Nations Statistics Division*, dengan izin. Perbezaan kecemerlangan akademik antara pelajar lelaki dengan wanita mungkin disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah kerana pelajar lelaki lebih terlibat dan aktif dalam aktiviti kokurikulum dan sukan berbanding dengan pelajar wanita yang lazimnya didapati lebih tertumpu pada pelajaran.

Bagi mewujudkan keseimbangan jantina keseluruhan dalam kemasukan ke IPT, beberapa langkah telah dan sedang dirancang dan dilaksanakan. Umpamanya usaha untuk mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang mampu meningkatkan lagi motivasi kepada pelajar lelaki supaya memberi lebih tumpuan kepada pelajaran dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah.

Selain daripada itu pelbagai program lain juga dilaksanakan. Antara lain termasuk usaha meneruskan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memberi khidmat kaunseling mengenai pengajaran dan pembelajaran di IPT kepada penuntut-penuntut sekolah supaya mereka membuat persiapan awal, dan sedar akan laluan kerjaya yang relevan yang akan mereka hadapi kelak.

Kedua, usaha menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, umpamanya Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi di samping merapatkan lagi usaha sama dengan pihak industri untuk mendapatkan input dan maklum balas mengenai keperluan dan kehendak pelbagai bidang sosioekonomi dan kerjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mahukah Yang Berhormat beri peluang untuk mencungkil atau *probe for accountability*.

■1040

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, biar saya habiskan ayat saya. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, walaupun statistik...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf Yang Berhormat, kalau terlalu panjang, berprasangka, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak lari daripada pertanyaan tambahan, dia jawab panjang-panjang.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tak, sebenarnya sebaliknya Tuan Yang di-Pertua. Saya beri peluang kepada ramai lagi yang boleh bangkitkan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun statistik menunjukkan bahawa bilangan pelajar wanita di IPTA dan IPTS adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki, tetapi senario di politeknik dan kolej komuniti adalah sebaliknya. Dalam erti kata lain, pelajar lelaki di politeknik dan kolej komuniti setakat ini adalah mengatasi bilangan pelajar wanita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Betulkan saya kata? Puan Mumtaz, Puan Heng, Tuan Munusamy.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan pernah membuat kaji selidik tentang minat dan *method* untuk pembelajaran pelajar lelaki untuk melihat masalah ini secara terurus dan apakah faktor penyebab yang dikenal pasti menyebabkan masalah ini?

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, sesungguh soalan Yang Berhormat Senator tadi, saya telah pun sentuh dalam jawapan asal saya. Setakat ini, sebab-sebab ataupun faktor-aktor penyumbang kepada kurangnya pelajar lelaki yang dapat diterapkan dalam IPTA khasnya, tengah dan akan terus dikaji selidik.

Banyak kita dapat bahawa lelaki lebih cenderung kepada kursus-kursus kemahiran khasnya kursus-kursus yang ditawarkan oleh politeknik, kolej-kolej komuniti, IKBN dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih yang kedua tadi.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Kaji selidik yang telah dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah kaji selidik dibuat.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Tentang *method* dan minat pelajar laki-laki.

**Datuk Ong Tee Keat:** Ada. Itulah sebabnya tadi metode yang saya, ataupun kaedah yang saya huraikan tadi itu merupakan satu-satunya hasil kaji selidik yang dimaksudkan.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan isu ketidakseimbangan gender pendidikan di peringkat tinggi, soalan tambahan saya ialah apakah nisbah pelajar mengikut gender yang terkini bagi peringkat kolej komuniti, politeknik, pasca ijazah

iaitu sarjana dan kedoktoran? Apakah pula kesan ketidakseimbangan ini kepada negara? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi nisbah, perangkaan dan juga nisbah yang dibangkitkan tadi, suka saya maklumkan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini bahawa bagi tahun 2007 misalnya, bagi program-program pengajian di politeknik, nisbah lelaki kepada perempuan 56% kepada 44%. Ini yang pertama.

Yang keduanya, bagi kolej komuniti, nisbah lelaki daripada perempuan adalah sebanyak 59% kepada 41%. Sedangkan bagi program-program pengajian pasca ijazah IPTA, saya kena mengkhususkan IPTA, sebab IPTA biasanya statistik ataupun perangkaan itu kurang lengkap. Bagi IPTA, umpamanya diploma pasca ijazah, nisbah lelaki adalah 42% kepada 58%, sarjana 46% kepada 54%, sedangkan kedoktoran lelaki 61% dan perempuan 39%.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai keseimbangan tadi, saya suka hendak jelaskan bahawa bila pihak kerajaan khasnya kementerian saya, berusaha untuk menyeimbangkan kedudukan jantina ini, tidak bermaksud bahawa kita hendak sekat kemasukan ataupun penerapan pelajar-pelajar wanita ke IPTA, jauh sekali. Sebaliknya apa yang kita tumpukan adalah memberikan galakkan yang memadai kepada pelajar-pelajar lelaki supaya mereka ini juga tidak tersisih ataupun tercicir dari arus pembangunan modal insan negara.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mendapat bahawa dalam politeknik dan institusi vokasional lebih ramai pelajar-pelajar lelaki berbanding dengan pelajar-pelajar wanita. Adakah ini bermakna bahawa pelajar-pelajar ataupun belia-belia lelaki ini lebih berminat dalam politeknik ataupun jurusan teknikal dan vokasional? Manakala pelajar-pelajar wanita ini hanya tumpukan lebih kepada akademik? Apakah langkah kementerian untuk mengubah senario ini? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Senator, kecenderungan pelajar-pelajar lelaki terhadap bidang ataupun kursus-kursus kemahiran khasnya teknikal, itu adalah jelas sekali. Berbanding dengan pengambilan pelajar-pelajar wanita di IPTA yang tidak semestinya tertumpu kepada mana-mana satu jurusan pengajian sahaja ataupun bidang teknikal sahaja.

Untuk menjawab soalan yang kedua dari Yang Berhormat, suka saya maklumkan bahawa apa yang kita tumpukan sekarang ini adalah lebih tertumpu pada kebolehpasaran atau *marketability* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pelajar-pelajar kita baik dari golongan pelajar wanita maupun pelajar lelaki. Inilah yang diutamakan.

4. **Datuk Soon Tian Szu** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, tragedi Feri Seagull Express 2 yang terbakar dan karam di perairan negara kira-kira 7 batu nautika dari Pulau Tioman 13 Oktober lalu, telah mengorbankan tujuh nyawa yang mana 103 penumpang dan tiga krewnya terpaksa terjun ke dalam laut bagi menyelamatkan diri tanpa memakai jaket keselamatan yang mencukupi. Apakah tindakan kementerian untuk memastikan setiap syarikat perkапalan mematuhi peraturan-peraturan supaya perkara yang sama tidak berulang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Soon Tian Szu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan setiap syarikat perkapalan yang memberikan perkhidmatan feri sentiasa mematuhi peraturan-peraturan supaya insiden kebakaran feri tidak berulang, kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia melaksanakan empat jenis pemeriksaan seperti berikut :-

- (i) pemeriksaan statutori tahunan ke atas badan kapal, enjin dan peralatan keselamatan feri seperti jaket keselamatan, rakit keselamatan bagi tujuan pembaharuan sijil-sijil statutori feri iaitu sijil keselamatan penumpang dengan izin, *Passenger Ship Safety Certificate*;
- (ii) pemeriksaan berkala mengikut program *Flag State Inspection* yang dilaksanakan secara rambang ke atas feri penumpang di mana pemeriksaan dijalankan ke atas peralatan-peralatan keselamatannya bagi memastikan ianya berfungsi setiap masa;
- (iii) pemeriksaan hari ke atas feri di terminal-terminal feri penumpang yang dilaksanakan setiap kali sebelum feri berlepas. Pemeriksaan ini dilakukan ke atas nakhoda feri dan ke atas keadaan feri sebelum berlepas; dan
- (iv) pemeriksaan ke atas krew feri supaya menepati bilangan dan kelayakan krew bagi setiap jenis feri yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut di dalam dengan izin, *Manning Certificate. Port clearance* akan hanya diberikan kepada sesebuah feri untuk berlayar apabila senarai krew menepati *Manning Certificate*.

Terima kasih.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengangkutan feri antara pulau-pulau di seluruh negara adalah antara pengangkutan awam yang paling popular terutama kepada pelancong, tetapi apabila berlaku tragedi sedemikian rupa, ia amat menyedihkan. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang meletakkan seorang penguat kuasa atau marsyal secara rambang di dalam feri seperti mana kita letakkan seorang anggota polis dalam bas ekspres bagi tujuan mencegah kejadian yang tidak diingini? Terima kasih.

■1050

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pengangkutan amat kesal dengan apa yang telah berlaku berkaitan dengan feri atau tragedi Feri Seagull Express 2. Dalam laporan yang telah diberikan oleh pihak Jabatan Laut, memang ada kecuaian yang telah berlaku dan juga tidak ada disiplinnya di antara beberapa

pegawai daripada Jabatan Laut. Begitu juga dari segi tidak mengikut peraturan oleh pihak pengusaha feri, yang mana kita telah meminta pihak Jabatan Laut membuat satu siasatan yang terperinci memastikan perkara-perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi.

Setakat hari ini kita tidak ada perancangan untuk meletakkan seorang marsyal di dalam feri itu, tapi cadangan Yang Berhormat ini boleh kita kemukakan untuk diperbincangkan sama ada kita perlu atau tidak. Kita menganggapkan apa yang telah berlaku itu adalah sesuatu contoh yang mana kita menganggapkan banyak berlakunya perkara-perkara seumpama ini. Satu daripadanya kerana pihak pengusaha itu sendiri tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Laut. Terima kasih.

5. **Dato' Sri Empiang Jabu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah Kerajaan Filipina telah menggugurkan sama sekali tuntutan mereka terhadap Sabah dan sama ada terdapat lagi kes-kes tuntutan oleh negara-negara jiran Malaysia yang masih lagi belum selesai ataupun boleh berlaku.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]:**  
Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu ke atas soalan yang dikemukakan.

Sehingga kini Kerajaan Filipina masih lagi belum menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah yang dibuat sejak 22 Jun 1962. Pendirian Kerajaan Malaysia dalam isu ini adalah sangat jelas iaitu menolak dan tidak pernah mengiktiraf tuntutan tersebut.

Sabah menjadi sebahagian daripada Malaysia telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Oleh itu, tuntutan mana-mana pihak yang mengatakan Sabah adalah milik atau sebahagian daripada wilayah mereka adalah tidak berasas.

Manakala beberapa isu tuntutan bertindih lain antara Malaysia dengan negara-negara jiran yang masih belum selesai adalah termasuk dengan Indonesia, Singapura dan Thailand. Perbincangan dan usaha melalui saluran diplomatik bagi menyelesaikan isu-isu tuntutan bertindih tersebut masih dijalankan. Terima kasih.

6. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tujuan asal kerajaan meminjam daripada kerajaan negara China untuk pembinaan Jambatan Pulau Pinang yang kedua.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:**  
Terima kasih Yang Berhormat Dato' Omar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek jambatan kedua Pulau pinang merupakan salah satu projek penting telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kerajaan telah mendapatkan pinjaman sebanyak US\$800 juta daripada kerajaan negara China bagi membiayai projek ini dengan tujuan untuk meningkatkan bagi kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala serta mengeratkan lagi persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Selain daripada itu, kerajaan negara China juga telah menawarkan pakej pinjaman yang berkos rendah berbanding dengan negara dan institusi kewangan antarabangsa yang lain. Melalui pinjaman ini juga syarikat-syarikat pembinaan Malaysia yang terlibat dalam projek tersebut akan dapat berkongsi kepakaran teknikal bersama syarikat pembinaan negara China melalui pemindahan teknologi. Projek ini apabila siap kelak akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di bahagian utara Semenanjung serta meningkatkan lagi pembangunan di Pulau Pinang terutamanya bagi sektor pembuatan dan perindustrian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri tadi tidak patah hati kerana tidak ada pertanyaan. Mungkin mereka terlalu akur terhadap *prinsip sub judice* kerana ada kes... [*Gangguan sistem pembesar suara*]

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu dengan kerajaan negara manakah yang telah Kerajaan Malaysia berbincang mengenai kos dan faedah yang lebih rendah? Adakah benar kos pembinaan jambatan Pulau Pinang ini telah meningkat hampir mencecah RM1 bilion?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pakej yang khas yang ditawarkan oleh Kerajaan China kepada Kerajaan Malaysia bila Perdana Menteri buat lawatan ke sana, bila ada pertemuan di antara Perdana Menteri dengan pemimpin China. Maka ini adalah satu pakej yang istimewa yang ditawarkan oleh pihak China. Tidak ada lagilah di institusi lain tempatan atau luar negara yang memberi tawaran yang begitu istimewa, pada kadar 3% Tuan Yang di-Pertua.

Kos jambatan Pulau Pinang sebenarnya RM3.8 bilion iaitu pembiayaannya melalui pinjaman daripada Kerajaan China melalui Asian Bank China, daripada Bank Pembangunan USD\$800, lebih kurang RM2.8 bilion. Kemudian pinjaman daripada Bank Pembangunan RM7 juta dan kewangan daripada UEM sendiri RM300 juta, jadi semuanya RM3.8 bilion.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kerajaan meminjam daripada Kerajaan Negara China, adakah syarat-syarat mengatakan bahawa projek ini diserahkan kepada syarikat daripada negara China? Yang kita tahu bahawa projek ini telah pun diserahkan ataupun diberi kepada UM ataupun sebuah syarikat GLC, apakah UEM tidak mempunyai kuasa untuk memberi projek-projek ini kepada rakyat tempatan ataupun dari segi pekerja-pekerja yang mana kita tahu sekarang ini syarikat-syarikat daripada negara China telah pun membawa masuk 2,000 jurutera daripada negara China.

Jadi saya ingin tahu apakah kuasa yang ada pada UEM yang telah pun diberi projek ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sudah ada persetujuan di antara pihak syarikat *China Harbour Engineering Company* iaitu syarikat yang berpengalaman banyak di seluruh dunia dengan UEM. Di mana kerja-kerja atas darat semuanya dibuat oleh UM dan di atas laut satu pertiga oleh UEM dan dua pertiga oleh syarikat China Harbour. Jikalau ikut persetujuan yang seterusnya iaitu 50% daripada kerja ini diberi kepada syarikat bumiputera dan terbuka kepada yang lain-lain. Bermakna sama ada local ataupun daripada negara China.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kerja dah jalan 4% ikut jadual. Kerja-kerja *survey*, kerja-kerja *site clearing*, kerja-kerja *soil investigation*, kerja-kerja *test piling, casting yard* dah buat lebih kurang 4%.

Saya tidak nampak bagaimana ada 2,000 *engineer* dari negara China datang pada masa sekarang inilah. Ini kerana kerja belum betul-betul bermula lagi, akan bermula secara lancar pada awal tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat tolong siasat perkara ini. Memang serius. Terima kasih.

7. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Pengangkutan menyatakan :

- (a) jumlah kapal terbang komersial yang menggunakan ruang udara negara di selatan Semenanjung untuk mendarat di lapangan terbang jiran setiap hari dari tahun 2005-2007 dan adakah ia mengganggu pembangunan di kawasan tersebut; dan
- (b) bayaran yang dikenakan bagi menggunakan ruang udara negara dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook yang telah mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Sepanjang tempoh 2005 hingga 2007, sebanyak 270 buah kapal terbang komersial telah menggunakan ruang udara negara dalam sehari di selatan Semenanjung untuk mendarat di lapangan terbang negara jiran.

Walaupun bilangan tersebut dijangka akan bertambah pada masa akan datang selaras dengan perkembangan pesat dalam industri pengangkutan udara, sistem kawalan trafik udara yang terdapat di negara ini telah dipertingkatkan seiring dengan perkembangan tersebut. Penerbangan komersial ini tidak akan mengganggu pembangunan di kawasan tersebut.

**■1100**

Yang kedua, setiap kapal terbang komersial yang menggunakan ruang udara negara dikenakan caj dengan izin, *Air Navigation Facilities Charges* ataupun ANFC, dengan kadar antara lima sen dan tiga puluh sen setiap batu nautika bergantung pada berat kapal terbang tersebut. Terima kasih.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah usaha-usaha yang telah diambil atau yang akan diambil untuk menarik pendaratan ke selatan Semenanjung Malaysia?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha-usaha itu sentiasa dijalankan oleh pihak MAS memandangkan pada ketika ini kita berhadapan dengan satu cabaran yang begitu besar yang mana kita diberitahu bahawasanya dalam masa dua tahun ini ada tidak kurang daripada 800 kapal terbang yang akan masuk di dalam *air space* di rantau ini, iaitu dengan syarikat-syarikat penerbangan yang begitu terkemuka termasuk Emirate dan berbagai-bagai lagi *Singapore Airline*, *Korean Airline*, tidak kurang daripada 800 penerbangan itu. Kita Malaysia ini atau MAS berhadapan dengan masalah pada hari ini iaitu kerana kita berhadapan dengan adanya kapal terbang-kapal terbang yang sudah berumur, berusia lama. Ini memakan masa untuk kita mendapatkan kapal terbang-kapal terbang yang baru.

Ini juga akan memberi satu tekanan kepada pihak penerbangan kita kerana usaha-usaha ini, kita akan cuba sedaya-upaya kita untuk memastikan domestik kita lebih menumpukan kepada domestik kita untuk mendapatkan kapal-kapal terbang yang baru dengan secepat mungkin. Walaupun kita tahu dari segi di peringkat *international*, ini akan memakan masa 4 atau 5 tahun. Kita akan membeli tidak kurang 10 atau 15 ATR72 siri 500 dalam masa 2 tahun kita akan mendapat *delivery* nya.

Mempertekadkan dalam siri penerbangan di kawasan dalam negara kita. Kita juga boleh mengatakan dalam segi penerbangan *low cost* ini, nampaknya kita ada buat pembaharuan iaitu untuk memperkenalkan Air Asia buat penerbangan ke Singapura dua kali seminggu dan daripada Singapura ke Kuala Lumpur juga dua kali seminggu.

Ini adalah di antara cara-cara untuk kita mempergiatkan lagi atau menarik minat untuk pihak penumpang-penumpang ini menggunakan kemudahan-kemudahan sistem MAS kita dan juga Air Asia kita. Kita juga berhadapan dengan yang mana ada adanya Jet Air sekarang ini yang membuat penerbangan ke Australia. Pada hari ini kita memandang serius tentang *competition* dengan izin, tetapi nampaknya pada hari ini tidak begitu berkesan. Jangka panjangnya, kemungkinan memberi satu kesan kepada penerbangan atau pihak MAS. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna tidaklah hanya ruang udara kita hanya digunakan dengan banyak bawa keuntungan yang sepenuhnya kepada kita. Ada juga yang kita tidak berapa untung apabila bukan syarikat kita. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Memang benar Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita di dalam masa membuat sesuatu perubahan di dalam MAS ini, banyak juga destinasi-destinasi yang tidak menguntungkan telah kita hentikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab pertanyaannya adalah menjurus kepada meningkatkan kegunaan ruang udara kita.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seolah-olah lagi banyak orang guna ruang udara kita, lagi baik. Mengikut kupasan Yang Berhormat tadi, kalau syarikat-syarikat penerbangan lain yang lebih guna ruang udara kita daripada syarikat penerbangan kita, tidak semestinya membawa keuntungan bagi kita. Adakah itu suatu yang benar?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Benar Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini berkenaan dengan kegunaan ruang udara negara kita yang mana kapal terbang itu mendarat ke lapangan terbang. Sebaliknya saya hendak tahu, yang kapal terbang yang mendarat di Malaysia tetapi menggunakan ruang udara negara jiran, adakah kadar yang digunakan serupa dan juga apakah persetujuan di antara jiran dengan kita atas perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah jelas pertanyaan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Tidak begitu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila lengkapkan semula.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Okey, Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ini adalah kegunaan ruang udara negara kita untuk kapal terbang yang mendarat di lapangan terbang di negara jiran. Sekarang sebaliknya, kapal terbang di negara kita menggunakan ruang udara negara jiran. Adakah persetujuan dan juga kadar-kadar yang digunakan itu serupa atau tidak? Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya kurang pasti perkara ini. Saya tahu dalam segi *Air Navigation Facility Charges* ini untuk ruang udara kita. Saya tidak pasti untuk menjawab pada pagi ini kerana...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, memerlukan notis?

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Ya, notis untuk menjawab kalau diperlukan cara bertulislah kerana lain padang, lain belalang ya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

8. **Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kemudahan yang mengajar di pos-pos Orang Asli di pedalaman seperti Pos Gob, Pos Simpor ataupun Pos Pasik, adakah kenderaan atau rumah yang sesuai disediakan untuk mereka.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, JAKIM sentiasa menjalin hubungan yang baik dengan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan untuk menyediakan kemudahan kepada penggerak masyarakat Orang Asli.

Setakat ini kita telah menyediakan rumah kepada penggerak masyarakat Orang Asli yang ditempatkan di perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Simpor dan Pos Pasik, Kelantan.

Begitu juga dengan di pejabat penggerak Orang Asli Gua Musang telah ditempatkan satu kenderaan pacuan empat roda, sementara kemudahan-kemudahan lain seperti pengangkutan di ketiga-tiga kampung tersebut akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan JAKIM sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk kemudahan-kemudahan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Hazani, kemudian Tuan Osman bin Bungsu.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seorang orang Kelantan hendak tanya, seorang Orang Asli hendak tanya.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, kenapakah tiada pemantauan yang serius terhadap Orang-orang Asli yang baru memeluk Islam. Adakah pihak JAKIM ada menghantar tenaga pengajar agama yang berpengalaman supaya Orang Asli boleh mendalami ilmu agama Islam supaya mereka tidak mudah bertukar agama?

Apakah tindakan kementerian ke atas guru-guru JAKIM yang tidak masuk kawasan mengajar, apabila diarahkan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, bukan kita tidak ada pemantauan yang serius. Untuk makluman Yang Berhormat, daerah yang disebutkan tadi, Pos Gob, Pasik dan Simpor ini, dari segi kedudukan geografinya amat susah untuk kita sampai ke tempat-tempat ini.

Kalau pun Kementerian Kesihatan ingin menghantar sebarang bantuan, terpaksa menggunakan helikopter dan kita sendiri pun kalau dengan menggunakan pacuan empat roda pun, memang susah untuk sampai ke daerah ini. Bila Yang Berhormat bertanya tentang pengajar-pengajar agama yang berpengalaman, setakat ini penggerak-penggerak masyarakat yang kita lantik adalah jawatan kontrak.

#### ■1110

Jadi kadang-kadang sebahagian daripada mereka apabila tamat tempoh kontraknya akan cari kerja yang lain dan setakat ini pun apabila kerajaan menawarkan 306 kekosongan, hanya 110 sahaja yang diisi kerana jawatan ini bukanlah satu jawatan yang mudah. Setakat ini yang kita kemukakan adalah mereka yang ada kelulusan empat senawi untuk mengajar agama kepada Orang-orang Asli.

Guru-guru JAKIM yang dihantar ke sana umpamanya di Pos Pasik ini sendiri memang ada kelas yang secara berkala. Misalnya Kelas Fardu Ain itu memang kita buat empat kali

seminggu atau sekali seminggu, tetapi yang lain-lain itu kita tak boleh terlalu banyak Yang Berhormat sebab sebagai orang mualaf ataupun baru memeluk agama Islam agak sukar bagi Orang Asli ini kita tekankan terlalu banyak perkara kepada mereka.

Jadi kalau kita mendapat maklumat ada penggerak-penggerak ataupun guru JAKIM yang tidak menunaikan tanggungjawab mereka untuk pergi ke Pos Orang Asli ini memang ada tindakan yang akan kita ambil Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pada 15 Disember, hari Jumaat yang lepas saya telah melawat satu kawasan iaitu Kampung Orang Asli Tohor. Di sana saya telah memberi satu *motivation* di situ. Apa yang saya lihat ialah ada rumah pemaju masyarakat yang telah uzur dan tak didiami oleh penggerak masyarakat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu ayat dan mukadimah. Pertanyaan?

**Tuan Osman bin Bungsu:** Pertanyaannya, apakah langkah-langkah yang telah dikenal pasti untuk melihat bahawa peranan petugas-petugas ini menjalankan tugas dan persoalannya apakah tahap profesionalisme yang telah diberikan kepadanya sama ada kecekapan, peruntukan dan kefungsianya untuk bertugas. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah bertanyakan soalan tadi dan kita sangat mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak untuk membantu Orang-orang Asli kerana ia bukanlah tanggungjawab mutlak kepada pihak JAKIM sahaja. Berkenaan dengan tempat yang dilawat oleh Yang Berhormat di mana ada rumah pemaju masyarakat yang tidak didiami, tidak disangkal bahawa ada sebahagiannya kerana kesukaran-kesukaran fasiliti ataupun kemudahan asas. Sebahagian daripada mereka memang tak duduk di tempat itu tapi memang ada ziarah secara berkala ataupun program ziarah dakwah, program penghayatan Islam bagi mereka di sana. Tahap profesionalisme seperti mana yang kita sebut Yang Berhormat, jawatan yang kita tawarkan setakat ini ialah kepada bekas-bekas tentera, bekas-bekas polis ataupun paling minimumnya mereka yang ada SPM ataupun ada empat senawi. Sudah tentu bila jawatan ini jawatan kontrak dan jawatan yang memang memerlukan satu komitmen yang sangat tinggi, kita tidak menafikan bahawa sebahagian daripada mereka ini memang tidak ada kecekapan yang disebut oleh Yang Berhormat.

Apa pun kita menggalakkan kerjasama yang erat daripada NGO dan juga masyarakat setempat untuk bersama-sama dengan kita mengawal keadaan Orang Asli ini. Untuk makluman Yang Berhormat memang tidak mudah untuk mendakwah mereka ini kerana mereka merupakan orang-orang yang baru memeluk agama Islam. Kita tidak boleh menekankan terlalu banyak aspek-aspek keagamaan yang berat kepada mereka tetapi lebih kepada cara yang ringan kepada akidah dan juga penghayatan Islam yang mudah bagi mereka yang baru memeluk agama Islam.

9. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan, berapa banyak kah setakat ini komputer riba dan peralatan ICT lain yang telah hilang kerana dicuri dan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada guru yang telah kehilangan komputer riba itu ketika komputer berkenaan berada dalam jagaan mereka ketika membuat persiapan pengajaran di luar sekolah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peraturan kewangan sedia ada mana-mana pegawai awam yang didapati cuai menyebabkan kehilangan harta awam boleh dikenakan tindakan termasuk surc妖. Manakala bagi kes kehilangan yang tiada unsur kecuaian, amaran akan dikeluarkan kepada pegawai terbabit supaya lebih berhati-hati agar perkara yang sama tidak berulang lagi di masa hadapan.

Setiap kes kehilangan akan dibawa ke Jawatankuasa Penapis permohonan Hapus Kira Kementerian Pelajaran dan mana-mana kes yang ada unsur kecuaian akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan. Setakat ini sebanyak 250 kes melibatkan guru dan kakitangan telah dirujuk ke Kementerian Kewangan untuk tindakan selanjutnya.

Sebagai langkah keselamatan, Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah-langkah keselamatan seperti penggunaan peti besi dan pemasangan CCTV serta alat penggera di sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah berisiko tinggi. Terima kasih.

**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat ini kebanyakan peralatan ICT seperti komputer riba dibekalkan kepada guru yang mengajar subjek sains dan matematik sahaja. Tidakkah pihak kementerian ingin memperluaskan pemberian penggunaan komputer riba kepada subjek-subjek lain?

Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju bahawa buat masa ini komputer riba ataupun *notebook* dibekalkan kepada guru-guru yang mengambil mata pelajaran matematik dan sains untuk pengajaran dalam bahasa Inggeris. Di samping itu kementerian juga menyediakan bilik makmal komputer di sekolah-sekolah dengan bekalan 20 unit *personal computer* (PC) dan untuk sekolah-sekolah yang tidak ada makmal komputer, kementerian bekalkan pusat akses di mana kita beri setiap sekolah 10 unit PC. Terima kasih.

**Datuk Chew Vun Ming:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan peralatan ICT dan *laptop* komputer, soalan tambahan saya ialah adakah penggunaan multimedia di kelas dalam sesi pembelajaran telah berjaya telah dilaksanakan di semua sekolah di negara kita? Sekian terima kasih,

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat terperinci tentang keberkesanan penggunaan ICT di dalam sekolah tetapi dari segi peralatan semua sekolah telah pun dibekalkan dengan peralatan yang mencukupi. Terima kasih.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Didapati bahawa sebahagian komputer riba dan peralatan ICT di sekolah-sekolah telah terletak di luar bandar dan

kawasan pedalaman mengalami kerosakan dan tidak dibaiki dengan segera. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan komputer atau alat ICT yang rosak boleh dibaiki dengan kadar yang segera bagi melicinkan proses pengajaran sekolah itu?

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab soalan ini pada sesi yang sebelum ini tetapi pokok soalan adalah mengenai *maintenance* ataupun penyelenggaraan manakala pokok soalan ini adalah mengenai kehilangan.

Jadi secara ringkas kementerian telah melantik kontraktor-kontraktor untuk *repair* dengan izin, komputer-komputer yang rosak dan sekiranya kementerian dapati bahawa perkhidmatan tidak baik ataupun tidak memuaskan, kementerian akan mengambil tindakan untuk menyenaraihitamkan kontraktor tersebut dan melantik kontraktor yang baru. Terima kasih.

10. **Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah kementerian tidak bercadang untuk mengarahkan pusat perubatan swasta menurunkan caj yang dikenakan ke atas penyakit di mana dewasa ini caj yang dikenakan adalah terlalu tinggi kepada para pesakit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jadual 13, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, caj rawatan berkaitan dengan amalan pakar perubatan yang membuat konsultansi, penyiasatan dan prosedur rawatan adalah berdasarkan fi yang lazimnya digunakan oleh hospital swasta di negara ini. Fi tersebut adalah berbentuk siling di mana tiada caj yang boleh melampaui siling berkenaan. Caj yang dikenakan terlalu tinggi terjadi apabila doktor bertindak di luar etika mereka. Perkara yang sama juga boleh berlaku kepada prosedur rawatan di mana caj yang dikenakan terhadap prosedur yang tidak perlu dilakukan.

#### ■1120

Tindakan boleh diambil terhadap hospital swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan doktor yang melakukan kesalahan ini tanpa lunas-lunas saintifik atau beretika boleh diadukan kepada Majlis Perubatan untuk tindakan di bawah Akta Perubatan 1971.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, tepat sekali. Datuk Lee Chong Meng, Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan Puan G. K Loga Chitra.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju bahawa syarat-syarat dan garis panduan ada, tetapi hospital swasta tidak ikut. Ini kerana saya telah terima satu kes bahawa staf hospital swasta tidak mengikut situasi atau status pesakit tetapi mengikut jumlah insurans perubatan yang diperoleh oleh pesakit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu adalah ayat mukadimah, pertanyaan?

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Pertanyaannya, satu kes ini kos jumlah insurans perubatan RM50,000. Pesakit telah bayar RM45,000 kerana hospital janji dia hendak pakai hendak isikan bateri atau *heart pacemaker* di hospital swasta. Mereka tidak puas hati dan saya

pindahkan dia pergi ke IJN dan doktor-doktor IJN selamatkan dia dengan cara yang terbaik tanpa mengisi bateri itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Empat sudah ayat mukadimah.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Hanya caj RM10,000 sahaja. Saya ingin tahu masalahnya perbezaan ada RM35,000 dan saya hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat tentang kes ini dan saya hendak cadang bahawa bolehkah kita mewujudkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab, pertanyaan sudah selesai, cadangan tunggu masa perbahasan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Baik satu lagi, Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab, Yang Berhormat sila jawab.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Bolehkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila jawab, pertanyaan sudah selesai, yang lain boleh tunggu masa perbahasan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Okey, terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan bil, kita boleh dapatkan bil yang terperinci daripada hospital selepas kita mengadakan prosedur. Apabila kita lihat bil itu dan kita bandingkan dengan fee yang ditentukan di bawah akta yang saya katakan tadi, bermakna kalau dia terlebih daripada yang diwartakan bermakna kita boleh rujuk bil itu kepada Majlis Perubatan atau Kementerian Kesihatan supaya kita boleh ambil tindakan terhadap hospital atau doktor yang telah caj melampaui fee yang telah ditetapkan di bawah akta. Ini memang ada diperuntukkan di bawah akta yang baru kita kuatkuasakan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada menimbulkan dua kes yang lebih kurang ada hubungannya dengan pertanyaan ini. Iaitu caj yang keterlaluan oleh dua orang doktor yang jumlahnya satu hari satu kes RM3,000 satu lagi lebih kurang RM2,000. Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan secara khusus diambil ke atas kedua-dua orang doktor ini dan apakah hasil tindakan itu? Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan kes yang dibangkitkan tadi adalah bahawa satu orang doktor pakar dia telah melawat seorang pesakit beliau di ICU sebanyak 15 kali dalam satu hari. Tiap-tiap kali dia telah cajkan RM200 setiap lawatan itu. Bermakna dalam satu hari dia lawat 15 kali dia sudah caj RM3,000 ke atas bil dia. Kes ini kita memang masih dalam siasatan tetapi yang pentingnya adalah kita hendak menentukan bahawa doktor itu dia tidak menyalahi etika kedoktoran dia. Kadang-kadang memang betul doktor itu dia terpaksa melawat pesakit dia di wad ICU kerana dia memerlukan rawatan yang lebih rapi tetapi kita kena lihat adakah itu perlu. Ini adalah isu dia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan GK Loga Chitra.

**Puan GK Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian terhadap pusat perubatan swasta di mana doktor-doktor di pusat tersebut menyediakan laporan perubatan dan bil-bil ataupun invois-invois perubatan yang tinggi cajnya untuk menuntut daripada syarikat insurans.

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan bil-bil yang melampaui siling yang telah ditetapkan oleh akta yang saya katakan tadi bermakna, itu adalah bersalah di sini undang-undang, tindakan boleh diambil. Jikalau bil itu hospital swasta ini tujuhan kepada pihak insurans, bermakna syarikat insurans itu boleh buat aduan terhadap hospital itu kepada kita dan kita juga akan ambil tindakan terhadap hospital atau doktor yang berkenaan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon pertanyaan. Masa pertanyaan yang dulunya 60 minit, sekarang sudah 90 minit ialah masa bertanya. Tanya untuk cungkil betapa kerajaan selaku pemerintah *accountable* dalam isu itu. Maka kerana masanya terhad, saya terpaksa kawal dengan ketat supaya hanya pertanyaan, tanya. Dakwa tidak boleh, cerita tidak boleh, bahas tidak boleh, bertelingkah tidak boleh, hujah tidak boleh, tanya.

Lain-lain boleh digunakan masa perbahasan, kerana masa 90 minit ialah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mencungkil betapa *accountable* kerajaan sebagai pemerintah dalam negara. Kita ada lagi banyak isu yang dapat ditimbulkan, lagi memaparkan betapa *accountable* kerajaan kepada rakyat. Itulah sebab saya terpaksa kawal dengan ketat. Terima kasih. Jadi tanya, dakwa tidak boleh, cerita tidak boleh, bahas tidak boleh, telingkah tidak boleh, hujah tidak boleh, tanya.

11. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah benar kenyataan kelulusan pelan bangunan oleh pihak PBT hanya mengambil masa 142 hari, sedangkan dalam kes biasa pun kelulusan mengambil masa berbulan-bulan dan di manakah tahap kecemerlangan kakitangan kerajaan ini yang kadang-kadang sengaja menyusahkan orang ramai.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha mempertingkatkan sistem pengabaian perkhidmatan kerajaan di pihak PBT, kerajaan telah memperluaskan fungsi pusat setempat atau OSC untuk menerima dan menerasi proses kelulusan permohonan pembangunan yang merangkumi 13 jenis permohonan termasuk kelulusan pelan bangunan.

Setiap proses yang perlu dilalui dalam meluluskan sesuatu permohonan digubal dengan piagam masa atau tempoh hari mengikut hari kalender yang perlu dipatuhi oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi teknikal yang berkaitan. Sekiranya permohonan pelan bangunan dikemukakan dengan langkah mengikut keperluan yang telah ditetapkan, OSC baru boleh memberi kelulusan dalam tempoh 35 hari.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penubuhan OSC baru ini, diwujudkan juga jawatankuasa OSC yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua dengan keahliannya terdiri daripada semua wakil-wakil agensi teknikal yang perlu bersidang setiap dua minggu sekali untuk menimbang dan memberi keputusan terhadap sesuatu permohonan. Penyelarasas proses dan prosedur yang dijalankan ini mampu memendekkan masa meluluskan sesuatu permohonan lebih-lebih lagi bagi kelulusan pelan pembangunan, kerana kuasa meluluskannya terletak kepada jawatankuasa OSC sahaja tanpa perlu merujuk kepada pihak berkuasa negeri. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Rizuan Abdul Hamid, Tuan Khoo Soo Seng.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, di manakah kebenaran *One Stop Centre* atau OSC untuk meluluskan pelan bangunan tanpa merujuk kepada jabatan kerajaan dan agensi yang lain.

■1130

Kenapa proses kelulusan masih lagi menggunakan kaedah lama? Jabatan Kerja Awam, Jabatan Parit dan Saliran, IWK dan Bomba masih mengambil masa yang agak lama nak memproses kelulusan pelan mengikut selera mereka. Di manakah kehebatan *one-stop-centre* yang diperkenalkan oleh kerajaan yang masih menggunakan kaedah lama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kenapa guna yang lama.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang ini daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 13 April 2000 telah arahkan ingin wujudkan *one stop centre*. Kami tidak nafikan kita mempunyai apa-apa masalah kecil atau *tiny problem* tetapi untuk maklumat Yang Berhormat Senator, saya mempunyai satu pelan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Menurut jadual, kalau ini tanah sudah digazet, iaitu semua agensi jabatan-jabatan teknikal, kalau tanah ini sudah digazet, hanya diberikan masa 14 hari sebelum mereka hantar ke pejabat tanah, Jabatan Perancangan dan Bangunan, PBT dan Jabatan Kejuruteraan PBT.

Ini empat pihak, mereka memproses semasa atau *simultaneously* dengan izin, selama 25 hari kalau tanah ini sudah digazet. Kalau belum digazet, itu akan masa 50 hari. So, semuanya menurut jadual ini, yang baru OSC punya jadual itu meluluskan hanya mengambil masa 35 hari seperti saya katakan. Lain punya, kalau masih ada OSC tidak mampu mencapai tahap masa ini, kementerian saya telah memberi beberapa langkah untuk meningkat keberkesanan mereka melalui berdialog dengan bidang-bidang profesional dan lain-lainnya supaya saya yakinlah tidak lama lagi jadual ini boleh dicapai dengan sepenuhnya. Sekian.

**Tuan Khoo Soo Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah pelaksanaan OSC ini ada ke mendatangkan apa-apa faedah kepada para pembeli rumah misalnya penurunan harga rumah. Terima kasih.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih. Ya, memang ini kementerian saya telah pun memberi perhatian kepada pembeli rumah. Contohnya, menurut jadual ini, kalau projek perumahan pemaju itu di bawah sistem bina kemudian jual, ini akan memberikan satu masa lebih pendek untuk memproses semua permohonan. Iaitu di dalam masa empat bulan saja untuk meluluskan. Ini kerana pemendekan masa itu akan mengurangkan kos pemaju dan saya haraplah kekurangan kos ini akan dihantar ke pembeli rumah. Sekian.

12. **Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, walaupun negara menawarkan pendidikan teknik dan vokasional yang baik, tetapi umumnya rakyat termasuk sesetengah majikan masih menganggapnya sebagai 'pendidikan kelas dua'. Apakah perancangan dan langkah kerajaan untuk membentulkan persepsi yang salah itu.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan tanggapan umum dan stigma pendidikan teknik dan vokasional kelas kedua terhadap pendidikan teknik dan vokasional, kerajaan telah bersetuju untuk meletakkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) seiring dengan kelayakan akademik seperti yang termaktub di dalam *Malaysian Qualifications Framework* atau MQF, dengan izin ataupun Kerangka Kelayakan Malaysia yang akan dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Selain itu, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan mengembangkan program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran ke peringkat antarabangsa pada 2 Disember 2005. Melalui keputusan tersebut, pengantarabangsaan Sijil Kemahiran Malaysia kepada dunia luar telah dimulakan pada 1 Julai 2006 dengan penguatkuasaan garis panduan dan peraturan mengembangkan program-program latihan kemahiran JPK ke peringkat antarabangsa.

Kerajaan kita melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia juga menganjurkan pertandingan Johan Kemahiran Malaysia atau dikenali sebagai 'My Skills' sebagai langkah untuk mempromosikan pendidikan teknik dan vokasional kepada belia-belia di negara kita. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) juga terlibat dalam menghantar peserta-peserta mengikuti bidang-bidang yang dipertandingkan ke pertandingan johan kemahiran ke peringkat Asian yang dikenali sebagai *Asian Skills* dan pertandingan johan kemahiran ke peringkat dunia, dikenali sebagai *World Skills*. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Tajul Ursus.

**Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin:** Soalan tambahan saya, apakah yang terkandung di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia bagi memantapkan lagi hal-hal berkaitan

kemahiran di Malaysia yang diluluskan kerajaan melalui *Malaysian Qualification Act* atau agensi yang setaraf dengan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) yang ditetapkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Perlu saya jelaskan bahawa Kerangka Kelayakan Malaysia ini merupakan satu instrumen yang membangun dan juga mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang dipersetujui di peringkat kebangsaan dan di tanda aras di peringkat antarabangsa dan menjelaskan tahap pembelajaran hasil pembelajaran dan sistem kredit yang berasaskan kepada pembelajaran pelajar. Kita juga sedar bahawa ianya di tanda aras dalam kerangka utama dunia seperti dari England, dari Wales and Northern Island, Australia, New Zealand dan juga Eropah. Perlu saya jelaskan juga bahawa Kerangka Kelayakan Eropah ini merupakan payung kepada kerangka nasional negara-negara Kesatuan Eropah yang telah diterima oleh seperti *United Nations Educational Scientific and Cultural Organization UNESCO* di Lisbon.

Konvensyen yang ditandatangani oleh negara-negara maju seperti negara Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand dan negara-negara yang lain. Saya juga nak panjangkan sedikit iaitu dari segi tahap kelayakannya ia bermula daripada sijil tahap satu hingga tiga, masuk ke tahap diploma, pergi kepada peringkat diploma lanjutan, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan seterusnya berhenti sampai ke ijazah kedoktoran.

Kalau kita lihat dari segi domain ataupun perkara-perkara terpenting, mengandungi antara lain iaitu tiga kategori tahap kelayakan, bidang pengajian dan juga program dan domain-domainnya adalah meliputi kemahiran, kemahiran praktikal dan juga tanggungjawab sosial, nilai sikap dan profesionalisme, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran saintifik, pengurusan maklumat, pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran mengurus dan juga keusahawanan.

#### ■1140

Pendek kata, satu Sijil Kerangka Kelayakan Malaysia yang baru diluluskan oleh Parlimen kita memberikan satu pengiktirafan bukan sahaja di peringkat negeri, negara, kebangsaan malah juga di peringkat dunia. Inilah di antara satu pengiktirafan yang terbaru di mana mereka yang berkelulusan bidang vokasional dan juga teknikal dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Tajul Urus.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, pekerja asing dia tidak ada sijil teknik dan vokasional tetapi menjadi *priority* majikan. Tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa selain daripada *Malaysian Qualifications Framework* sebagainya ini, kriteria-kriteria sikap budaya juga adalah perkara yang penting untuk menjadi pekerja kelas pertama ini.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang kita akui bahawa pembelajaran dan kelayakan serta kelulusan di peringkat akademik bukanlah itu merupakan penerimaan dan juga

penilaian secara mutlak kerana kita sedar bahawa pembelajaran juga dapat dalam bentuk-bentuk yang informal seperti yang disebutkan tadi iaitu sikap budaya dan sebagainya. Sebab itu hari ini kedapatan pekerja-pekerja mahir juga menjurus kepada nilai budaya tahap kebolehan diri dan juga kemampuan mengadaptasikan diri mereka dengan nilai budaya dan juga sikap-sikap diri sendiri, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali Bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Sebelum daripada itu sebagai panduan saya bercadang untuk teruskan sehingga soalan ke-14.

**13. Datuk Wira Syed Ali Bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan setakat ini, daripada 125 cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Penambahbaikan ianya dibentangkan pada tahun 2005, berapa banyakkah cadangan tersebut telah dilaksanakan dalam usaha kerajaan memulih dan menjamin keyakinan rakyat terhadap kewibawaan PDRM.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiew]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat lima jawatankuasa kecil diwujudkan bagi memudahkan pelaksanaan 125 cadangan yang disyorkan oleh Suruhanjaya Diraja menambah baikkan perjalanan dan pengurusan Polis Diraja Malaysia. Cadangan-cadangan tersebut dipecahkan dalam kumpulan jawatankuasa kecil seperti berikut:

- (i) jawatankuasa kecil pengurusan sumber manusia terdapat 30 cadangan;
- (ii) jawatankuasa kecil etika kerja dan pemodenan pengurusan terdapat 55 cadangan;
- (iii) jawatankuasa kecil undang-undang dan peraturan terdapat 21 cadangan;
- (iv) jawatankuasa kecil logistik dan kewangan terdapat 8 cadangan; manakala
- (v) jawatankuasa kecil premis dan bangunan terdapat 11 cadangan.

Daripada 125 cadangan tersebut, 102 atau 82% cadangan telah dan dalam pelaksanaan. Manakala 23 atau 18% masih dalam kajian terperinci. 23 cadangan yang masih dalam kajian terperinci adalah cadangan-cadangan yang belum dapat dilaksanakan kerana beberapa faktor seperti memerlukan pindaan terdapat akta polis, memerlukan masa untuk kaji terlebih dahulu kesan pelaksanaannya, perubahan struktur organisasi skim perkhidmatan dan sebagainya yang membabitkan kerjasama jabatan-jabatan lain memerlukan peruntukan yang besar, sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Wira Syed Ali, Datin Paduka Nik Azizah dan Dato' Ismail Kassim.

**Datuk Wira Syed Ali Bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya kerajaan telah pun mengumumkan

penubuhan satu jawatankuasa khas dan menolak penubuhan Suruhanjaya Diraja seperti yang diminta oleh pelbagai pihak. Pertanyaan perbahasan saya, apakah bidang kuasa yang membolehkan jawatankuasa ini efektif dan bebas dalam menyelesaikan segala aduan orang ramai mengenai dengan tingkah laku polis, terima kasih.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Itu bukan satu Suruhanjaya, tetapi satu jawatankuasa IPCMC kalau yang dimaksudkan cadangan asal untuk menujuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan IPCMC telah digantikan dengan satu Suruhan Aduan Khas. Sebab-sebab kajian mencadangkan Suruhanjaya Aduan Khas ditubuhkan ialah setelah mengambil kira beberapa faktor termasuk pertindihan dalam bidang tugas IPCMC dengan bidang tugas Suruhanjaya Polis yang boleh ditugaskan untuk tindakan tatatertib, juga jawatankuasa tatatertib di kementerian masing-masing, juga tindihan dalam kuasa tentang *anti-corruption*.

Dengan itu, maka kerajaan berpendapat bidang kuasa IPCMC perlu diperluaskan supaya ia juga merangkumi lain-lain pasukan penguatkuasaan seperti JPJ, Kastam dan sebagainya. Sebab bukan sahaja polis yang menerima aduan daripada orang ramai tetapi lain-lain pasukan juga sama-sama menerima banyak aduan daripada orang ramai dan ia perlu ditangani. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Hajah Nik Azizah.

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah cadangan suruhanjaya terutama dalam memberi kediaman yang agak selesa telah dapat diatasi sepenuhnya.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Itu adalah satu cadangan yang utama dalam Suruhanjaya Diraja yang mencadangkan pihak kerajaan menaik taraf semua kemudahan kediaman dan perbanyakkan perumahan untuk anggota polis dan pegawai polis. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan hampir RM8 bilion khas untuk PDRM dan sebahagian besar adalah untuk pembinaan rumah untuk anggota dan pegawai PDRM. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tujuan suruhanjaya penambah baikkan ini untuk menambah kecekapan sama ada dalam pengurusan dan perjalanan sehari-hari tugas-tugas dan tanggungjawab dan amanah yang harus dipikul oleh pihak polis. Apakah rasionalnya kita lihat pengguguran dakwaan membunuh 31 orang dalam perhimpunan haram baru-baru ini; adakah pengguguran ini menggambarkan pihak polis kekurangan bukti ataupun ada desakan atau tekanan yang mahu perkara ini digugurkan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Pengguguran dakwaan tersebut adalah keputusan pihak AG dan bukan pihak polis. Pihak polis telah menjalankan tugas telah sebelum ini mendapat perintah larangan untuk mereka berhimpun dan sebagainya. Pihak polis telah ambil tindakan yang perlu termasuk penangkapan mereka ke ISA. Kita anggap dengan terlaksananya tindakan tersebut

kita telah pun berjaya mengurangkan tegangan di masyarakat dan pertegangan kaum di masyarakat kita, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**14. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah tindakan susulan bagi mengimplementasikan Deklarasi Putrajaya yang telah diterima sebulat suara oleh 84 perwakilan semasa Mesyuarat Peringkat Menteri Penggerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi memperkasakan kaum wanita dan mencapai kesaksamaan gender.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, Deklarasi Putrajaya menggariskan cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh kaum wanita di negara-negara anggota NAM dalam sembilan bidang kritikal iaitu:

- (i) pembangunan ekonomi;
- (ii) penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan;
- (iii) pendidikan;
- (iv) kesihatan media;
- (v) kesihatan media dan ICT;
- (vi) konflik bersenjata;
- (vii) keganasan terhadap wanita;
- (viii) bencana alam; dan
- (ix) menggaris peranan gender.

#### ■1150

Tuan Yang di-Pertua, tindakan susulan yang diambil oleh kementerian untuk melaksanakan Deklarasi Putrajaya, ialah seperti berikut. Dalam bidang ekonomi, usaha telah diambil bagi menyediakan kemudahan sokongan yang perlu bagi membolehkan wanita menyertai pasaran pekerjaan di sektor awam mahupun di sektor swasta. Ini termasuk penubuhan lebih banyak taska komuniti di seluruh negara. Kenaikan dalam geran pelancaran, penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja dan kemudahan cuti menjaga anak di sektor awam dan pemberian subsidi penjagaan anak kepada kakitangan kerajaan yang berkelayakan dan ibu bapa yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga sedang giat mempromosi pelaksanaan konsep bekerja dari rumah bagi menggalakkan wanita yang terpaksa berhenti kerja kerana komitmen terhadap ahli keluarga yang memerlukan mereka sentiasa berada di rumah untuk menceburi perniagaan kecil-kecilan. Pelaksanaan dasar 30% penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan merupakan usaha berterusan buat masa ini.

Kementerian dengan kerjasama *United Nations Development Program* atau UNDP, dengan izin, sedang merangka pelan tindakan pelaksanaan dasar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian wanita dalam pendidikan amat membanggakan dengan kemasukan pelajar perempuan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan kini mencapai kadar 61.2%. Usaha berterusan sedang diambil bagi menggalakkan kemasukan pelajar perempuan dalam bidang-bidang di mana penyertaan mereka masih kurang seperti bidang sains dan kejuruteraan.

Kerajaan juga amat prihatin dengan peningkatan kes HIV dan AIDS di kalangan wanita. Kementerian dengan kerjasama badan bukan kerajaan telah melancarkan program advokasi bagi meningkatkan kesedaran wanita tentang bahaya penyakit ini. Setakat ini, tiga bengkel berkaitan isu ini telah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Wanita di Kedah, Pahang dan Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan, selaras dengan perkembangan ICT, satu portal khusus yang dikenali sebagai Portal NurITA telah ditubuhkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita bertujuan menggalakkan usahawan wanita memasarkan barang dan perkhidmatan secara atas talian atau *online*, dengan izin. Berhubung isu keganasan terhadap wanita, kanun keseksaan dan kanun prosedur jenayah telah dipindah dengan tujuan memberi lebih perlindungan kepada wanita serta mengenakan hukuman yang lebih berat kepada pesalah. Akta Keganasan Rumah tangga Tahun 1994 juga sedang dikaji semula untuk memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga dan di samping itu, Akta Anti Pemerdagangan Orang yang telah diwujudkan dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya mulai tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mengambil tindakan untuk melaksanakan bajet *responsive gender* sejak tahun 2003 dan indeks jurang perbezaan gender atau *Malaysian Gender Gap Index* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan komitmen negara dalam Deklarasi Putrajaya kerajaan pada 1 Julai 2006, telah menujuhkan Institut Pengupayaan Wanita bagi anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) atau NAM *Institute For Empowerment Of Women* atau NIEW, dengan izin. Semenjak ditubuhkan seramai 158 peserta di negara-negara anggota NAM telah mendapat faedah daripada khusus, forum dan ceramah yang telah dianjurkan oleh NIEW. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hajah Sharipah Azizah, Tuan Lee Chee Keong.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah cukup tindakan yang dibuat oleh kementerian untuk menambahkan lagi penglibatan wanita-wanita kita dalam peringkat pembuat keputusan, sama ada di sektor awam dan swasta bagi memastikan kepentingan wanita di jaga dan diperjuangkan.

Apakah cukup dengan hanya penyuaraan atau adakah kebolehan dan pencapaian wanita di Malaysia hari ini telah cukup membuktikan bahawa kelayakan mereka sebagai pembuat dasar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, penglibatan wanita dalam peringkat membuat keputusan ialah dalam satu tahap di mana kita boleh bangga dengan pencapaian mereka. Walaupun tahap itu masih rendah, tetapi jika kita lihat peranan wanita dalam peringkat membuat keputusan ialah satu yang baru dengan izin, wanita ialah *lead social rival*, semua perkara penting yang di bahas dengan panas bermula dengan *Beijing Declaration* dalam tahun 90-an.

Selepas itu juga semua negara termasuk Malaysia mengambil tindakan untuk mengutamakan peranan wanita dan jika Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya, saya boleh memberi sedikit peratusan penglibatan wanita dalam negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Secara ringkas Yang Berhormat.

**Datuk G. Palanivel:** Secara ringkas. Jumlah penduduk Malaysia ialah 26.6 juta. Bilangan penduduk wanita Malaysia ialah 49.1% dekat-dekat 50%. Kadar penglibatan wanita dalam tenaga buruh ialah 30.8% dalam tahun 1957 tetapi sekarang ialah 44% hingga 47%.

Jumlah tenaga buruh wanita ialah 3.7% ataupun 36% dari jumlah tenaga buruh Malaysia. Penglibatan wanita dalam sektor profesional terpilih ialah: doktor gigi, 56.2%; peguam, 45.7%; akauntan, 44%; doktor, 37.2%; pakar veterinar, 34.3%; juru ukur bahan, 33.9%; arkitek, 14.3%; dan jurutera, 2.8%. Enrolmen pelajar wanita dalam institusi pengajian tinggi ialah 61.2%.

Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa yang akan datang, kumpulan wanita akan jadi satu kumpulan yang penting dalam negara ini dan mereka akan mendahului kumpulan lelaki. *[Tepuk]*. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini memang tidak dapat dinafikan Yang Berhormat...  
[Ketawa] Silakan Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Deklarasi Putrajaya paragraf ke 12 dengan izin katanya, “*Although women have enjoy some benefits, most of them still suffer from increase poverty. Deteriorating working condition and job insecurity*”. Dalam para 16(k), katanya dengan izin, “*provided women especially marginalized and vulnerable category of women assess to financing in particular micro credit and marketing facilities and provide corresponding capacity building program in gender awareness, fund management and other appropriate skill*”. Ini saya ingin tahu secara spesifiknya. Adakah usaha kementerian terutamanya dalam mikro kredit and *marketing facilities*. *Thank you*, terima kasih.

**Datuk G. Palanivel:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, semua jawapan yang diberi oleh kerajaan dan kementerian ialah dari segi dasar, dari segi mikro.

■ 1200

Kalau perlu spesifik, susah sebab tidak ada notis dan saya dalam Dewan yang mulia ini perlu memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, saya akan cuba jika perlu angka-

angka mikro kredit, Amanah Ikhtiar Malaysia, saya ingat dalam apa yang boleh saya ingat sekarang, angka-angkanya ialah mereka sudah memberi kredit kepada lebih kurang 65,000 keluarga yang diketuai oleh ketua wanita keluarga dan semuanya dibebaskan dari belenggu kemiskinan. Angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat tadi benar, saya tidak menafikan angka-angka itu tetapi semua tindakan yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dan kementerian saya ialah dalam arah yang baik dan kita akan mencapai *target-target* yang diletakkan oleh kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

*[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[17 Disember 2007]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Kerja Raya untuk menjawab.

**12.01 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Bajet 2008 bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negara yang Kesebelas. Saya akan cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Maijol Mahap ingin tahu bila projek naik taraf jalan di kawasan Kota Belud akan dimulakan. Yang Berhormat Senator juga memohon supaya jalan-jalan *gravel* diturap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah pun meluluskan projek naik taraf jalan Kota Belud ke Langkon sepanjang 15.2km. Pakej satu projek ini iaitu menaik taraf jalan Kota Belud – Langkon kilometer 1.2 hingga ke kilometer 7.9 telah siap disempurnakan pada 26 Jun 2006. Manakala

pakej dua iaitu menaik taraf jalan Kota Belud – Langkon dari kilometer 28.2 hingga kilometer 36.9 kini sedang dalam peringkat reka bentuk dan dijangka siap pada bulan Jun 2008. Projek ini dijangka akan dimulakan pembinaannya pada Disember tahun 2008. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan *grave*/di kawasan Kota Belud akan diturap dari masa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor telah meminta Kementerian Kerja Raya supaya mengkaji semula Lebuhraya Pantai Timur ke Kelantan supaya dipercepatkan projek naik taraf jalan Kuala Lipis ke Gua Musang dan Kuala Lipis ke Kuala Krai. Yang Berhormat Senator juga meminta supaya jalan-jalan ini dilebarkan kerana ia menjadi laluan utama Pantai Barat ke Kelantan. Selain itu, Yang Berhormat Senator juga memohon lebih banyak kawasan rehat dan rawat dibina seperti di Bukit Tujuh untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Pantai Timur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengambil tindakan untuk melaksanakan rawatan pemulihan kos rendah dengan segera bagi menangani masalah Jalan Kuala Lipis – Gua Musang – Kuala Krai yang banyak selekoh dan sempit. Kerja-kerja rawatan pemulihan kos rendah meliputi memasang papan tanda amaran, memasang *road start* di kawasan jalan yang tidak berlampa dan meratakan bahu jalan untuk mengelakkan air bertakung di permukaan jalan.

Di samping itu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian ini sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf laluan 8 dari Kampung Relung, Pahang ke Gua Musang, Kelantan. Skop projek ini melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan laluan persekutuan 8 sedia ada sepanjang 98.5 km dari Kampung Relung iaitu kilometer 14 dari Kuala Lipis, Pahang ke Gua Musang, Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut adalah dua lorong dua hala dengan bahu jalan berturap dengan izin, *two lane single carriage with pave shoulder* mengikut piawaian JKR R5 dengan 7.0 meter kelebaran lorong iaitu 3.5 meter setiap satu dan bahu berturap selebar 2.0 meter setiap belah. Selain daripada itu, lorong-lorong memotong akan disediakan bagi setiap 5km bagi memastikan pengguna jalan raya diberi peluang yang mencukupi untuk memotong kenderaan yang bergerak lebih perlahan dan selekoh tajam tidak menepati spesifikasi R5 yang akan diperbaiki.

Pelaksanaan projek ini dibahagikan dalam tujuh pakej segmen. Pada ketika ini kerja-kerja reka bentuk untuk pakej Cegar Perah sepanjang 6.5 km dan sempadan Kelantan-Pahang sepanjang 6.6 km telah disiapkan. Manakala untuk pakej segmen-semen lain sedang dijalankan kerja-kerja reka bentuk. Kerja-kerja pembinaan untuk pakej Cegar Perah dan sempadan Kelantan-Pahang dijangka akan dimulakan pada Jun 2008 dengan anggaran tempoh pembinaan selama 30 bulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah melaksanakan kajian mengiktiraf kawasan rehat dan rawat di laluan utama sebagai R&R Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti lokasi R&R sedia ada

dan membuat analisa keperluan tambahan R&R baru di kawasan yang strategik termasuk di Jalan Kuala Lipis – Gua Musang – Kuala Krai. Satu pelan induk pembangunan perhentian rehat dan rawat (R&R) di jalan-jalan persekutuan sedang disediakan dan dijangka siap pada Jun 2008. Adalah dijangkakan pelaksanaan sebahagian daripada projek perhentian R&R di sepanjang jalan utama persekutuan ini akan dilaksanakan dalam tempoh RMK-9 tertakluk kepada kelulusan peruntukan dalam kajian separuh penggal RMK-9.

Yang Berhormat Senator juga meminta Kementerian Kerja Raya supaya mengkaji semula lebuhraya pantai timur ke Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam RMK-9 kerajaan sedang menjalankan kajian kemungkinan Lebuhraya Pantai Timur Fasa III yang menyambungkan Lebuhraya Pantai Timur Fasa II di Kuala Terengganu ke Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini telah bermula pada 15 Julai 2007 dan dijangka siap pada Oktober 2008 iaitu mengambil masa selama 15 bulan untuk melakukan kajian kemungkinan. Panjang lebuhraya ini adalah dijangka sekitar 150 kilometer dan sekiranya dibina kelak, ia dijangka menjadi laluan utama ke Pantai Timur dan mempertingkatkan rangkaian jalan raya sedia ada.

Melalui kajian pelan pembangunan rangkaian jalan raya yang telah mengenal pasti bahawa adalah amat penting pembinaan sistem lebuhraya yang efisien untuk menghubungkan kawasan Pantai Timur untuk pembangunan Lebuhraya Timur Fasa I iaitu dari Karak ke Kuantan telah siap dibina dan telah dibuka pada 1 Ogos 2004. Manakala Lebuhraya Pantai Timur Fasa II (LPT Fasa II) iaitu daripada Kuantan ke Kuala Terengganu di dalam peringkat fasa pembinaan...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap, bagi saya habiskan ini. Untuk memperkuatkan rangkaian jalan raya dan mempertingkatkan jaringan jalan raya yang sedia ada adalah dicadangkan agar lebuhraya ini disambungkan ke Kota Bharu, Kelantan dari Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu. Sekiranya lebuhraya ini dibina ianya akan menjadi laluan utama ke Pantai Timur dan penghubung utama antara Pantai Barat dan Pantai Timur yang mana akan menjana perindustrian dan pembangunan ekonomi yang setara di kedua-dua bahagian. Silakan.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapat Yang Berhormat, kebanyakan lebuhraya di negara kita khususnya lebuhraya yang melalui jalan-jalan sawah padi mempunyai banyak masalah disebabkan pemendapan tanah.

■ 1210

Sama juga di kawasan *East West Highway* yang saya tengok sendiri selepas dua tiga hari dia tambun tanah, dia terus masukkan *crusher-run* dan sebagainya. Jadi sebelum tanah itu mendap, dia sudah masukkan batu bata di lapisan itu, jadi selepas dia *premix* apabila tanah itu sudah mendap, maka jalan-jalan itu rosak. Begitu juga berlaku di jalan-jalan ke Alor Star dan sebagainya. Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya kita tidak

rugi. Di *side table highway* juga kita tidak nampak longkang-longkang untuk mengelakkan daripada tanah itu terus keluar.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung kait tentang reka bentuk dan cara pelaksanaan bagaimana jalan ini harus dibuat terutama jikalau dia melalui kawasan-kawasan yang tanahnya lembut seperti sawah padi.

Dia ada beberapa pendekatan yang boleh kita buat contohnya, *option*. Kadang-kadang apabila kajian tapak dibuat di tapak bina in-situ kadang-kadang untuk hendak buat *surcharge* kadang-kadang dia tidak *viable*. *Surcharge* maknanya kita korek tanah-tanah yang lembut itu, kemudian letak tanah-tanah yang baru dan biarkan hingga enam bulan ke 12 bulan baru kita korek dan kita masuk balik. Itu dia punya proses *surcharge*.

Ataupun ada jalan-jalan yang dia punya *water table* dengan izin tinggi, kita buat *surcharge* pun kita tidak akan kering sampai itu dan kita perlu membuat *suspended road* maknanya kita buat macam jambatan. Namun begitu Yang Berhormat *bottom line* dengan izin, *cost* dia sama ada kita hendak buat kos itu di sekitar seperti bajet siling yang telah ditetapkan ataupun dia akan *over shoot* sebanyak 100%. Jadi banyak keputusan dibuat berdasarkan kepada apa yang wang kita ada untuk kita belanjakan dan bagaimana keperluan yang dibelanjakan dan dia sebaik mungkin akan dapat memenuhi matlamat untuk menyediakan infrastruktur yang dengan izin *acceptable to the world standard*. Jadi itu pendekatan yang selalu diambil.

Kalau kawasan yang melalui kawasan-kawasan *slime* ini dia memang ada masalah teknikal yang besar kerana kita pun ingat kalau sudah kaji di tapak bina, kalau kita rasa bahawa tanah itu sudah bersedia untuk dengan izin untuk di *compact* sebab dia punya *moisture content is compactable* tetapi kadang-kadang ada *underground water* dan dia jadi tidak macam itu. Jadi bila timbul masalah ini Yang Berhormat - itu sebab Kementerian Kerja Raya melalui JKR kita ada Unit Forensik. Unit Forensik ini kita akan hantar dan kaji sama ada betul-betul jalan itu selamat atau tidak. Kalau tidak selamat kita ambil tindakan untuk tutup jalan itu. Jadi kalau dia memerlukan penambahbaikan dan pengelokkan kita buat macam saya sebut tadi dari standard R3 ke R5.

R3 dia tidak ada *hard shoulder*, R5 dia ada *hard shoulder* dan mungkin dari R5 apabila satu-satu jalan itu sebagai contoh Yang Berhormat, kalau dia punya *trafic count*, satu hari lebih 40,000 kenderaan melalui dan dia punya taraf R5 sudah tidak cukup, dia kena naik taraf kepada *super highway*. *Super highway* Yang Berhormat sedia maklum dia boleh menjangkau macam contoh Lebuh Raya Pantai timur yang dibuat oleh MTD ia sekitar RM7.5 juta per kilometer, tetapi LPT2 ini dia punya *cost* ini sudah *double* dan LPT3 ini kos dia akan menjadi *double*. Jadi dia banyak berhubung kait dengan izin *bottom line hw much money you want to spent on the road*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar ingin mengetahui sama ada kerajaan akan meneruskan rundingan dengan syarikat China *Harbor Engineering*

Company yang sedang membuat Jambatan Pulau Pinang kedua walaupun terdapat kenaikan kos. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan supaya projek Jambatan Pulau Pinang kedua dilaksanakan secara usaha sama antara UEM World Bhd. dengan China Harbor Engineering Company. Pada masa ini kerajaan telah menubuahkan satu jawatankuasa teknikal khas yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ir. Haji Zaini bin Omar iaitu Penasihat Teknikal Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk merundingkan kos dan syarat-syarat serta terma kontrak bagi projek tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain ingin mengetahui cadangan kementerian untuk...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan sebab Yang Berhormat belum menjawab soalan saya tadi. Setelah kita tanda tangan dengan syarikat China, adakah penambahan kos kepada pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Saya hendak pengesahan sama ada adakah penambahan dalam kos asal.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Kos pembinaan jambatan Pulau Pinang kedua ini belum dimuktamadkan. Itu jawapan dia. Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain ingin mengetahui cadangan untuk memindahkan Plaza Tol Jelapang bagi mengelakkan kemalangan maut berulang lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek memindahkan Plaza Tol Jelapang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada Jun 2008. Plaza Tol baru Jelapang terletak kira-kira 800 meter ke arah selatan dari lokasi sedia ada. Lokasi ini dipilih kerana kawasannya adalah mendatar dan lebih selamat kepada pengguna.

Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook mencadangkan mengkaji, membaiki memasang tanda amaran di Lebuh Raya Pantai Timur, di kilometer 193 dan 203 kerana jalan tidak rata dan air bertakung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembaga Lebuhraya telah mengarahkan syarikat konsesi iaitu MTD Prime Sdn. Bhd untuk membuat kajian bagi mengatasi masalah air bertakung dan jalan tidak rata di Lebuh Raya Pantai timur. Konsesi telah melantik Ikram Sdn. Bhd. untuk membuat kajian dan kajian tersebut telah disiapkan pada akhir tahun 2008. Kerja-kerja pemuliharaan turapan telah disiapkan pada Februari 2007 dengan belanja RM10 juta. Walau bagaimanapun dengan berlakunya beberapa kemalangan baru-baru ini Lembaga Lebuhraya dan Syarikat Konsesi MTD Prime Sdn. Bhd. sekali lagi sedang berusaha mengenal pasti sama ada masih terdapat lokasi air bertakung di lebuh raya tersebut termasuk kilometer 193 dan 203 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat senator Dato' Haji Kamarudin bin Ambok dan Dato' Hajah Saripah Aminah ingin mengetahui apakah jenis perjanjian konsesi yang digunakan dalam menentukan kenaikan kadar tol. Kenapakah peningkatan kenderaan yang berganda tidak diambil kira dalam pengurangan kadar tol termasuk tol di Jambatan Pulau Pinang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perjanjian Konsesi Lebuh raya yang lama telah tidak mengambil kira peningkatan kenderaan yang berganda dalam menentukan kadar kenaikan tol. Walau bagaimanapun apabila

kadar trafik meningkat lebih dari unjuran kerajaan, mendapat pulangan daripada perkongsian keuntungan. Syarat ini termaktub dalam perjanjian konsesi Jambatan Pulau Pinang dan beberapa lebuh raya manakala bagi perjanjian baru mengambil kira kenaikan trafik yang berganda.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat, boleh saya pohon laluan? Yang Berhormat, terima kasih kerana... *[Masalah rakaman]* ...berkenaan dengan tol, suacita saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 13 Butiran 0706000 Subjek 40 muka surat 35, Kertas Statut 225 Laporan Tahunan Lembaga Lebuhraya Malaysia 2006, muka surat 32 yang berkaitan dengan pampasan tol.

■ 1220

Di Anggaran Perbelanjaan yang terdapat di muka surat 30, terdapat bayaran pampasan yang diperuntukkan bagi tahun 2008, RM380 juta. Saya tidak begitu jelas tentang konsesi tetapi mengikut laporan tahunan Lembaga Lebuhraya (PLUS), Lebuh Raya Utara Selatan, tahun siap pembukaan 1998. Tarikh perjanjian konsesi ditandatangani pada 8 Mac 1998, semua terdapat di sini. Bermakna jika purata konsesi ini 42 tahun. Katakanlah purata, kata tiga tahun sekali naik kadar tol dan ikut apa yang diperuntukkan, RM380 juta. Andai kata bahawa setiap tiga tahun diberi pampasan dan kerajaan prihatin bagi ia naik banyak kadar tol, saya kira-kira bermakna mungkin sampai akhirnya sembilan kali lagi bayar pampasan. Purata kata RM400 juta, bermakna RM3.6 bilion akan dibelanjakan oleh kerajaan.

Soalan saya adalah hendak dapat penjelasan sama ada kerajaan sedang berusaha, sama ada Kementerian Kerja Raya meneliti semula bagaimana sistem konsesi kita sedia maklum, kita sedia faham bahawa telah pun terjadi tetapi dengan usaha gigih kerajaan supaya rumuskan semula satu perjanjian yang dikatakan *win-win* agar beban kerajaan tidak begitu berat ditanggung, satu.

Yang kedua, nampaknya trafik ikut laporan tahunan telah berkembang maju lebih kurang 4.5%, seluruh konsesi lebuh raya yang sedia ada, 20 lebuh raya tetapi malangnya dikatakan Lebuh Raya Damansara-Puchong, masuk sahaja tol, *jam*. Bayar tol, keluar, *jam*. *Jam* di Sunway, *jam* di Sri Damansara, serupa juga di Lebuh Raya Utara Selatan, masuk tol, *jam*, bayar. Keluar tol, *jam*.

Jadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kerja Raya yang mana saya tahu banyak langkah telah diambil supaya meningkatkan lagi, melebarkan lagi tetapi mengikut unjuran 4.54% kenaikan laluan trafik, saya menyeru supaya Kementerian Kerja Raya dapat melipatgandakan lagi supaya konsesi-konsesi lebuh raya ini dapat bersama-sama dengan LLM supaya tempat-tempat yang tertentu harus diberi perhatian supaya sebagai seorang pengguna, *jam* bayar tol keluar, dia rasanya tidak puas hati. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Kamaruddin bin Haji Ambok:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai perjanjian konsesi ini, jadi saya kurang jelas jawapan Timbalan Menteri tadi mengenai dengan kontrak baru konsesi dimasukkan elemen berganda tadi. Bermakna ada *discount factor* bila kereta melebihi unjuran. Jadi adakah sebelum ini, yang saya maksudkan tadi lebuh raya yang empat, Lebuh Raya Utara Selatan ini tidak termasuk dalam perjanjian seperti yang baru ini. Kalau tidak termasuk, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengubahkan kontrak ini dan apakah pihak syarikat-syarikat konsesi lebuh raya ini secara keseluruhannya mereka menanggung kewangan yang tinggi setiap tahun. Jadi kalau saya tengok daripada laporan dia untung berbilion ringgit, jadi janganlah bebankan kepada rakyat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Boleh? Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat beberapa soalan di sini. Yang pertama tentang syarikat konsesi tol ini. Jadi kalau tadi Yang Berhormat kata tidak dimasukkan dalam perjanjian, tidak boleh kah hari ini, kerajaan panggil syarikat konsesi ini bincang dengan mereka? Takkannya kita hendak biarkan perkara ini berlarutan. Kalau dulu dah silap, sekarang ini panggil. Takkannya syarikat konsesi ini, harta-harta yang besar ini, korporat-korporat besar ini tidak boleh bertolak ansur. Jalan mudah kerajaan ini, naik tol, bebankan rakyat dan kita umumkan bahawa kerajaan membayar subsidi RM20-30 bilion. Jadi, saya rasalah, kerajaan patut buat sesuatu. Jangan bebankan rakyat.

Yang kedua tadi, Yang Berhormat, di Pulau Pinang mengenai Jambatan Pulau Pinang, kita lihat ini, kalau hendak naik tol sudah tentulah ada kemudahan-kemudahan asas diberikan kepada rakyat. Kita lihat sekarang ini Jambatan Pulau Pinang, pelebaran Jambatan Pulau Pinang adalah sekarang ini menyusahkan rakyat Pulau Pinang, menyusahkan. Tadi Yang Berhormat sendiri kata Jambatan Pulau Pinang yang kedua ini, harganya belum muktamad lagi. Bagaimanakah kalau harga belum muktamad, projek telah pun diberi kepada syarikat GLC, UEM dan mengadakan syarikat usaha sama dengan *China Harbour* untuk menjalankan projek dan projek sedang pun berjalan, harga belum muktamad.

Jadi saya berharaplah perkara-perkara yang begini dapat diselesaikan sebelum projek ini berjalan dengan lancar dan saya berharap kepada kerajaan hari ini jangan menyusahkan rakyat, membebankan rakyat dengan hanya yang mudah, naik harga, naik tol, naik harga. Jadi ini adakan menyusahkan rakyat Saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil berat tentang perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed:** Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih di atas pandangan dan saranan yang telah pun diberikan tetapi pada asas pertimbangan utama ini, bila kita sebut lebuh raya ini, ia, dengan izin, *dedicated highway*, *it is a closed highway*. Matlamat utama *is to move traffic from one point to another* dengan *efficiency* dan dengan cepat dan pantas dan kalau kita lihat apa dia punya *economics spin* nya, ia banyak dia punya faktor yang boleh menyebabkan *economics spin* daripada segi itu tetapi semua

ini *at the cost*. Sebagaimana Yang Berhormat mungkin pada awalnya perjanjian yang dibuat antara lebuh raya yang melibatkan utama, Lebuh Raya Pantai, hampir 860 kilometer.

Dulu, Yang Berhormat pun juga sebut ia *dual carriage way* sahaja, tetapi banyak juga jalan yang sekarang ini yang telah jadi sampai *three carriage way*, sudah kena tambah *lane*. Kalau dulu *every certain* 50 kilometer, *only one interchange*, sekarang mungkin *interchange* pun sudah bertambah dan banyak juga kawasan-kawasan pertumbuhan industri baru yang telah pun tumbuh dan ini menjadikan satu elemen yang penting di dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam waktu yang sama juga, kerajaan memang prihatin supaya rakyat ataupun pengguna tidak menanggung kos tol yang tinggi. Itu sebab kalau Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) ini, kalau kita kira dia punya per kilometer, sekarang ni *at the rate 14 cent per kilometer*. Jadi kalau *14 cent per kilometer*, kalau kita bandingkan dengan harga kedudukan pasaran semasa dan juga kedudukan ekonomi semasa, *I think* ia tidak sangat membebankan rakyat.

■1230

Yang kedua, kerajaan ada tanggungjawab kepada perjanjian yang telah pun dimeterai. *No government should revoke any agreement* yang akan memberikan kesan yang besar kepada *financial rating* kerajaan. Contohnya, kalau PLUS merupakan syarikat konsesi yang terbesar dan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan *one of the highest market capitalization*. *Suddenly* kerajaan *revert and dishonor* konsesi *agreement* yang ada tentulah ia akan membawa kesan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Ini juga satu perkara yang harus ditimbangkan dengan teliti.

Kerajaan juga sebagaimana Yang Berhormat sebut kita naik taraf. Naik taraf memang satu proses naik taraf yang baru. Sekarang ini jawapan awal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tajul Urus, bilakah kerajaan hendak alihkan Tol Jelapang. Sekarang ini kalau kita tengok *it's not a close toll*. Sekarang Jelapang di *remove it's going to be totally closed dedicated highway* dan pelebaran jalan itu sahaja mengambil perbelanjaan hampir RM1 bilion. Kalau ini diambil kira dengan kos tanggungan saya rasa bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan memang mengambil kepentingan rakyat. Sebab itu ada perjanjian...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** Sekejap, sekejap. Bagi saya habis jawab dulu. Bila ada perjanjian yang tertentu yang telah pun ditetapkan kalau mengikut jadual asal tentang perjanjian ini *the rate should be higher now* sebab kerajaan bayar subsidi. Ini pun diambil kira. Sebagaimana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin sebut dalam perjanjian yang baru ini kita mengambil kira tentang *traffic volume* supaya ada perjanjian yang lebih akan menguntungkan kedua-dua pihak dan itu yang telah pun diambil tindakan. Dalam pengumuman yang baru-baru mana jalan-jalan yang kita fikir tidak perlu naikkan kadar tol kita tidak naikkan. Mana yang perlu kadar tol dinaikkan, kita naikkan mengikut jadual yang sedia ada.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, saya cuma hendak rasa puas hati sikit kerana cara Yang Berhormat tadi seolah-olah menampakkan bahawa kadar tol ini tidak akan turun sebab dia akan ada satu fakta, satu fakta yang lain yang menyebabkan kos penyelenggaraan jalan ini akan sentiasa naik. Pada pandangan saya, kalau pada peringkat awal bila kita buat *that is cost of construction*, yang lainnya itu *cost of widening, road widening* dan sebagainya adalah kos sampingan. Kos sampingan ini dikaitkan pula dengan kos penambahan kereta di atas jalan dengan *cost of road widening which is cost of road widening* ini kurang daripada *construction of the main road* yang asalnya. Jadi sepatutnya kos itu tidaklah begitu banyak.

Jadi, saya rasa sepatutnya, kalau dari segi *layman* sepatutnya kerajaan sudah kurangkan tol itu. Kalau tidak rakyat akan bertanya bila tol ini hendak turun. Sebab kalau di negara-negara membangun yang lain tol ini bukan selama-lamanya dia naik selepas 10 - 15 tahun dia turun tetapi yang kita ini naik selalu. Rakyat hendak tahu bila dia hendak turun.

**Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed:** Yang Berhormat, sebagaimana yang saya jelaskan kalau kita bercakap tentang konsesi *agreement* ini ada tempoh had sah lakunya. Jadi, Yang Berhormat sebut setiap kali *traffic volume* naik kadarnya naik dan tidak turun. Jawapannya *upgradation of the facilities*. Yang kedua kalau kita sebut setiap tol yang *dicollect* bukan semua pergi kepada *maintenance*. Kalau boleh saya jawab *offend, I think for every dollar collected I think* yang pergi kepada *maintenance is about 20 to 35 percent*. Yang pergi kepada *principal payment is about 30 or 40 percent* dan untuk *overhead about 30 percent*. Jadi, kalau pecahan nisbah itu ada dia punya itu.

Konsesi *agreement* yang sedia ada ini Yang Berhormat, bila dia tamat semua ini akan jadi milik rakyat dan milik kerajaan. Itu pun nanti kita kena ada untuk *maintenance*. Jadi, akan tiba masa dan ketika dia akan jadi milik kerajaan. Cuma dalam waktu sekarang ini macam mana kita hendak *manage* supaya tol ini *reasonable* dan tidak akan membebankan rakyat.

Sebagaimana Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin sebut pada masa kini mana lebuh raya ada konsesi baru kita akan ambil kira *traffic volume*. Untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian dengan izin, kita *only a technical service provider* kepada kerajaan. Akhirnya yang memuktamadkan ini ialah pihak *Economic Planning Unit* (EPU). Jadi, *as far as technical parameter is concerned* pihak kementerian memberikan segala bantuan yang dia perlu kepada kerajaan untuk membuat keputusan supaya akhirnya rakyat tidak menanggung beban atas kenaikan tol ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Kerja Raya semasa perbahasan Bajet 2008. Jika ada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tetapi tidak dijawab sila maklumkan supaya penjelasan secara bertulis dapat diberikan kepada Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

### 12.36 ptg.

**Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi semasa perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2008 di Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan berhubung dengan perkara-perkara dan isu yang telah dibangkitkan, Antaranya ialah subsidi yang telah dibayar kepada IPP, kekurangan dan kehabisan tenaga, penggunaan sumber tenaga alternatif, peraduan melalui SMS, telefon mudah alih, kadar *penetration* jalur lebar mengikut isi rumah, kurangnya liputan media elektronik untuk persidangan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Omar bin Faudzar membangkitkan terdapat 12 buah syarikat *independent power plant (IPP)* dengan izin di Malaysia yang dikawal oleh sebuah syarikat. Pihak TNB perlu membayar sejumlah RM1.5 juta sehari kepada 12 buah syarikat tersebut sama ada *power plant* digunakan atau tidak. Ini bermakna TNB perlu membayar sebanyak RM540 juta untuk tempoh sebulan dan RM6.4 bilion untuk tempoh setahun. Sehingga bila keadaan ini akan berterusan dan mengapa pihak TNB tidak menguruskan sendiri tanpa perlu bergantung pada IPP tersebut, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat 20 *independent power producer (IPP)* yang sedang beroperasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Pada 1 Mei 1997 kerajaan telah menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik pada kadar RM6.40 *per million British thermal unit (mBtu)* dalam usaha mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) disebabkan elemen *fuel cost...* yang terkandung dalam *power purchase agreement (PPA)*

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 12 IPP dimonopoli oleh satu syarikat ingin saya tegaskan di sini bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar berdasarkan maklumat yang ada didapati hanya ada sebuah syarikat sahaja yang mempunyai ekuiti di enam IPP.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang membangkitkan jika negara Malaysia mengimport tenaga dari luar, ekonomi rakyat akan terjejas dan merencatkan pembangunan negara. Apakah sumber tenaga alternatif selain daripada minyak, gas *hydro, renewable energy*, angin solar, *biomass* dan biofeul yang boleh digunakan. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan penggunaan pokok kelapa sawit sebagai tenaga

alternatif dan secara tidak langsung mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk. Kerajaan juga diminta untuk memberi penerangan kepada rakyat supaya mereka sedar mengenai masalah kekurangan tenaga dan kehabisan tenaga pada suatu masa nanti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sumber tenaga alternatif lain yang boleh digunakan adalah tenaga nuklear bagi penjanaan kuasa elektrik, *cell* bahan api, *fuel cell* dan hidrogen untuk sektor pengangkutan.

■ 1240

Pada masa ini kerajaan menggalakkan penggunaan sisa-sisa kilang kelapa sawit seperti tandan kosong, tempurung kelapa sawit, *palm oil mill effluent* dan sebagainya bagi tujuan penjanaan tenaga untuk kegunaan kilang sawit itu sendiri serta menjadi kuasa yang berlebihan ke grid di bawah program jana kuasa kerja tenaga boleh diperbaharui.

Usaha-usaha ini digalakkan lagi melalui pemberian insentif-insentif fiskal seperti taraf perintis dan elauan cukai pelaburan serta pengecualian cukai jualan dan duti import. Ini secara tidak langsung merangsang pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru kepada penduduk.

Usaha-usaha melalui promosi dan kempen sentiasa dijalankan oleh kerajaan dalam memberi penerangan dan memupuk kesedaran kepada rakyat berhubung masalah kekurangan tenaga dan kehabisan tenaga pada suatu masa nanti. Usaha terkini yang telah dijalankan adalah melalui Bulan Tenaga 2007 yang dilancarkan pada 1 November 2007. Usaha-usaha yang berterusan dalam perkara ini telah dan sedang dijalankan oleh kementerian bersama dengan Universiti Sains Malaysia di Pusat Pendidikan Latihan dan Penyelidikan Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga atau CETREE.

Sektor komunikasi, Tuan Yang di-Pertua Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Munusamy a/l Mareemuthu...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya cuma hendak menyentuh kementerian yang banyak kos-kos yang saya rasa kos yang ditanggung oleh sektor-sektor yang terlalu tinggi Yang Berhormat. Jadi mengenai IPP yang saya bangkitkan.

Satu lagi ialah sewerage IWK. Saya beri contoh Yang Berhormat. Sekiranya satu-satu pemaju perumahan buat satu projek perumah dan sewerage *discharge to central system, Central Sewerage System*. Syarikat swasta, syarikat pemaju kena bayar kepada IWK berdasarkan kepada kalau PBA, kalau air berdasarkan kepada isi rumah, begitu juga dengan TNB.

Dari segi IWK Yang Berhormat, ia berdasarkan kepada harga rumah yang saya rasa tidak masuk akal langsung. Kiranya kalau satu-satu rumah kos rendah RM25 ribu, tapi yang ada lima orang. Najis yang keluar itu lebih banyak daripada rumah banglo yang ada penghuni cuma

tiga atau empat orang, tapi disebabkan oleh rumah banglo itu dijual dengan harga RM1.5 juta maka ia berdasarkan kepada peratus harga jualan.

Sepatutnya ia mesti berdasarkan kepada isi rumah. Habis kenapa sekarang ini? Ini mungkin disebabkan oleh pada satu ketika dulu Yang Berhormat, bila IWK diswastakan maka kos itu kerajaan telah rugi. Bila kerajaan telah rugi maka kos itu ditanggung oleh syarikat swasta Yang Berhormat. Saya hendak tahu lah Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Tidak nampak *sensible* Yang Berhormat.

Kos najis yang dikeluarkan oleh rumah banglo adalah lebih mahal daripada kos najis yang dikeluarkan oleh rumah kos rendah. Mungkin paip yang digunakan oleh rumah banglo itu ada *gold plated* berapa karat saya tidak tahu Yang Berhormat. Tidak nampak *sensible* langsung. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Yang Berhormat, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terutamanya walaupun ini tidak dibangkitkan dalam ucapan perbahasan tempoh hari, suka saya nyatakan dalam perkhidmatan IWK ini ia mempunyai garis panduannya yang bergantung kepada saiz besar rumah itu, berapa banyak bilik air, kegunaan air dan sebagainya. Apa yang dilakukan hari ini, yang dilakukan oleh kementerian dan kerajaan, sebab itu kita mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, yang mana Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ini sebagaimana yang kita katakan ia sedang memerhati dan mengkaji keseluruhan perkara ini kerana akhirnya segala air yang digunakan akan disalurkan semula kepada *sewage* ataupun sebagaimana yang dikatakan.

Sebab itu kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara yang akan memerhatikan perkara ini secara menyeluruh. Mungkin ada beberapa perkara yang dilihat seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat. Kekurangan-kekurangan ataupun kelemahan-kelemahan yang ada pada hari ini dan kita mengharapkan supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) supaya mengkaji dan menilai perkara ini supaya boleh diperbaik pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tambah tokok sikit tentang IPP. Kita tahu IPP ini dulu lain, kini lain. IPP *first generation* dengan izin, berduit banyak. Adakah Suruhanjaya Tenaga yang bertindak sebagai badan pengawal terhadap IPP itu yang harus menjalankan tugas supaya memastikan IPP itu kelak apabila serahkan balik kepada kerajaan diselenggara dengan baik, supaya wang yang beribu juta yang kononnya menguntungkan IPP. Sama ada kementerian akan mengawal wang yang ada itu supaya beberapa peratus disalurkan untuk memastikan IPP itu dalam selenggara yang baik. Jangan wang yang *you* buat keuntungan itu bawa semua beli hartanah di Singapura. Jadi maksud saya, kementerian harus mengambil perhatian yang berat, cukup berat untuk mengawal bukan saja, tetapi kewangannya. Itu satu.

Kedua, berbalik kepada Yang Berhormat Dato' Omar, saya pun terkilan. Mengapa najis-najis di rumah yang mahal itu lebih mahal daripada najis yang di keluar dari rumah kos rendah. Jadi tidak masuk akal. Jadi formula itu apabila SPAN yang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut, mengambil alih seluruhnya pada 1 Januari 2008, perlu dan harus mengambil kira formula untuk kiraan bayaran perkhidmatan pembetungan. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. sebagaimana yang saya katakan SPAN akan melihat perkara itu. Berhubung dengan IPP ini, ramai pihak mengatakan IPP *first generation* yang membuat keuntungan yang banyak. Mungkin antara sebabnya kerana pada ketika itu negara memerlukan bekalan elektrik yang begitu cepat dan pada masa itu kita tidak ada *track record* ataupun tidak ada pengalaman bagaimana untuk membeli tenaga daripada *independent power plant*. Disebabkan itu, mungkin PPA *first generation plan* ini, agak jauh sekali, berbeza dengan PPA pada hari ini.

Kalau kita lihat PPA pada hari ini begitu ketat, yang mana harganya juga begitu kompetitif kalau hendak dibandingkan dengan PPA yang lalu kerana kekurangan pengalaman kita membeli bekalan tenaga elektrik daripada *independent power plant*.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa syarikat-syarikat yang mengusahakan *independent power plant* ini, mereka perlu melakukan *maintenance* sebaiknya. Iaitu perlu ada *ring fencing* dalam industri bekalan elektrik itu kerana kita tidak mahu keuntungan mereka yang berlebihan, mereka gunakan dalam industri-industri lain kerana akhirnya akan menjelaskan industri bekalan elektrik.

Ini juga dilakukan di dalam industri bekalan air di mana Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tidak mahu nanti operator-operator yang terlibat dalam industri bekalan air negara ini di peringkat-peringkat negeri, mereka ini mengambil keuntungan daripada industri bekalan air, tidak memperkuuhkan industri itu sendiri termasuk membaik pulih paip ataupun mengurangkan RNW, tetapi sebaliknya mereka melibatkan diri mereka dalam sektor-sektor lain termasuk pembelian tanah dan sebagainya. Ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

■ 1250

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan, saya hendak minta penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat dalam Dewan ini dua, tiga tahun dulu saya ingat Yang Berhormat sendiri yang memberi penjelasan tentang IPP ini bahawa syarikat-syarikat ini akan dipanggil untuk dibincang supaya mereka ini mengurangkan kawasan mereka kepada TNB? Apa yang berlaku, sudahkah syarikat ini dipanggil? Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui sama dengan konsesi yang ada dengan tol walaupun telah di adakan perbincangan-perbincangan tetapi masih lagi belum mendapat penjelasan. Cuma pada hari dahulu kerajaan sendiri bertindak sebagai barisan hadapan untuk melakukan perbincangan antara bekalan

elektrik dengan pihak IPP ini, kita tidak mahu nanti ada pula kita ini tidak honour kita punya perjanjian-perjanjian. Sebab itu pada hari ini walaupun masih perbincangan-perbincangan ini masih berlaku tetapi perbincangan-perbincangan antara IPP ini dengan pihak pembeli *electricity* didahului dengan Tenaga Nasional sendiri, mereka mempunyai wakil-wakil mereka yang melakukan perbincangan dengan pihak IPP ini supaya masing-masing ada kesedaran untuk menjual bekalan elektrik ini dengan harga yang berpatutan.

Pada IPPV yang mendapat untung yang banyak, Tenaga mengharapkan mereka juga sedar bahawa mereka ada tanggungjawab kepada negara ini supaya mereka boleh memikirkan bagaimana mereka boleh mengurangkan keuntungannya. Pada tahap ini masih lagi perbincangan-perbincangan dilakukan antara Tenaga Nasional Berhad dan juga IPP ini, ia lebih merupakan *business arrangement*, Tuan Yang di-Pertua. Sektor komunikasi ...

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita memang faham, kita kena honour *the contract* tetapi memang kita tahu dia buat untung. Untung dia memang melampau-lampau untung kalau nak compare dengan yang ada ini. Tidak adakah cara daripada keuntungan ini dia bagi diskaun? Itu rundingan yang dibuat. Saya dapat tahu bahawa Tenaga Nasional ada juga buat IPP di Pakistan dan harganya memang mahal, tetapi Kerajaan Pakistan boleh panggil TNB untuk diskaun. Apakah ini benar Yang Berhormat?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih. Berhubung dengan Pakistan itu saya tidak pasti, saya tidak dapat menjawab soalan Yang Berhormat. Cuma sebagaimana yang saya katakan tadi dari segi IPP yang ada di negara kita, kita tahu ada di kalangan IPP di senaraikan di bursa saham dan mungkin juga ada peratusannya dimiliki oleh pelabur-pelabur asing. Kita tidak nak gambaran yang salah kita hantar ke pasaran kalau tidak nampak seolah-olah menekan, sebab itu kita biar Tenaga Nasional Berhad berada di barisan hadapan. Mereka yang mengadakan rundingan ini secara *business arrangement* dan kita mengharapkan sebagai rakyat Malaysia dari pihak kerajaan kita mengharapkan IPP-IPP ini yang mana majoritinya dipunyai oleh pemegang-pemegang saham utamanya adalah rakyat ataupun orang daripada Malaysia, kita mahu mereka ada kesedaran supaya boleh berunding dengan hati yang terbuka dengan Tenaga Nasional Berhad supaya sekiranya mereka mendapat keuntungan yang besar, mereka mahu bertolak ansur sedikit dan mengurangkan kapasiti kos dan sebagainya.

Sektor komunikasi. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy membangkitkan mengenai peraduan melalui SMS telefon mudah alih dapat meningkatkan taraf penduduk yang miskin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan perkhidmatan SMS adalah antara nilai tambah kepada perkhidmatan telekomunikasi mudah alih yang disediakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Peraduan melalui SMS bukanlah merupakan satu program kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk miskin di negara ini, ia lebih kepada pengisian

kandungan dan strategi pemberi perkhidmatan aplikasi bagi menarik pelanggan bagi tujuan meningkatkan perniagaan mereka. Kerajaan tidak menghalang aktiviti-aktiviti ini selagi ia tidak menyalahi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin membangkitkan...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat mohon laluan. Saya cuma nak pengesahan Yang Berhormat, sistem pra bayar. Saya difahamkan TELEKOM cuma melantik beberapa agen sahaja bukannya ramai mungkin dalam lingkungan lima orang begitu sahaja. Saya difahamkan juga dalam tempoh tiga hari dijual lebih kurang RM30 juta kad pra bayar kepada agen-agen ini, ia seolah-olah menampakkan bahawa ada *money laundering* dalam ini. Adakah ini benar Yang Berhormat?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi angka jualan itu saya tidak dapat bagi Yang Berhormat jawapan secara lisan pada hari ini, saya akan bagi jawapan bertulis mungkin saya akan hantar kepada Yang Berhormat esok supaya saya dapat pengesahan berapakah jumlah jualannya dalam masa seminggu dan berapa jumlah wakil penjual yang ada dalam TELEKOM Malaysia.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin membangkitkan mengenai kadar penembusan jalur lebar (*broadband*) isi rumah pada masa sekarang adalah 20%. Minta kerajaan untuk meningkatkan lagi kadar penembusan menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa peka mengenai status kadar penembusan jalur lebar yang masih rendah di Malaysia. Sehingga September 2007, kadar penembusan jalur lebar isi rumah adalah sebanyak 14% dan kementerian sedang giat melaksanakan langkah-langkah perluasan perkhidmatan jalur lebar ke seluruh negara bagi memastikan sasaran kadar penembusan perkhidmatan jalur lebar sebanyak 50% isi rumah dapat dicapai pada tahun 2010. Sementara tindakan...

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Silakan.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Ingin mendapat kepastian sajalah Yang Berhormat, biasanya syarikat-syarikat telekomunikasi, *in short, telcos*, beri khidmat jalur lebar dan menyatakan, saya tidak tahulah dua megabait atau dua [*Gangguan rakaman*] tetapi sebenarnya tidak menepati khidmat itu mungkin 800 lebih atau 900.

Saya menyerulah supaya Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi ambil tindakan yang lebih berat terhadap *telcos* yang seolah-olah menipu hal jalur lebar.

Kedua tentang SMS itu, peraduan *telcos*, tidak akannya RM1.10 atau [*Gangguan rakaman*] padahal kos yang mungkin 0.005 sen sahaja. Walaupun saya tahu ini antara *willing buyer willing seller* tapi saya ingat itu tidak eloklah. Tidak elok apabila *telcos* kaut kentungan yang cukup berlebih dan tanggungjawab kerajaan adalah untuk melindungi rakyat supaya

mungkin satu had, saya pernah bangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Tahu lah orang muda sekarang main sahaja SMS. Jadi kita perlukan had, had mungkin 30 sen cukup untung. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat banyak perkara-perkara yang dirunguti oleh orang ramai, antaranya dari segi peraduan kadang-kadang harganya begitu tinggi. Walaupun seperti kata Yang Berhormat, walaupun dia telah bagi tahu untuk masuk peraduan ini satu kali SMS 50 sen. Perkara-perkara ini adalah di antara perkara-perkara yang sedang diperhatikan, diperincikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Termasuk juga rungutan yang mengatakan *airtime* kadang-kadang kalau kita beli RM10, dia kata *airtime* ini hanya boleh tahan lebih kurang seminggu kalau tidak silap saya.

Ini adalah perkara-perkara dalam pemerhatian oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan kita yakin perkara-perkara ini akan diperbaiki dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang menyentuh mengenai kurangnya liputan media elektronik di persidangan Dewan Negara berbanding persidangan Dewan Rakyat dan menyarankan agar liputan persidangan Dewan Negara dapat diperbanyakkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesen-stesen penyiaran swasta di bawah naungan Media Prima Berhad dan stesen TV berbayar ASTRO adalah tertakluk kepada syarat-syarat lesen untuk memberi layanan utama kepada kerajaan terutamanya penyiaran apa-apa pengisytiharan Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta lain-lain pengumuman yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga Air dan Komunikasi. Dalam hubungan ini perbahasan Parlimen tidak termasuk keutamaan dalam syarat-syarat lesen.

Walau bagaimanapun, penyiaran petikan perbahasan Parlimen pada waktu ini telah disiarkan dengan baik oleh radio dan TV Malaysia RTM. Dalam hubungan ini sekiranya terdapat isu-isu penting yang berkaitan dengan kepentingan awam, pihak stesen-stesen TV swasta tiada halangan untuk menyiarkan petikan-petikan berkenaan dalam slot Berita Jam 8 malam dan slot-slot berita lain dari semasa ke semasa. Bagi TV ASTRO pihaknya telah memasukkan saluran-saluran RTM dalam *package family* yang boleh dicapai oleh semua pelanggan yang melanggan pakej yang paling minimum. Justeru ia adalah mencukupi untuk memberi perkhidmatan siaran perbahasan Parlimen kepada pelanggan-pelanggannya.

Setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran, pandangan yang membina, seterusnya

mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang.***

■ 1430

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

##### **2.33 petang**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguh sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu 19 Disember 2007”.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008”

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri boleh mula menjawab dan menggulung perbahasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan di atas Bajet 2008.

Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap

membangkitkan isu berkaitan kos pengangkutan kargo ke Sabah yang tinggi disebabkan oleh polisi kaboutaj dan hal ini dikhawatirkan akan menjadikan daya saing negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan maklum akan masalah yang dibangkitkan oleh industri perkapalan tempatan berkaitan dengan polisi kaboutaj yang dihadapi oleh Sabah dan Sarawak. Isu polisi ini telah dibangkitkan di sesi dialog tahunan MITI yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan juga telah diutarakan oleh pihak industri melalui Majlis Logistik Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memegang portfolio industri. Kos pengangkutan atau tambang kapal adalah ditentukan oleh kuasa pasaran atau *market forces* dengan izin melalui faktor permintaan dan penawaran.

Faktor utama yang menyebabkan kos pengangkutan yang tinggi bagi perkhidmatan perkapalan di antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh faktor ketiadaan *back haul cargo* dengan izin yang mencukupi dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung. Memandangkan isu kaboutaj adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan, MITI telah memanjangkannya untuk tindakan kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan GK Loga Chitra telah menyentuh mengenai pelaburan langsung asing yang tidak seimbang antara negeri-negeri dan menggalakkan kerjasama dalam industri herba dan rempah ratus antara Malaysia dan India.

Kerajaan sentiasa menggalakkan pembangunan yang seimbang dalam semua negeri dan mempromosi Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan tanpa membezakan kedudukan di antara negeri-negeri. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur akan membuat keputusan sendiri dalam menempatkan projek perkilangan di sesuatu negeri. Faktor-faktor yang diambil kira adalah antara lain, kemudahan infrastruktur yang baik, industri sokongan di kawasan sekitar, tenaga kerja yang berkemahiran dan mencukupi, keadaan kawasan perindustrian yang lengkap dan kondusif, harga tanah yang berdaya saing dan sistem penyampaian kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga, kerajaan telah merangka polisi dan strategik untuk memastikan keseimbangan pembangunan di semua wilayah yang lebih bersepadu.

Pada tahun ini kerajaan telah mewujudkan Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan Wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur. Bagi menggalakkan pelaburan, kerajaan menawarkan pelbagai insentif termasuk insentif tambahan bagi kawasan-kawasan yang digalakkan iaitu Koridor Pantai Timur, Perlis, Sabah, Sarawak dan daerah Mersing, Johor. Sehubungan ini MITI dan kerajaan negeri juga sentiasa bekerjasama untuk menyediakan suasana pelaburan yang kondusif melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penyelarasaran Industri yang diadakan dari semasa ke semasa. Mesyuarat ini merupakan salah satu mekanisme yang diwujudkan bagi menyelaraskan usaha-usaha yang berkaitan dengan pembangunan perindustrian dan perdagangan di negeri-negeri. Dalam masa yang sama,

kerajaan juga telah menubuhkan unit pelaksanaan industri daerah bermula pada tahun 2002 untuk memantau dan menyelaras projek-projek perkilangan dan perkhidmatan di peringkat daerah dengan kerjasama kerajaan negeri.

Inisiatif yang dijalankan oleh MITI ini telah dapat menangani masalah-masalah pelaksanaan projek yang berkaitan dengan kelulusan kerajaan negeri seperti mendapatkan kebenaran memulakan kerja awal, kelulusan pelan pembangunan, sijil penyiapan dan pematuhan dan perihal tanah dan infrastruktur. Mengenai cadangan kerjasama dalam industri herba dan rempah ratus, kerajaan mengalu-alukan kerjasama dengan mana-mana negara termasuklah kerjasama dengan negara India. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan kerjasama dalam sektor ini ialah melalui misi pelaburan dan perdagangan. Untuk mengenal pasti pelabur yang berpotensi untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri pemprosesan makanan herba dan ramuan, makan adalah antara industri yang disasarkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga dan layak mendapat insentif galakan taraf perintis atau elauan cukai pelaburan. Berkaitan dengan isu dasar AP untuk kenderaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Omar Faudzar, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, adalah dimaklumkan bahawa prestasi jualan kereta Proton adalah antara lain bergantung pada faktor-faktor seperti harga, nilai tukar beli, *trade-in* kereta terpakai, cita rasa pengguna, pengenalan model baru dan kemudahan pembiayaan kenderaan.

Selain daripada itu, penjualan kereta yang diimport juga tidak bersaing secara langsung dengan kereta Proton kerana kebanyakan kereta-kereta yang diimport berkapasiti melebihi 2,000 c.c dan berada di dalam segmen pasaran yang berlainan. Yang Berhormat Senator Dato' Ismail Kassim telah menyentuh tentang masa hadapan Proton supaya dapat bersaing di peringkat antara bangsa dan telah memberi pandangan tentang organisasi dan pentadbiran Proton. Untuk makluman, kerajaan telah menyediakan RM50 juta di bawah Dasar Automotif Nasional untuk mempertingkatkan prestasi Proton melalui program konsolidasi pengedar dan program konsolidasi vendor bagi mengurangkan kos operasi dan pengeluaran dengan mengurangkan bilangan pengedar ke tahap yang ekonomik dan meningkatkan kualiti vendor automotif tempatan menerusi rasionalisasi vendor.

#### ■ 1440

Proton juga sedang meningkatkan mutu perkhidmatan selepas jualan terutamanya dengan mengadakan pusat 3S dengan izin *sales*, *service*, dan *spare parts*. Pihak Proton juga sedang mengambil langkah-langkah mengurangkan penggantungan kepada pasaran domestik dengan menambahkan eksport di pasaran sedia ada serta meneroka pasaran baru. Sebagai contoh, Proton telah menandatangani MoU dengan pengedar tempatan di Thailand, China dan Indonesia bagi mengedarkan Proton di negara-negara tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook membangkitkan isu tarif ke atas import besi dan keluli untuk melindungi pengeluar besi dan keluli tempatan di Malaysia. Beliau mencadangkan supaya tarif import besi dan keluli dihapuskan. Penurunan duti import bagi produk-produk *billet* dan bar keluli sedang diambil di bawah komitmen perjanjian perdagangan bebas (FTA) dan juga Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Ini adalah supaya pihak pengeluar tempatan tidak terjejas dengan pengimportan dari negara-negara yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah seperti China. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Isu serta cadangan daripada Ahli Yang Berhormat diambil perhatian dan akan disusuli sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tiada isu untuk Kementerian Luar Negeri menjawab. Maka saya jemput Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

#### 2.42 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah berucap menyentuh isu berkaitan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan Bajet 2008 baru-baru ini. Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM1.73 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan peruntukan tersebut antara lainnya adalah untuk melaksanakan program menambah pendapatan dan meningkatkan taraf hidup golongan sasar serta meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi keperluan dalam negara dan eksport di samping mempertingkatkan pasaran domestik dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor supaya anak benih herba dikeluarkan oleh KESEDAR dan dijual kepada petani-petani serta hasil keluaran petani-petani dibeli semula oleh KESEDAR di bawah projek tanaman herba di Gua Musang di dalam kawasan ECER adalah satu cadangan yang baik. Ini dapat menjamin pasaran dan harga yang berpatutan kepada hasil keluaran herba petani-petani di kawasan tersebut. Jabatan Pertanian dan MARDI boleh membantu KESEDAR dengan membekalkan benih asas bagi jenis-jenis herba terpilih.

Walau bagaimanapun, untuk pembiakan benih tersebut bagi tujuan penanaman secara komersial KESEDAR perlu mengadakan nurseri sendiri atau tapak semaian sendiri dan untuk makluman Yang Berhormat, KESEDAR ini bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jadi dapatlah juga diusul atau disusul di bawah kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap ingin mengetahui adakah galakan diberi untuk rakyat negara ini untuk menanam sayur dan adakah kerajaan

bercadang untuk mewujudkan semula Rancangan Buku Hijau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan sasaran di bawah pelan imbalan dagangan atau *balance of trade* dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian menerusi Jabatan Pertanian menggalakkan tanaman sayur-sayuran utama yang mempunyai permintaan tinggi serta berpotensi untuk dieksport seperti cili, bendi, timun, kubis, jagung manis, tomato, kacang panjang, kacang buncis, sawi dan keledek.

Pembangunan tanaman sayur-sayuran dilaksanakan menerusi beberapa program atau projek utama seperti berikut:-

- (i) di bawah taman kekal pengeluaran makanan,
- (ii) projek sayur dan tanaman ladang komersial,
- (iii) melalui program fertigasi,
- (iv) pusat pengumpulan penggredan dan pengedaran hasil,
- (v) pengeluaran biji benih sayur dan tanaman ladang,
- (vi) pemerhatian dan promosi teknologi,
- (vii) pembangunan ladang organik, dan
- (viii) pusat kecemerlangan teknologi sayur-sayuran dan tanaman ladang.

Di bawah program pembangunan tersebut pelbagai jenis bantuan disediakan termasuk pembersihan kawasan, penyediaan jalan ladang, sistem pengairan dan saliran, kemudahan air dan elektrik, di pagar, input pertanian serta alat-alat pertanian bagi memastikan penyelenggaraan kawasan projek yang baik.

Mengenai Rancangan Buku Hijau untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jemaah menteri pada 19 Oktober 2007 telah membuat keputusan untuk melaksanakan Kempen Buku Hijau yang dahulunya dikenali sebagai Rancangan Buku Hijau. Pelancaran kempen tersebut di peringkat nasional telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pada 3 Mac tahun 2006 bertempat di Taman Sri Nanding Hulu Langat Selangor. Berikut daripada itu pada tahun 2006 sebanyak 12 buah negeri, bermakna semua negeri telah mengadakan majlis pelancaran Kempen Bumi Hijau di peringkat negeri masing-masing.

Pelaksanaan kempen ini diteruskan pada tahun ini di mana pada tahun ini ianya telah dilaksanakan di semua peringkat negeri dan telah berjaya melibatkan seramai 64,000 orang dalam aktiviti penanaman sayur di keliling rumah secara individu dan juga secara berkumpulan di tanah lapang di kawasan perumahan untuk kegunaan sendiri. Kempen ini akan diteruskan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu kementerian tidak bercadang untuk melancarkan semula Kempen Buku Hijau sebab ianya telah berterusan dan untuk maklumat ramai Ahli Parlimen di kawasan masing-masing juga mengadakan kempen di peringkat masing-masing. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat. saya sangat tertarik dengan Kempen Bumi Hijau yang telah dilancarkan. Sebenarnya seperti yang dikatakan

ini adalah Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada satu ketika dahulu. Yang Berhormat kata 64,000 peserta telah ambil bahagian dalam kempen ini untuk menanam sayur-sayuran. Saya cuma ingin tahu apa jenis insentif dan juga galakan diberi kepada mereka supaya ramai lagi boleh menyertai dalam program ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy. Jadi memang bila dikatakan 64,000 ini macam begitu ramai tapi memang ramai sebab kita menggunakan konsep taman-taman perumahan. Jadi dikiralah semua penduduk di taman-taman perumahan. Jadi angka ini memang dan kalau dapat angka ini lebih daripada itu. Kalau ikutnya kami sasarkan lebih daripada 64,000 sebab kami tahu dan semua kempen kita galakkan gunakan taman-taman perumahan sebab di situ didapati kelompok penduduk yang begitu ramai.

Jadi semasa kempen untuk makluman Yang Berhormat Senator kita mengagihkan biji-biji benih sekurang-kurangnya lapan jenis sayur-sayuran dan sebenarnya biji-biji benih yang kita agihkan ini sebenarnya tahan untuk ditanam satu tahun. Sebab kita tidak mahu kadang-kadang hanya masa pelancaran sahaja ianya dibuat tapi kita hendakkan supaya program ini diteruskan, jangan hanya masa pelancaran dan diagihkan juga baja-baja. Untuk maklumat, itu sayur Yang Berhormat, selepas itu kita menggalakkan juga ternakan seperti ternakan ikan keli. Juga kita galakkan ternakan ikan yang boleh kita bela dan sekarang ini untuk ternakan ikan keli semasa pelancaran kita tidak perlu gunakan kolam. Kita gunakan sejenis kanvas dan kita agihkan juga anak-anak keli dan kita memberi dari segi sedikit pendidikan mengenai cara-cara untuk menanam menggunakan kalau ada tanah dan juga dalam bekas-bekas dan sebagainya. Jadi ini adalah sesuatu yang kita hendak menggalakkan supaya kita dapat *supply* sayur kita sendiri yang kita memang tidak was-was sebab itu ditanam oleh kita sendiri.

■1450

Lebihnya kita boleh jual sebagai hasil pendapatan khasnya untuk keluarga-keluarga yang ada di situ dan sebenarnya kalau ditanam secara kelompok ianya menjalinkan satu kemesraan di taman perumahan tempat di mana kita menjalankan aktiviti tersebut. Terima kasih Yang Berhormat atas minat dan Insya-Allah sebenarnya kita menjurus lebih daripada 64,000 sebab itu kita menggalakkan ianya diteruskan dan pada bila-bila masa kalau hendak menjalankan kempen boleh merujuk kepada Jabatan Pertanian dan yang terdekat supaya boleh kita mengagih-agihkan barang-barang untuk kepada mereka dalam kita hendak lanjutkan Program Bumi Hijau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin telah menyarankan supaya industri luar bandar dibangunkan dan dimajukan agar mencapai sasaran satu kampung satu produk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sememangnya menggalakkan projek-projek pertanian dan industri asas tani di luar bandar dijalankan secara berkelompok bagi membolehkan projek tersebut berdaya maju. Sehubungan dengan itu projek-projek yang dijalankan akan dilaksanakan mengikut kesesuaian projek dan

juga selari dengan perancangan di dalam program Satu Daerah Satu Industri dan projek-projek berkelompok yang dijalankan melalui unit-unit peladang di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan atau PPK yang mana penekanan projek-projek tersebut berdasarkan pendekatan ala koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin juga menyarankan supaya MARDI membuat kajian tentang alatan yang digunakan mengekstrak minyak kelapa dara atau *virgin coconut oil*, dengan izin kerana peralatan sedia ada tidak mencapai piawaian yang memuaskan hati. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, piawaian bagi minyak kelapa dara telah ditentukan oleh pihak SIRIM. Pihak MARDI telah mengenal pasti kaedah dan peralatan yang sesuai untuk mengabstrakkan minyak kelapa dara mengikut piawaian yang ditetapkan oleh SIRIM.

Bermakna memang kita pastikan segala-gala semua pengusaha yang mengeluarkan VCO ini mesti *conform* dengan izin dengan piawaian yang telah ditetapkan sebab kebanyakan minyak ini bukan sahaja diguna di dalam negara tetapi sebenarnya untuk dieksport. Jadi sebab itu terima kasih Yang Berhormat supaya kita berhati-hati supaya VCO kita ini memang setanding di antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, sambungan juga Yang Berhormat Senator Ahmad bin Husin ada menyarankan supaya kementerian menerapkan semangat *kiasu* dalam mendidik kumpulan sasar memajukan diri masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya sentiasa menekankan semangat *kiasu*. Semangat *kiasu* ini adalah semangat tidak mudah menyerah dan sentiasa ingin maju ke hadapan. Kepada kumpulan sasar di dalam kursus-kursus serta majlis-majlis pertemuan dengan mereka agar produk dan pendapatan mereka bertambah seiring dengan moto Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bahawa ‘Pertanian Adalah Perniagaan’. Oleh yang demikian, bidang ini adalah amat menguntungkan tertakluk kepada kesediaan kita semua untuk berubah *mind set*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah melahirkan kebimbangannya bahawa penswastaan LKIM, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan menyebabkan nelayan tertindas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Jadi bermakna jangan risau dan kita sentiasa memastikan bahawa kumpulan nelayan ini juga memang kita beri perhatian dan kita akan membela nasib mereka.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi ingin mengetahui bilakah kerajaan akan melaksanakan kawalan harga ke atas baja dan racun pertanian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada kawalan harga ke atas baja dilaksanakan dan dikenakan ke atas penjual, pengeluar dan pengimport baja ke dalam negara kita. Namun begitu, dari segi bekalan dan penjualan baja sama ada baja kimia atau organik tertakluk di bawah lima akta yang sedia ada iaitu:

- (i) Akta Kawalan Bekalan 1981;
- (ii) Akta Kawalan Harga 1980;
- (iii) Akta Perihal Dagangan 1972;
- (iv) Akta Kemajuan Petroleum 1974; dan
- (v) Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.

Harga racun pertanian tidak dikawal dan terserah kepada dengan izin, *market forces*. Kawalan harga racun pertanian juga adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan bukannya di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah menunjukkan minat yang begitu mendalam dan keprihatinan yang telah ditunjukkan terhadap sektor pertanian. Marilah kita semua menggembung fikiran dan tenaga ke arah memperkasakan sektor pertanian dan sekali gus mengangkat martabat semua petani, penternak dan nelayan di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

## 2.56 petang

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar di dalam mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan juga cadangan-cadangan serta saranan yang berkaitan dengan peranan kementerian ini di dalam membahaskan bajet bagi tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi membangkitkan isu mengenai penguatkuasaan perlu diberi penekanan terhadap pembalakan haram, pencemaran alam sekitar dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak menafikan bahawa aktiviti pencerobohan hutan termasuk pembalakan haram masih berlaku sungguhpun tindakan-tindakan dari segi penguatkuasaan, pencegahan dan perundungan sentiasa dilaksanakan. Walau bagaimanapun kedudukan pada hari ini adalah masih di dalam keadaan yang terkawal. Hasil risikan dan siasatan pihak BPSM mendapat bahawa kini modus operandi atau strategi sebahagian besar pembalak haram menggunakan perkhidmatan tonto dengan komunikasi canggih dan taktik *diversion*, dengan izin.

Bagi memastikan kawasan hutan simpan kekal sentiasa berada di dalam keadaan yang terkawal, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Jabatan Perhutanan adalah bagi mencegah pembalakan haram ini adalah seperti berikut penubuhan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah, negeri serta *flying squad* dengan izin di peringkat ibu pejabat.

Kementerian juga mengadakan rondaan di kawasan sensitif termasuklah penggunaan helikopter dan laluan jalan dan juga mengadakan sekatan jalan raya dari masa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak. Kami juga akan menggunakan teknologi penderiaan jauh iaitu *remote sensing* dengan izin, dan sistem maklumat geografi, GIS untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan.

Kementerian juga mengadakan sistem balai pemeriksa hutan di mana semua lori yang membawa kayu balak dikehendaki mempunyai Pas Pemindah yang dikeluarkan oleh balai pemeriksa hutan. Kami juga menggalakkan masyarakat awam membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang ataupun yang telah berlaku. Juga kami memastikan bahawa sempadan kawasan-kawasan hutan simpanan kekal berada di dalam keadaan bersih serta ditandakan dengan jelas dan terang di lapangan. Yang terakhir sekali ialah dengan menggunakan teknologi RFID, *Radio Frequency Identification* dengan izin, bagi memantau pergerakan balak tersebut daripada hutan-hutan simpan kekal ke kilang dengan secara lebih teratur dan efisien.

Di Semenanjung Malaysia juga, Akta Perhutanan Negara 1984 telah dipinda pada tahun 1993 di mana penalti pencerobohan hutan telah pun dinaikkan kepada RM500,000 dan penjara tidak melebihi dua tahun dengan penjara mandatori tidak kurang dari satu tahun berbanding dengan penalti sebanyak RM10,000 dan atau penjara tidak melebihi tiga tahun sebelum pindaan dibuat.

#### ■1500

Bagi masalah pencemaran alam sekitar, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan Alam Sekitar memang sentiasa berusaha meningkatkan program penguatkuasaan. Kementerian juga menekankan aspek penguatkuasaan bersama dengan agensi-agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan serta peranan industri dan pihak swasta di dalam menjagaan alam sekitar. Di kalangan pihak industri dan pemaju, penekanan terhadap aspek alam sekitar telah diterapkan menerusi program-program sukarela seperti Pensijilan ISO 14001, Laporan Alam Sekitar dan Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* dengan izin, program kesedaran dan pendidikan alam sekitar kepada orang awam juga giat dijalankan bagi meningkatkan sifat keprihatinan masyarakat terhadap menjagaan alam sekitar. Maklumat dan aduan orang awam juga dijangka membantu meningkatkan keberkesanan program penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Senator Dato' Dr. Norraesah, Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang juga ada membangkitkan isu berkenaan pemanasan global yang memberi kesan buruk contohnya seperti banjir yang membawa kerugian yang amat besar yang melanda negeri di Johor dan negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun pada masa sekarang tiada satu dasar khusus diwujudkan untuk menangani isu perubahan iklim yang membawa kepada

pemanasan global namun terdapat pelbagai dasar lain yang juga secara tidak langsung mempunyai kaitan di dalam menangani isu perubahan iklim. Sebagai contoh, Dasar Kepelbaagaian Bahan Api Kelima iaitu *Fifth Fuel Diversification Policy* dengan izin iaitu dasar yang bertujuan untuk mengurangkan pergantungan kepada minyak dan arang batu dan juga Dasar Perhutanan Negara di mana hutan diuruskan secara lestari untuk menyerap gas-gas karbon dioksida.

Bagi menangani isu trend perubahan iklim yang membawa kepada pemanasan global, kerajaan telah memulakan langkah awal dengan menjalankan inventori gas-gas Rumah Hijau dalam tahun 2000 iaitu gas-gas yang bertanggungjawab ke atas pemanasan global untuk mengenal pasti punca-punca utama yang melepaskan gas-gas Rumah Hijau di negara ini. Dengan adanya inventori tersebut, kementerian yakin strategi dan program yang efektif dapat dirangka bagi menangani isu perubahan iklim di negara ini. Kementerian juga telah membuat persediaan dan menggariskan tindakan bagi menangani perubahan iklim dan impaknya melalui dua pendekatan iaitu yang pertama pendekatan mitigasi iaitu pendekatan dan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pelepasan kes Rumah Hijau seperti karbon dioksida dan juga metana. Yang kedua, pendekatan secara adaptasi iaitu langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar. Melalui pendekatan mitigasi, selain kementerian ini, langkah-langkah juga turut diambil oleh agensi kerajaan lain memandangkan isu perubahan iklim merupakan isu yang merentas sektor. Langkah-langkah mitigasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dalam program-program berkaitan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif seperti tenaga yang boleh diperbaharui atau *renewable energy* dengan izin
- (ii) sumber tenaga yang boleh diperbaharui ini akan menyumbang 350 megawatt daripada jumlah kesemua bekalan tenaga pada tahun 2010
- (iii) projek RE yang menggunakan sisa pepejal akan digalakkan
- (iv) menggalakkan kecekapan penggunaan tenaga iaitu *energy efficiency* di sektor perindustrian, bangunan-bangunan dan juga sektor pengangkutan
- (v) membekalkan sejumlah 55,000 unit rumah dengan tenaga elektrik menggunakan teknologi seperti sistem hibrid suria dan hidro mikro
- (vi) kemudahan *Clean Development Mechanism* dengan izin CDM di bawah Protokol Kyoto akan digunakan untuk memberi sokongan kepada pelaksanaan program pembangunan jana kuasa kecil tenaga boleh diperbaharui atau SREP atau *Small Renewable Energy Program* dengan izin; dan

- (vii) melindungi kawasan hutan melalui pengurusan hutan secara lestari bagi memastikan kawasan hutan ini terus kekal menjadi penyerap atau sink kepada gas Rumah Hijau iaitu karbon dioksida.

Langkah-langkah adaptasi yang dijalankan khusus untuk mengurangkan kesan perubahan iklim kepada manusia dan alam sekitar pula meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) menjalankan kajian *Coastal Vulnerability Index* atau CVI yang boleh menjadi asas ketika mengambil langkah-langkah bagi menangani kesan kenaikan paras air laut kepada kawasan pesisiran pantai;
- (ii) menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak;
- (iii) melaksanakan program kawalan banjir seperti projek *Stormwater Management and Road Tunnel* dengan izin SMART
- (iv) menjalankan kajian mengenal pasti kaitan di antara kesan perubahan iklim dengan kejadian penyakit yang dibawa oleh vektor
- (v) membangunkan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai Bersepadu iaitu *Integrated Coastal Zone Management*, dengan izin

Di samping usaha spesifik tersebut, kementerian juga sering mengadakan kempen kesedaran awam sama ada secara persendirian ataupun kerjasama dengan pelbagai badan bukan kerajaan bagi menyedarkan orang awam dan juga para pelajar tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan pelepasan gas-gas Rumah Hijau. Contohnya kementerian telah menganjurkan satu persidangan serantau mengenai perubahan iklim pada 29 dan 30 Oktober yang lepas yang bertujuan membincangkan isu-isu perubahan iklim serantau. Seramai 700 orang telah dijemput hadir termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga wakil daripada kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga membangkitkan isu mengenai proses menghantar air dari Pahang ke Selangor dengan membina terowong merentasi Banjaran Titiwangsa. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian teknikal yang dijalankan oleh pihak penggerak projek dan jururunding, didapati pembinaan terowong merupakan kaedah yang paling sesuai untuk menghantar air dari Pahang ke Selangor kerana meminimumkan risiko kerosakan dan pencemaran di bahagian atas permukaan bumi. Pemilihan laluan serta kaedah pembinaan adalah tertakluk kepada kajian geologi dan juga teknik yang terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Dato' Wong Siong Hwee meminta agar kementerian mengambil langkah dan perhatian serius terhadap tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berkenaan dengan pembukaan hutan simpan dengan sewenang-wenangnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya rasa semalam saya dah cerita panjang lebar berkenaan dengan hutan simpan kekal ini yang dibuka untuk tujuan ladang-ladang hutan. Apa yang kita dapati di peringkat kementerian lebih daripada 20,000 ekar hutan-hutan simpan kekal di Kelantan telah pun ditebang untuk dijadikan ladang-ladang hutan. Ini amat bertentangan dengan Dasar Perhutanan Negara yang tidak menggalakkan pembukaan ladang-ladang hutan di atas hutan-hutan simpan kekal walaupun di dalam kategori hutan-hutan simpan kekal yang miskin. Apa yang disarankan oleh Majlis Perhutanan Negara ialah menggalakkan ladang-ladang hutan di buka bagi kawasan-kawasan tanah-tanah kerajaan yang terbiar yang tidak diuruskan. Jadi, ini adalah dasar kerajaan negeri itu sendiri iaitu Kerajaan Negeri Kelantan yang mengatakan bahwasanya sekiranya hutan-hutan simpan kekal tersebut mempunyai kurang daripada 30 meter persegi isi padu kayunya, boleh diusahakan sebagai ladang-ladang hutan. Jadi saya memohon di sini kepada pihak kerajaan yang terlibat supaya mengikuti garis-garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Perhutanan Negara, Majlis Tanah Negara, dasar-dasar dan juga apa-apa yang kita keluarkan di peringkat Persekutuan supaya kita sama-sama dapat menjaga dan memelihara alam sekitar kita.

Jadi Senator Dato' Wong Siong Hwee juga membangkitkan isu masalah banjir yang kerap berlaku diakibatkan oleh pembalakan yang tidak terkawal. Semalam juga saya telah mengulas dengan panjang lebar berkenaan dengan macam mana banjir ini boleh berlaku bukan sahaja di Kelantan ataupun di Pahang dan negeri-negeri lain, salah satu penyebab ialah perbuatan pembalakan yang secara tidak lestari, yang secara tidak terurus boleh mengakibatkan banjir berlaku dalam keadaan yang lebih luar biasa daripada yang lepas-lepas. Jadi, saya amat-amat berharaplah semua pihak kerajaan negeri yang telah diamanahkan untuk menjaga sumber asli negara kita seperti sungai, tanah, galian, hutan dan sebagainya supaya mengurus tadbir sumber-sumber asli kita ini untuk generasi yang akan datang.

**■1510**

Sebab apabila kita menerima sumber-sumber tersebut, sungai-sungai, hutan-hutan dan sebagainya daripada nenek moyang kita dulu adalah dalam keadaan yang baik. Apakah kita hendak meninggalkan hutan-hutan dan sungai tersebut kepada anak cucu kita dalam keadaan yang tidak baik. Jadi saya harap, kerajaan negeri mempunyai sifat yang lebih prihatin terhadap penjagaan alam sekitar.

Dato' Yip Kum Fook membangkitkan isu mengenai tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk melindungi pemilik harta tanah dan *bona fide* dalam kes penipuan harta tanah yang telah dijual melalui penipuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau JKPTG telah mengambil maklum tentang isu yang timbul berhubung dengan seksyen 340 Kanun Tanah Negara. Persoalan ini sering diutarakan berikutkan tafsiran kehakiman yang berbeza kes Adorna Properties Sdn Bhd melawan Boonsom Boonyanit yang telah menyebabkan terdapat dua pendekatan yang berbeza diambil

oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dalam mentafsirkan pemakaian proviso kepada subseksyen 340(3) Kanun Tanah Negara iaitu sama ada pembeli suci hati dengan balasan bernilai atau *purchaser in good faith and for a valuable consideration*, dengan izin, yang dinyatakan dalam proviso itu merujuk kepada pembeli serta-merta atau *immediate purchaser*, dengan izin, ataupun pembeli terkemudian, *subsequent purchaser*, dengan izin.

Penelitian dan kajian telah pun dibuat ke atas keperluan meminda undang-undang Kanun Tanah Negara dan JKPTG telah pun mengemukakan perkara kepada Jabatan Peguam Negara sama ada seksyen 340, Kanun Tanah Negara perlu dipinda atau pun sebaliknya. Perkara ini sedang dalam penelitian Jabatan Peguam Negara. Oleh sebab seksyen 340 KTN merupakan *cardinal principles*, dengan izin, sistem Torrens, ia memerlukan kajian yang agak mendalam.

Saya kira itulah semua isu saranan cadangan, komen yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Perbekalan 2008 yang dapat saya jawab. Sekiranya ada perkara-perkara yang masih tidak saya sentuh atau perjelaskan, pegawai-pegawai saya telah pun diminta untuk mencatat semuanya dan akan memberi maklum balas dengan segera secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Sumber Manusia.

3.15 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulai ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi telah mencadangkan supaya kerajaan menghapuskan sistem pengambilan pekerja asing melalui ejen. Sebaliknya beliau menyeru supaya kerajaan menyerahkan fungsi pengambilan pekerja asing kepada Jabatan Tenaga Kerja, Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak untuk mengendalikan kerana beliau mendapat melalui langkah ini, ia dapat mengelakkan daripada berlakunya eksloitasi terhadap pekerja asing. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, dasar pengambilan pekerja asing di negara ini tidak membenarkan ejen untuk bertindak bagi pihak majikan untuk memohon atau mengambil pekerja asing. Namun demikian, syarikat *outsourcing* yang dilantik oleh kerajaan dalam pengambilan pekerja asing, yang juga merupakan seorang majikan di bawah Akta Pekerja, dan liabiliti mereka adalah sama seperti majikan-majikan lain.

Di sini ingin dijelaskan bahawa syarikat *outsourcing* adalah bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat kecil dalam menampung kekurangan tenaga pekerja dan membantu syarikat yang mengeluarkan produk yang bermusim. Sehubungan itu, kementerian ini dari semasa ke semasa akan membuat penambahbaikan dalam perkara ini bagi memastikan kebijakan pekerja dan majikan sentiasa terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mengenai kemasukan pekerja ke negara ini adalah jelas di mana majikan harus memberi keutamaan kepada penggajian kepada rakyat tempatan. Penggajian pekerja asing adalah sebagai langkah sementara sahaja untuk menampung kekosongan jawatan yang tidak dapat dipenuhi oleh pekerja tempatan. Sehubungan dengan itu kerajaan melalui Pusat Kelulusan Setempat memainkan peranan bagi meluluskan bilangan pekerja asing yang boleh digaji berdasarkan norma-norma yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing. Permohonan pengambilan pekerja asing dipantau oleh agensi-agensi kerajaan yang ditempatkan di Pusat Kelulusan Setempat yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri , Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi, dan Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB).

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu bagi memastikan majikan memberi keutamaan kepada penggajian tenaga tempatan, wakil Kementerian Sumber Manusia dan Pusat Kelulusan Setempat akan meneliti dan menguatkuasakan peruntukan - peruntukan seperti berikut:

- (i) memastikan setiap majikan melaporkan kekosongan jawatan kepada Jabatan Tenaga Kerja atau JTK supaya pencari kerja rakyat tempatan yang berdaftar dengan *Job Clearing System* atau JCS dapat diberi keutamaan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut;
- (ii) memastikan majikan terlebih dahulu mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja yang bertujuan untuk membolehkan Jabatan Tenaga Kerja menguatkuasakan undang-undang berhubung penggajian pekerja di samping bagi memperoleh maklumat mengenai penggajian pekerja bagi mengemas kini data-data perburuhan, *labor market information* di bawah LMD. Data dan maklumat ini adalah penting bagi perancangan tenaga manusia;
- (iii) memastikan majikan memberi maklumat dan penyata pekerja asing yang digaji. Ini bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kebijakan pekerja pada setiap masa; dan
- (iv) memastikan majikan telah memperoleh e-polisi insurans wajib bagi setiap pekerja asing yang digaji. Matlamat kepada keperluan ini adalah untuk memastikan kebijakan pekerja asing sentiasa dilindungi dan pada masa yang sama memenuhi obligasi negara di bawah Konvensyen 97 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Di samping itu wakil Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan di Pusat Pengurusan Setempat dengan memantau hal ehwal penggajian pekerja asing yang digaji oleh majikan-majikan di negara ini . Peranan ini adalah berpandukan kepada peruntukan perburuhan

undang-undang terutamanya Akta Pekerja 1955, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990. Kegagalan majikan untuk mematuhi setiap peruntukan undang-undang tersebut membolehkan tindakan pendakwaan dan kompaun diambil terhadap mereka bagi setiap kesalahan yang dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada perkara tersebut, majikan di Sarawak yang ingin menggaji pekerja bukan pemastautin atau PBP iaitu pekerja asing dan juga pekerja daripada Sabah serta Semenanjung Malaysia adalah dikehendaki memohon dan memperoleh lesen di bawah seksyen 119, Ordinan Buruh Sarawak terlebih dahulu daripada Jabatan Tenaga Kerja Sarawak. Jabatan Tenaga Sarawak tidak berurusan dengan ejen dan semua permohonan hendaklah dikemukakan oleh majikan sendiri. Sehubungan dengan itu, tidak wujud *outsourcing company* di Sarawak. Agensi pekerjaan hanya terlibat secara tidak langsung membantu majikan. Majikan juga dikehendaki memberi *bank guarantee* di mana *bank guarantee* akan digunakan sebagai kos penghantaran balik pekerja dan kos-kos lain yang berkaitan sekiranya syarikat tersebut ditutup, perniagaan dan majikan tidak mampu membayarnya. Amalan jabatan adalah sebelum lesen diserahkan kepada majikan, mereka dikehendaki menyediakan dua dokumen penting iaitu *bank guarantee* dan polisi insurans pekerja.

#### ■1520

Maka dengan cara ini, kebijakan pekerja asing tersebut sentiasa terjaga. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kementerian tidak ada menerima aduan pekerja asing yang dibawa masuk ke Sarawak tanpa kerja kerana mereka hanya boleh dibawa masuk setelah lesen dikeluarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengambilan pekerja asing di negeri Sabah, ianya dilakukan oleh agensi pekerjaan yang berdaftar dengan Jawatankuasa Petugas Khas Pengambilan Pekerja Asing Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Permohonan pengambilan pekerja asing akan diluluskan oleh pusat pengurusan setempat yang dianggotai pelbagai jabatan, agensi kerajaan yang berkaitan termasuk pihak imigresen dan Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Bagi Jabatan Tenaga Kerja Sabah, lesen mengaji pekerja bukan bermastautin akan dikeluarkan pada majikan yang ingin menggaji pekerja asing dengan syarat-syarat yang ditetapkan dalam seksyen 118 Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004. Di samping itu, Jabatan Tenaga Kerja Sabah juga telah melaksanakan operasi penguatkuasaan ke atas majikan yang menggaji pekerja asing bermula 1 Disember 2007 yang bertujuan untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang perburuhan dan penjagaan kebijakan pekerja berkenaan, berjaga sebagai satu usaha untuk mengurangkan berlaku masalah eksplorasi terhadap pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah binti Syed Zain meminta kementerian membuat pemantauan terhadap ejen-ejen pekerja asing berikutnya fenomena kebanjiran pekerja asing di negara ini. Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Sumber Manusia sedia maklum mengenai trend semasa iaitu pembekalan pekerja

oleh syarikat pembekal dan mengurus atau MM atau lebih dikenali sebagai *outsourcing* atau ejen-ejen pekerjaan asing. Pengambilan pekerja melalui syarikat MM atau membekal dan mengurus adalah bertujuan mempermudah majikan-majikan mendapatkan tenaga kerja pada masa-masa yang mendesak. Sehubungan dengan itu, kementerian memantau dan mengawal penggajian pekerja-pekerja oleh syarikat MM berpandukan peruntukan di bawah Akta Kerja 1995, Akta Pampasan Pekerja 1952 dan Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan peraturan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan. Selain itu, koordinasi pemantauan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dilakukan dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 1 November 2007,...

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Mohon laluan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, sila.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan di manakah terletaknya data pekerja asing negara kita? Adakah kita mempunyai satu jabatan sebagaimana JPN untuk kita mengesan data pekerja asing negara? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Data pekerja asing itu berada di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Tuan Yang di-Pertua, sejak 1 November 2007, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah menjalankan operasi penguatkuasaan secara besar-besaran. Sehingga 11 November 2007, sebanyak 521 premis daripada 1,104 premis perniagaan dikesan tidak mematuhi undang-undang buruh. Daripada jumlah 521 premis tersebut, 444 premis diberi amaran, 47 dikenakan kompaun dan 30 premis akan dikenakan tindakan pendakwaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin meminta kementerian menjalankan kajian menyeluruh mengenai keperluan pekerja asing untuk mengelakkan terlalu bergantung kepada mereka dalam pembangunan negara. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, perkembangan ekonomi negara yang pesat dan berterusan telah menyebabkan permintaan terhadap tenaga kerja turut meningkat. Permintaan terhadap tenaga kerja yang tinggi ini tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh pekerja tempatan. Ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil langkah untuk membenarkan dibawa masuk pekerja-pekerja asing daripada luar negara bagi mengisi kekosongan jawatan dan jurang permintaan dan penawaran tenaga kerja yang diwujudkan.

Setakat ini bagi memastikan pembangunan negara yang dirancang tidak terjejas akibat daripada kekurangan tenaga kerja, pengumuman kerajaan dalam membangunkan ekonomi mengikut wilayah seperti Wilayah Pembangunan Iskandar, Koridor Utara, Koridor Timur serta Koridor Sabah dan Sarawak dijangka akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru dan yang seterusnya menyumbang pada permintaan tenaga kerja tambahan. Sehubungan

dengan itu, kerajaan memerlukan maklumat yang lengkap dan terkini bagi merancang dan menentukan keperluan sebenar tenaga kerja mengikut wilayah dan sektor dapat dipenuhi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan satu jawatankuasa bagi menjalankan kajian untuk menentukan permintaan dan penawaran tenaga kerja di negara ini.

Hasil kajian ini, dijangka dapat membantu kerajaan memperoleh pendekatan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing dan jumlahnya pada masa kini seramai 2.02 juta orang. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan termasuk daripada pihak swasta, dewan-dewan perniagaan, serta ahli-ahli akademik. Jawatankuasa ini telah pun mengadakan mesyuarat pertamanya untuk mendapatkan maklumat dan input yang diperlukan untuk kajian tersebut. Kementerian Sumber Manusia akan terus bekerja sama dengan Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan untuk menentukan keperluan tenaga kerja negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia yang tidak sempat saya menjawab dalam masa yang singkat, sukacita dinyatakan bahawa kementerian ini amat menghargai teguran dan komen tersebut dan akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran.

### **3.27 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi seluruh pihak pendidik, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada kerajaan yang terus memberi peruntukan yang besar untuk sektor pendidikan iaitu sebanyak RM30 bilion bagi Bajet 2008. Peruntukan ini merangkumi usaha berterusan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjayakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan atau PIPP 2006 hingga 2010. Saya amat menghargai keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat, yang memberi pandangan, saranan malah teguran membina demi menambah baik sistem pendidikan negara.

Saya akan menjawab isu-isu dasar yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mana kala terdapat isu yang dibangkitkan telah dijawab semasa sesi jawab lisan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memperkasa pembangunan modal insan merupakan fokus utama yang digariskan dalam strategik kedua Bajet 2008. Ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana keprihatinan beliau dengan melaksanakan langkah progresif untuk meningkatkan akses dan mengurangkan kos pendidikan yang ditanggung oleh ibu bapa demi melahirkan generasi yang berguna serta dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemakmuran negara tanpa mengira kaum, bangsa dan agama sama ada dari bandar mahupun jauh di pedalaman. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan

dalam membangunkan sektor pendidikan termasuklah meningkatkan penguasaan dalam pelbagai bahasa, kemahiran, kreatif dan inovatif, sudah pasti bertujuan untuk memberikan nilai tambah dan pendidikan yang sama rata kepada semua murid seperti yang diharapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya yakin dengan pengumuman yang dibuat dalam bajet kali ini kita semua berasa puas hati dan gembira serta mengharapkan ibu bapa atau penjaga dapat memastikan anak-anak mereka tidak tercicir daripada sistem persekolahan dan berlumba-lumba untuk memastikan modal insan yang mereka miliki cemerlang dan berkualiti.

■1530

Setelah memiliki modal insan yang cemerlang melalui bidang sukan seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, sehubungan itu, pelbagai usaha untuk meningkatkan mutu sukan negara termasuklah telah menyediakan dua buah sekolah sukan dan akan ditambah sebanyak tiga buah lagi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kontinen Sukan SEA kita dengan kejayaan yang cemerlang di Korat, Thailand baru-baru ini. Kejayaan atlet-atlet tersebut antaranya disumbangkan oleh murid-murid yang mengikuti program sukan khususnya di sekolah sukan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Sukan SEA ke-24 ini, seramai 110 orang murid dari Sekolah Sukan Bukit Jalil atau SSBJ dan 16 orang atlet dari Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) telah mewakili negara berbanding hanya 16 orang murid SSBJ yang mewakili negara pada temasya Sukan SEA Manila 2003. Berhubung pengambilan murid sekolah sukan dan sekolah seni yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, untuk makluman, pengambilan murid ke sekolah sukan negara bukan sahaja berdasarkan kelayakan akademik tetapi pemilihan yang paling utama adalah berdasarkan kecemerlangan murid tersebut dalam bidang sukan, lulus dalam ujian mengenal pasti bakat sukan dan mempunyai rekod sahsiah yang baik.

Manakala bagi pengambilan ke sekolah seni pula, murid-murid perlu mempunyai kelulusan minimum 3A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah atau UPSR, memiliki bakat dalam bidang kesenian dan juga dipertimbangkan jika mendapat cadangan oleh badan kesenian negeri atau kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Khoo Soo Seang, pelaksanaan penempatan guru adalah berdasarkan kepada kewujudan perjawatan, sumber bekalan guru dan keperluan guru di sekolah. Perkara tersebut ini dijelaskan melalui Surat Siaran Bahagian Sekolah bertarikh 1 Ogos 2005. Sehubungan itu, proses penempatan guru yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran perlu mengambil kira faktor-faktor tersebut untuk memastikan penempatan guru yang bertepatan di sekolah mengikut keperluan opsyen dan lokasi untuk mengelakkan berlakunya *mismatch*, dengan izin. Begitu juga penempatan guru harus

dilakukan berdasarkan jumlah perjawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam atau JPA. Fungsi utama Kementerian Pelajaran Malaysia adalah untuk memastikan para pelajar kita di semua sekolah mendapat guru yang terlatih berdasarkan opsyen. Semua pihak perlu memahami dan menerima perkara ini kerana, sekiranya kita tidak bertindak berdasarkan keutamaan ini, selagi itulah kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah dalam kawasan-kawasan tertentu sedangkan di tempat-tempat lain bekalan guru adalah melebihi keperluan yang ditetapkan.

Kementerian Pelajaran prihatin dengan permohonan yang dikemukakan oleh para guru untuk ditempatkan di sesuatu lokasi atas alasan-alasan kukuh. Dengan sebab itulah Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil faktor kemanusiaan seperti masalah kesihatan dan status perkahwinan seseorang guru, dalam melaksanakan proses penempatan serta mempertimbangkan permohonan pertukaran sungguhpun setiap pegawai awam pada dasarnya perlu mematuhi arahan perkhidmatan. Antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran adalah memperkenalkan proses permohonan penempatan secara *online* untuk memastikan butiran para pemohon termasuk status perkahwinan dapat dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

Mengenai guru terlatih dalam bidang komputer seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Khoo Soo Seang. Untuk makluman sehingga Mac 2007, Kementerian Pelajaran mempunyai lebihan guru dalam bidang tersebut sebanyak 555 orang di sekolah menengah. Bagi sekolah rendah pula, semua guru diberikan pendedahan asas kemahiran komputer semasa mengikuti latihan perguruan dan mampu mengajar kemahiran asas komputer kepada murid. Di samping itu, guru-guru juga diberikan Kursus Kemahiran Asas Penggunaan ICT dari semasa ke semasa.

Isu pelarasan gaji guru juga telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Khoo Soo Seang dan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad. Untuk makluman, kerajaan sentiasa memikirkan insentif yang terbaik untuk para pendidik bukan sahaja kepada skim gaji yang menarik, tetapi juga insentif-insentif yang lain. Sehubungan itu, mulai 1 Julai tahun ini 2007, kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 2007 telah bersetuju untuk memberi satu Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) bersamaan satu pergerakan gaji biasa kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 yang dilantik dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma, Gred DGA29, DGA32, DGA34 dan DGA38.

Pemberian hadiah kenaikan gaji ini adalah merupakan satu penghargaan pihak kerajaan kepada guru-guru yang telah menyahut dasar pensiswazahan guru-guru di sekolah menengah dan sekolah rendah menjelang tahun 2010. Mudah-mudahan dengan pemberian Hadiah Kenaikan Gaji ini akan dapat meningkatkan lagi motivasi serta kualiti pengajaran guru-guru demi mencapai pendidikan negara bertaraf dunia.

Berhubung elaun guru sandaran tidak terlatih atau GSTT pula, seperti Surat Pekeliling Perkhidmatan KPN Bil. 1 Tahun 2007, semua guru sandaran tidak terlatih yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran adalah layak mendapat elaun dan kemudahan berikut. Iaitu elaun bulanan berdasarkan tangga elaun yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet Gaji, imbuhan tetap khidmat awam, elaun mengatasi kos sara hidup sama seperti guru-guru tetap antaranya elaun wilayah, elaun bantuan sara hidup atau kola, elaun bertugas rasmi di luar kawasan ibu pejabat dan kemudahan perubatan di hospital kerajaan.

Berhubung dengan elaun pengawas peperiksaan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin, Kementerian Pelajaran telah pun membuat permohonan semakan semula terhadap kadar elaun petugas pentafsiran kendalian Lembaga Peperiksaan Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkuat kuasa mulai 1 September 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan kadar baru tersebut bagi penggubal soalan, pemeriksa kertas, pentafsiran dan pengawas peperiksaan.

Berhubung guru bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah pula, Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil inisiatif untuk memantapkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Hal ini terbukti dengan pertambahan bilangan Guru Kaunseling di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 11 Julai 2001, menetapkan bagi sekolah rendah kelayakan untuk mendapat satu jawatan guru bimbingan ialah mempunyai murid tidak kurang daripada 350 orang. Bagi sekolah menengah pula, tidak kurang daripada 500 orang. Walau bagaimanapun, bagi setiap pertambahan 500 orang murid sesebuah sekolah rendah atau menengah, akan mendapat tambahan satu jawatan guru bimbingan ataupun guru kaunseling.

Bagi mengatasi masalah guru yang bertugas luar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa pendekatan agar pembelajaran murid tidak terjejas disebabkan guru bertugas luar atau berkursus. Antaranya bagi guru-guru yang menghadiri kursus-kursus jangka pendek, seminar atau mesyuarat, Kementerian Pelajaran mengarahkan pihak pengurusan sekolah supaya mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) mewujudkan jadual guru ganti;
- (ii) menggabungkan kelas bagi mata pelajaran yang sama;
- (iii) menyediakan edaran kerja berdasarkan rancangan pelajaran yang telah ditentukan; dan
- (iv) guru yang menghadiri sesuatu kursus perlu menjalankan kelas ganti.

Bagi guru-guru yang melanjutkan pelajaran dengan kelulusan cuti belajar, tempat mereka boleh diganti dengan guru lain. Oleh itu tidak timbul masalah kekurangan guru apabila seseorang guru melanjutkan pelajaran.

**■1540**

Dengan langkah-langkah yang diambil, Kementerian Pelajaran berkeyakinan masalah pengajaran dan pembelajaran di kelas dapat di atasi dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari masih wujud jurang pendidikan sama ada di bandar mahu pun di luar bandar dalam pelbagai aspek, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Sri Empiang Jabu termasuklah kekangan dalam pelaksanaan program komputer seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Bagi mengatasi masalah tersebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan melalui PIPP, Kementerian Pelajaran telah memberi penumpuan terhadap keperluan seperti yang diutarakan oleh ahli-ahli Yang Berhormat.

Di samping penumpuan pembangunan infrastruktur sekolah yang diberi di bandar, kerajaan juga tidak pernah mengabaikan pembangunan pendidikan di luar bandar. Oleh itu kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.1 bilion untuk program luar bandar bagi mengatasi masalah infrastruktur asas seperti membekalkan bekalan elektrik 24 jam untuk membolehkan pelaksanaan ICT di sekolah dan menyalurkan bekalan air bersih di sekolah-sekolah yang memerlukan.

Bagi memastikan golongan di kawasan pedalaman ini benar-benar terbela, kerajaan telah menujuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Badan ini telah menyusun strategik pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang efektif di kawasan luar bandar dan pedalaman yang turut dikenali sebagai projek-projek yang berimpak tinggi atau *high impact projects* atau HIPS secara ringkas, dengan izin. Projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan meliputi pelbagai aspek seperti aspek infrastruktur, peralatan, guru kurikulum, dan program bantuan serta khidmat sokongan.

Melalui Program Lonjakan Pendidikan Luar Bandar pada Februari 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan tambahan sebanyak RM2.6 bilion bagi melaksanakan 9,335 projek di bawah program ini. Kementerian Pelajaran telah menggariskan dasar matlamat strategik pelan tindakan dan indikator pencapaian, supaya semua sekolah dan murid sama ada di luar bandar mahupun di bandar mempunyai peluang dan keupayaan yang sama untuk cemerlang. Sehingga Jun 2007 projek baru Rancangan Malaysia Kesembilan yang siap dan sedang dibina ialah sebanyak 4,639 ataupun 27.7% daripada jumlah keseluruhan projek. Bagi projek sambungan Rancangan Malaysia Kelapan projek yang siap ialah sebanyak 432 atau 97.2%.

Pelaksanaan pembestarian di sekolah mengambil kira semua inisiatif ICT yang sedia ada di sekolah, merangkumi tiga perkara yang utama iaitu *hardware*, *software* dan *wetware*. Untuk itu Kementerian Pelajaran telah membekalkan pelbagai peralatan dan kemudahan ICT seperti komputer, pencetak, server, projektor dan rangkaian. Statistik sehingga MAC 2007,

menunjukkan sebanyak 5,279 buah sekolah rendah dan menengah telah dilengkapi dengan makmal pengkomputeran, sementara sebanyak 9,629 buah sekolah telah dirangkaikan dengan capaian internet berjalan lebar melalui *school net*. Pelbagai perisian kursus juga telah dibangunkan oleh Kementerian Pelajaran dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memupuk perpaduan seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad kerajaan tidak pernah jemu malah sentiasa berusaha untuk mewujudkan semangat muhibah dan perpaduan di kalangan rakyat di Malaysia, bermula peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Usaha yang dilakukan sekarang melalui kurikulum ataupun kokurikulum telah mengambil kira semua aliran sekolah sama ada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah jenis kebangsaan Tamil. Melalui kurikulum, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan mata pelajaran pendidikan sivik dan kewarganegaraan secara berperingkat mulai tahun 2005.

Antara kandungan mata pelajaran ini ialah tema kepelbagaian budaya masyarakat Malaysia yang dipelajari murid dari tahun empat ke tingkatan lima, bagi membolehkan murid mendapatkan pendedahan dan memahami amalan budaya pelbagai kaum. Pemupukan nilai hormat menghormati dan bersatu padu di kalangan murid, juga diterapkan dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan pendidikan Moral. Melalui mata pelajaran ini murid didedahkan dengan aspek pengetahuan tentang kepentingan hidup bersatu padu dan saling menghormati antara satu sama lain, serta cara mengamalkan nilai-nilai tersebut.

Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau nama singkatan RIMUP adalah satu program baru Kementerian Pelajaran, dalam memupuk perpaduan antara kaum di sekolah. Program ini melibatkan pelaksanaan aktiviti bersama di antara pelbagai aliran sekolah di negara ini; iaitu sekolah kebangsaan, SJK(C) dan SJK(T). Bagi menjayakan program yang mulia ini, pada Januari 2007, Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.8 juta agar RIMUP dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan sistematik. Peruntukan tersebut juga meliputi RM2.4 juta bagi memberi latihan kepada seramai 9,938 guru dan pegawai kementerian supaya mereka dapat benar-benar menghayati konsep dan objektif RIMUP.

Pelaksanaan RIMUP juga melibatkan komponen teknologi komunikasi maklumat atau ICT, iaitu menerusi pelaksanaan e-Integrasi yang melibatkan satu sistem *interactive virtual* dan fizikal yang berdasarkan terma-terma perpaduan untuk menggalakkan pembelajaran merentasi budaya, persefahaman saling hormat-menghormati dan semangat toleransi di kalangan peserta. Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkenalkan elemen *F-One* atau *Formula One In School* dan robotik sebagai elemen baru dalam RIMUP, agar ia dapat menarik minat lebih ramai pelajar daripada pelbagai aliran sekolah untuk menyertai RIMUP dengan aktif. Namun demikian, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat berhubung dengan program perpaduan yang diutarakan, akan diambil perhatian dan diteliti kesesuaianya jika dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin membangkitkan mengenai beg berat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku teks yang dibekalkan kepada murid sebenarnya bukanlah faktor yang menyebabkan isu beg berat. Melalui kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran, mendapati purata keseluruhan berat buku teks sekolah rendah lebih kurang 2.8kg. hingga 3kg. Sungguhpun begitu, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah tersebut seperti menghasilkan buku teks mengikut jilid satu dan jilid dua. Terutamanya bagi mata pelajaran yang mempunyai huraian sukatan pelajaran yang luas, dan melibatkan jumlah halaman yang banyak iaitu melebihi 128 halaman.

Buku teks dua jilid tersebut merangkumi mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Matematik dan Pendidikan Islam. Mengenai medium bahasa dalam peperiksaan PPSMI seperti yang dibangkitkan oleh Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin. Seperti yang telah diumumkan bagi tahun 2008, Kementerian Pelajaran Malaysia masih mengekalkan dwi bahasa dalam peperiksaan awam bagi PPSMI. Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam mengenai terdapat sekolah yang masih mengibarkan Jalur Gemilang, walaupun bendera tersebut telah rosak, koyak dan luntur warnanya, pihak kementerian ucapkan terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara tersebut, dan pihak kementerian akan memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkara tersebut, kerana ianya boleh menjatuhkan imej Kementerian Pelajaran yang merupakan institusi yang sentiasa menjadi contoh kepada masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra, memang pada masa ini kerajaan telah mewujudkan jawatan pembantu dalam pengurusan P&P atau pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti jawatan pembantu makmal bagi membantu dalam PNP mata pelajaran sains khususnya di sekolah menengah. Kementerian juga telah mewujudkan jawatan pembantu pengurusan murid bagi pra sekolah mulai tahun 2004, dan sehingga kini jawatan pembantu pengurusan murid meningkat sebanyak 6,212 jawatan.

#### ■1550

Perkhidmatan PPM ini telah diperluaskan fungsinya di asrama sekolah rendah dan sekolah pendidikan khas, rendah dan juga menengah dengan pewujudan sebanyak 2,302 jawatan pada tahun 2006. Pada tahun 2007, fungsi PPM atau Pembantu Pengurusan Murid sekali lagi diperluaskan di kelas-kelas pendidikan khas melalui pewujudan sebanyak 2,444 jawatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 2007 sebanyak 9,834 jawatan Pembantu Pengurusan Murid telah diisi. Tujuan mewujudkan jawatan-jawatan tersebut sudah pasti dapat meringankan beban guru seperti yang dihasilkan oleh Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi tentang penerapan minat keusahawanan di sekolah, untuk makluman, sememangnya elemen keusahawanan telah

ditanam di kalangan murid di sekolah melalui penglibatan dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Sehingga Jun 2006, terdapat 1,787 koperasi di sekolah menengah telah menubuhkan koperasi. Murid-murid digalakkan menjadi ahli koperasi dan beberapa orang murid dilantik menjadi petugas dan Ahli Lembaga Koperasi. Selain itu Kementerian Pelajaran juga menggalakkan sekolah-sekolah menubuhkan Kelab Keusahawanan Muda. Sehingga 2007 terdapat 525 Kelab Keusahawanan Muda telah ditubuhkan di sekolah menengah. Antara kegiatan kelab ini adalah menganjurkan Hari Keusahawanan bagi memberi peluang setiap murid terlibat dalam urusan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terdapat beberapa perkara dibangkitkan seperti yuran persekolahan dan disiplin murid dan guru telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini dalam Sesi Jawab Lisan. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapan terima kasih di atas keprihatinan dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

### **3.52 ptg.**

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan saranan dan pandangan berkaitan dengan kementerian saya.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang menyarankan agar pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan bekerjasama dengan Kementerian Penerangan Malaysia mengetengahkan negeri Sarawak yang kaya dengan hasil seni yang budayanya agak dikenali dan dibanggakan oleh seluruh rakyat Malaysia. KeKKWa sentiasa mengadakan kerjasama dengan Kementerian Penerangan bagi mengetengahkan negeri Sarawak yang kaya dengan hasil seni dan budaya yang agak dikenali dan dibanggakan seluruh masyarakat Malaysia melalui pelbagai program seperti Program Rakan Seni Budaya, Festival Tari, Festival Kesenian Rakyat Malaysia serta penerbitan seni dan budaya.

Pada tahun 2008, banyak lagi program dan aktiviti yang telah dirancang dengan mengambil kira usaha berterusan untuk mengetengahkan seni dan budaya Sarawak dan Sabah di kalangan masyarakat Malaysia. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan oleh KeKKWa melalui Kraf Tangan Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) liputan oleh RTM dan Bernama semasa aktiviti Promosi Kraf Malaysia sempena 50 tahun merdeka di negeri Sarawak;

- (ii) liputan oleh RTM dan Bernama secara langsung semasa sambutan Hari Kraf Kebangsaan yang diadakan setiap tahun sejak tahun 2003 di Kompleks Kraf Kuala Lumpur. Promosi ini turut mengetengahkan produk kraf negeri Sarawak;
- (iii) penggambaran secara langsung program *Selamat Pagi Malaysia* mengenai aktiviti pembuatan tenunan Pua di Kraf Tangan Malaysia, Betong; dan
- (iv) Rancangan TV1 berbentuk majalah iaitu *DIA* atau *Diari Inspirasi Anggun* yang memaparkan pembuatan produk kraf tangan. Filem ini akan disiarkan pada 3 Januari 2008.

Yang Berhormat Senator Siw Chun a/p Eam memohon peruntukan RM90 ribu dari KeKKWa untuk pembelian kostum tradisional dan khidmat latihan dalam menjayakan Pesta Loy Krathong pada masa hadapan. KeKKWa sentiasa membantu pelbagai kaum etnik yang terdapat di Malaysia untuk mengenalkan seni, budaya dan warisan masing-masing. Ini termasuk kaum minoriti Siam.

Pada tahun 2006 dan 2007, KeKKWa telah membantu menjayakan Pesta Loy Krathong. Seni, budaya dan warisan kaum etnik telah diserap dalam pelbagai program KeKKWa seperti Program Rakan Seni Budaya, Festival Tari dan Festival Kesenian Rakyat Malaysia. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi kaum etnik Siam, pada tahun 2006 kementerian saya telah membiayai Festival Loy Krathong, Festival Songkran di dua tempat di Kedah iaitu di Naka dan juga di Kompleks Changlun, Kubang Pasu dan jumlah pembiayaan ialah sebanyak RM319 ribu untuk tahun 2006, dan untuk tahun 2007 juga kita bantu membiayai Pesta Loy Krathong di negeri Perlis dengan bantuan sebanyak RM80 ribu. Saya...

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada timbalan menteri. Saya terkeliru sedikit tentang RM300 ribu lebih itu yang disalurkan kepada badan mana. Siapa yang anjurkan Pesta Songkran atau Loy Krathong di Kedah? Terima kasih.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Saya difahamkan ini disalurkan kepada jabatan kita dan program ini adalah usaha sama dengan negeri Kedah. Saya masih ingat kedua-dua program ini telah dianjurkan. Mungkin *detail* yang lebih terperinci, saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai perkara yang berkaitan dengan kementerian saya dan segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Minta laluan.

**Dato' Wong Kam Hoong:** ...Akan diambil oleh kementerian saya. Ya, saya.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Sebelum Yang Berhormat tutup, saya hendak beritahu Yang Berhormat satu istilah yang digunakan dalam surat khabar, Yang Berhormat ya iaitu "Mat Rempit". Saya rasa istilah yang digunakan itu adalah tidak betul, Yang Berhormat sebab bila kita sebut sahaja "Mat Rempit", seolah-olah macam Melayu sahaja yang merempit. Wong ini tidak rempit, Krishnan tidak rempit. Jadi saya minta kalau boleh, Yang Berhormat ya, tukarkan. Jangan dok gunakan istilah "Mat Rempit".

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah tidak bangkitkan perkara ini dalam ucapan, jadi munasabah Yang Berhormat tidak jawab tetapi Yang Berhormat sebagai *after thought*, sekarang Yang Berhormat timbulkan perkara itu. Kalau Yang Berhormat ada apa-apa komen, saya benarkanlah.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Ini saya tidak sebut "Mat Rempit" ... [Ketawa] Orang lain yang gunakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah pandangan Yang Berhormat tentang adakah...

**Dato' Wong Kam Hoong:** Oh, tentang ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** ....Kementerian boleh main peranan menghilangkan anggapan negatif terhadap satu-satu kaum dan ungkapan "Mat Rempit". Pasal ada "Mat" itu, Mat dan Minah.

**Dato' Wong Kam Hoong:** "Mat Rempit" ini dalam bahasa Malaysia dan semua gejala yang tidak elok di negara kita, kita haraplah melalui kementerian kita yang dikatakan Kementerian Pelajaran untuk dewasa, kita dapatlah menangkis ini, dan "Mat" ini ia bukan... Saya pun dapat satu cerita tentang ini. "Mat Salih" sepatutnya orang ini "Mac Sheller" dan mereka selepas minum minuman keras, buat bising banyak.

#### ■1600

So, bos dia tanya, "Siapa?". "Ini Mac Sheller". Jadi, Mac Sheller ini menunjukkan kepada Orang Putih. Istilah asalnya ialah Mac Sheller tetapi dia kata "Mat Salih". Ini untuk kita berkongsilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, "Mat Salih", putih, Mat Rempit, kelabu?

**Dato' Wong Kam Hoong:** [Ketawa] Saya sudah menjawab semua yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

#### 4.00 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2008, yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian. Sesungguhnya

kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan agar pemantauan dibuat ke atas peminta sedekah di bandar-bandar besar bagi memastikan sama ada mereka sebenarnya miskin atau daripada sindiket. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil langkah-langkah pemantauan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, JKM Wilayah Persekutuan telah mengadakan operasi bersepodu secara berjadual, berkala dan *ad hoc* dengan pihak berkuasa tempatan terutamanya pada waktu petang dan malam selama enam jam setengah, mulai dari 4.30 petang hingga 12 malam di tempat operasi yang telah dikenal pasti seperti pasar malam, tempat-tempat awam sekitar bandar raya Kuala Lumpur. Berdasarkan laporan siasatan yang telah dibuat, pengemis-pengemis yang diselamatkan setakat ini didapati tidak didalangi oleh sindiket. Mereka bergerak secara individu untuk meminta sedekah di lokasi yang dikenal pasti boleh mendapatkan sumbangan yang baik dari orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad juga ingin mengetahui apakah bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada pengemis-pengemis yang didapati benar-benar miskin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengemis dewasa yang telah diselamatkan semasa operasi akan dihadapkan ke mahkamah setelah terbukti mereka menjalankan kegiatan tersebut, mereka akan dihantar ke Desa Bina Diri di Mersing selama tiga tahun dan mengikuti bengkel latihan vokasional seperti berkebun, menternak, belajar jahitan, masakan, pertukangan kayu, ukiran, membuat bakul rotan dan kraf tangan mengikut minat masing-masing.

Apabila mereka keluar, mereka akan dibantu untuk mendapatkan pekerjaan atau mereka diberi modal untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, di samping diberi bantuan bulanan untuk menampung kos sara hidup keluarga sehingga mereka mampu berdikari. Bagi pengemis kanak-kanak pula mereka akan ditempatkan di rumah kanak-kanak untuk jagaan dan perlindungan sehingga mencapai umur 18 tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy membangkitkan mengenai penilaian impak sosial. Beliau ingin tahu sama ada kajian telah dibuat, dan sekiranya sudah dibuat mengapa ia masih belum dikeluarkan. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan penilaian impak sosial bukanlah merupakan satu perkara baru di Malaysia. Penekanan terhadap elemen penilaian sosial telah pun diambil kira dalam proses perancangan projek pembangunan. Dalam konteks ini elemen penilaian impak sosial telah diperkenalkan dan diwajibkan menerusi peruntukan undang-undang yang sedia seperti berikut:

- Akta Kualiti Alam Sekitar Tahun 1974, diuruskan oleh Jabatan Alam Sekitar;
- Akta Perancangan Bandar dan Desa Tahun 1976, diuruskan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;
- Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar Tahun 1958 bagi Negeri Sarawak; dan
- Enakmen Perlindungan Alam Sekitar 2002 bagi Negeri Sabah,

Untuk mempertingkatkan lagi kefahaman mengenai penilaian impak sosial, kementerian ini telah menyediakan buku Pengenalan Penilaian Impak Sosial dan telah diterbitkan dan diedarkan ke semua agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dan juga perpustakaan-perpustakaan awam.

Selain itu, kementerian ini juga telah menyediakan satu modul Kursus Penilaian Impak Sosial yang bertujuan memberikan pendedahan awal kepada pegawai-pegawai kerajaan mengenai konsep, proses, prosedur dan metodologi penilaian impak sosial. Kursus ini telah dimulakan pada tahun 2004, dan sehingga kini, seramai 117 pegawai kerajaan telah dilatih. Kursus ini akan diperluaskan lagi kepada agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu ingin mengetahui apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah sosial berikutan peningkatan kes penganiayaan, pembuangan bayi, rogol, dera dan bunuh ke atas kanak-kanak dan wanita. Saya yakin Yang Berhormat juga bersetuju bahawa usaha pencegahan, pembanterasan jenayah dan mengatasi masalah sosial di negara ini adalah tanggungjawab semua pihak, sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat umum. Kerjasama semua pihak adalah amat penting dalam menangani masalah sosial ini. Di pihak kementerian langkah-langkah yang diambil ialah melalui pencegahan dan pemulihan supaya setiap individu mengetahui dan faham akan tanggungjawab masing-masing kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Institut Sosial Malaysia menjalankan pelbagai program pencegahan, penggalakan intervensi dan pemulihan untuk semua kumpulan sasar seperti kanak-kanak, orang kurang upaya, warga emas, orang papa dan masyarakat sivil dalam memainkan peranan bagi memastikan penurunan kadar jenayah dan masalah sosial di negara ini.

Bagi kumpulan sasar kanak-kanak JKM telah melaksanakan program dan aktiviti melalui jawatankuasa kebajikan kanak-kanak, pasukan pelindungan kanak-kanak dan pusat aktiviti kanak-kanak di peringkat daerah menjurus kepada hasrat dan matlamat kerajaan untuk mewujudkan sebuah keluarga dan masyarakat sejahtera. Jawatankuasa-jawatankuasa ini memainkan peranan utama di dalam memantau dan menggerakkan program berbentuk pencegahan dalam masyarakat setempat untuk menangani isu-isu sosial. Jawatankuasa-

jawatankuasa ini menganjurkan seminar, projek komuniti, program antidadah, mengadakan sesi kaunseling dan kem-kem motivasi. Selain itu Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai 25 institusi pemulihan akhlak dan sembilan buah institusi perlindungan kanak-kanak di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, tiga buah pusat remaja yang dikenali sebagai *cafe@teen* telah ditubuhkan oleh LPPKN di Kuala Lumpur dan Butterworth. Pusat remaja ini adalah sebagai sokongan kepada usaha-usaha menangani gejala sosial remaja, di mana remaja berusia 13 hingga 24 tahun boleh mendapat pengetahuan, perkhidmatan dan membangunkan kemahiran diri di samping mengisi masa lapang dengan berfaedah. Dalam aspek kekeluargaan, Kementerian mengambil pendekatan untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat mengenai kepentingan mengukuh institusi keluarga, menjalankan beberapa aktiviti promosi serta pendidikan dan latihan dalam bidang pembangunan keluarga, bagi membantu keluarga mendidik anak-anak dan membentuk keluarga yang bersahsiah mulia.

**Pendidikan ini dilaksanakan berdasarkan modul-modul pendidikan keluarga sedia ada iaitu Pakej Modul Kasih di seluruh negara. IDA**

**■1610**

Pendidikan ini dilaksanakan berdasarkan modul-modul pendidikan keluarga sedia ada iaitu Pakej Modul Kasih di seluruh negara.

Selain itu, program ini juga dilaksanakan melalui kerjasama PINTAR dengan agensi kerajaan, Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga serta NGO-NGO. Kementerian juga sedang melaksanakan Program Satu Keluarga Satu Kaunselor sebagai salah satu usaha untuk menangani masalah dalam keluarga oleh keluarga itu sendiri.

Dengan adanya kaunselor dalam keluarga, masalah yang dihadapi sesuatu keluarga itu akan dapat ditangani dengan lebih baik oleh anggota keluarga itu sendiri dalam usaha mengurangkan gejala sosial yang dipercayai banyak berpunca daripada masalah keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu dalam usaha meningkatkan sinergi kerjasama multi sektor, kementerian juga turut menyalurkan bantuan geran kepada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan untuk menjalankan program dan aktiviti yang menjurus kepada pendekatan menangani gejala sosial, dan secara tidak langsung mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Sharipah Aminah, membangkitkan mengenai kakitangan di Rumah NUR yang mana menurut beliau hanya terdapat seorang kakitangan sahaja yang mengendalikan Rumah NUR, dan elaun bulanan yang diberikan adalah di bawah garis kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, struktur organisasi di Pejabat Pembangunan Wanita Negeri atau dikenali sebagai Rumah NUR adalah terdiri daripada seorang pengarah Gred 48 terbuka, pegawai pembangunan masyarakat

Gred S41, penolong pegawai tadbir Gred N32 dan dua orang pembantu tadbir atau kerani Gred N17.

Terdapat 13 buah Rumah NUR di seluruh negara dengan keseluruhan perjawatan sebanyak 91. Pada ketika ini, hanya terdapat lima jawatan yang belum diisi dan empat daripadanya untuk jawatan pengarah. Sememangnya bayaran gaji bulanan bagi kakitangan termasuklah kerani di Rumah NUR adalah setaraf dengan gaji yang diberi oleh kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan lain.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Sharipah Aminah, mengenai Rumah NUR di Pulau Pinang, ia adalah merujuk kepada Rumah NUR di peringkat bahagian. Buat masa ini, hanya Rumah NUR di peringkat bahagian di Pulau Pinang yang masih beroperasi iaitu enam buah Rumah NUR. Setiap sebuah rumah, mempunyai dua orang petugas iaitu seorang penyelia dan seorang kerani.

Perjawatan di Rumah NUR peringkat bahagian ini adalah bertaraf sambilan dan pengambilan kakitangan diuruskan oleh Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang, sementara elaun mereka akan dibayar oleh kerajaan negeri. Secara kasar, kakitangan di Rumah NUR bahagian, menerima sekitar lebih kurang RM800 bagi tempoh 25 hari bekerja.

Walau bagaimanapun, petugas tersebut akan ditawarkan dengan jawatan bertaraf kontrak dengan Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dan prestasi baik yang ditunjukkan oleh mereka. Oleh yang demikian, kerani berkenaan akan menerima gaji yang setaraf dengan gaji yang diterima oleh Gred N17 di jabatan-jabatan kerajaan lain. Sehingga kini, kerani di tiga buah Rumah NUR bahagian iaitu Barat Daya Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan telah mendapat tawaran kontrak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu mengenai wanita terutamanya ibu tunggal. Yang Berhormat Senator Puan GK Loga Chitra mencadangkan agar lebih ramai wanita diberi peluang untuk menerajui *government link companies* (GLC), dengan izin. Kementerian sangat mengalu-alukan pelantikan wanita di peringkat membuat keputusan terutamanya untuk menerajui *government link companies*, dengan izin. Memandangkan pada masa ini hanya terdapat 14% wanita ataupun 95 orang wanita dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah berbanding dengan seramai 596 orang Ahli Lembaga Pengarah lelaki.

Sebagai permulaan, dasar untuk memastikan sekurang-kurangnya 30% wanita dilantik di jawatan membuat keputusan di sektor awam telah digubal dalam memastikan bahawa wanita yang berkelayakan dan berwibawa dilantik ke jawatan tersebut tanpa diskriminasi yang berasaskan gender. Walau bagaimanapun, pelantikan wanita untuk menerajui GLC adalah di luar bidang kuasa kementerian saya.

Namun demikian, pihak kementerian menjalankan pelbagai usaha advocacy dalam memastikan sektor swasta dan korporat juga mengambil pendekatan yang sama dalam memastikan sekurang-kurangnya 30% wanita dilantik ke peringkat membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan G. K Loga Chitra turut membangkitkan mengenai program kapasiti ibu tunggal yang perlu dipertingkatkan dan supaya program *surviving skills* dengan izin, diperkenalkan. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, program-program pembangunan kapasiti yang dijalankan oleh kementerian selama ini sememangnya telah memberi penekanan kepada aspek *surviving skills*, dengan izin. Sebagai contoh, melalui Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, (I-KIT). Ibu-ibu tunggal diberikan latihan dalam bidang-bidang kemahiran seperti jahitan, kecantikan, kraf tangan dan sebagainya yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan.

Mengenai masalah bayaran bantuan bulanan yang tidak konsisten dan lewat diterima oleh penerima bantuan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bayaran bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada penerima-penerima bantuan bulanan, diuruskan pembayarannya setiap bulan kepada penerima-penerima yang telah diluluskan bantuan.

Peruntukan kewangan kepada penerima-penerima bantuan bulanan bagi skim-skim bantuan persekutuan disediakan peruntukan yang mencukupi bagi setiap negeri, dan disalurkan peruntukan tersebut kepada negeri-negeri di seluruh negara pada setiap awal tahun. Walau bagaimanapun, teguran Yang Berhormat berkaitan urusan bayaran bantuan ini, diambil maklum dan sebarang kelewatan pembayaran di peringkat daerah akan ditangani dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Seng ingin mengetahui selain daripada bantuan bulanan, apakah bentuk bantuan yang boleh diberi oleh kerajaan untuk menaikkan taraf hidup penerima bantuan.

Selain daripada bantuan bulanan kepada golongan miskin, kementerian juga komited menjalankan program-program pembangunan kapasiti bimbingan dan kaunseling kepada golongan sasar kementerian. Program-program ini dilaksanakan sehingga ke peringkat akar umbi melalui kerjasama dengan NGO-NGO dan persatuan-persatuan ibu tunggal dengan pemberian bantuan khas pertimbangahan.

Di samping itu, kementerian juga menyediakan bantuan geran pelancaran untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan supaya mereka mampu berdikari supaya tidak terus bergantung kepada bantuan kewangan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah telah menyentuh mengenai Program Jejari Bestari, di mana beliau mencadangkan supaya kementerian memilih lima orang peserta terbaik daripada mereka yang berpotensi setiap program untuk dibimbing daripada mula hingga menjadi usahawan berjaya. Pihak kementerian sangat menghargai cadangan tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, serta Ahli Dewan yang mulia ini, pihak kementerian telah pun mempunyai cadangan untuk melatih peserta daripada Program Jejari Bestari secara intensif dalam bidang keusahawanan serta membantu mereka dalam mempromosi dan memasarkan produk yang dihasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Program Pembangunan Wanita, kepada wanita kaum Siam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam, penyertaan kepada Program-program Pembangunan Wanita yang dijalankan oleh pihak kementerian dibuka kepada golongan wanita yang berminat tanpa mengira kaum, umur dan usia.

#### ■ 1620

Selain itu, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga diberikan peruntukan untuk menjalankan program-program pembangunan wanita yang bersesuaian dengan kumpulan sasar mereka termasuk wanita berketurunan Siam dan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan pengagihan peruntukan pula pihak kementerian menyalurkan sejumlah peruntukan melalui bantuan khas Perbendaharaan kepada pertubuhan bukan kerajaan bagi melaksanakan program-program pembangunan wanita di peringkat akar umbi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa memastikan pengagihan peruntukan dibuat dengan teliti dan NGO terbabit perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan permohonan. Antara syarat tersebut adalah, NGO terbabit perlu berdaftar dengan pendaftar pertubuhan, *Register of Society* (ROS) menjalankan program dan aktiviti yang tidak berdasarkan keuntungan dan perlu mengemukakan laporan perlaksanaan program mereka. Selain itu, permohonan juga akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa yang akan bermesyuarat untuk mempertimbangkan permohonan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Siw Chun turut mencadangkan supaya ibu tunggal dikategorikan mengikut umur dan tahap pendidikan bagi memudahkan pemberian bantuan berdasarkan keperluan. Kementerian menyambut baik cadangan yang diberi itu. Buat masa ini maklumat berkaitan tahap pendidikan dan umur ibu tunggal digunakan oleh kementerian hanya merangka program yang bersesuaian dengan golongan ini. Manakala kriteria pemberian bantuan kebajikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat lebih tertumpu kepada pendapatan bulanan keluarga dan bilangan tanggungan bagi memastikan golongan yang benar-benar layak dan memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Siw Chun supaya kementerian menubuhkan sebuah pusat latihan untuk mengajar ibu tunggal dan OKU mempelajari teknik mengurut tradisional. Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan pusat latihan seperti itu, kementerian lebih mementingkan kepada latihan kemahiran untuk ibu tunggal dalam bidang lain seperti terapi kecantikan, jahitan, masakan dan

kraf tangan memandangkan permintaan dan sambutan yang sangat menggalakkan dalam bidang tersebut.

Selain itu, ibu tunggal yang minat untuk memulakan perniagaan dalam bidang berkenaan boleh bermula secara kecil-kecilan di rumah tanpa memerlukan premis perniagaan yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Puan Mumtaz binti Md. Nawi mencadangkan supaya kemudahan cuti bersalin lima tahun diperluaskan kepada semua wanita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan cuti maksimum lima tahun yang diluluskan pada tahun 2007 adalah cuti menjaga anak tanpa gaji kepada wanita perkhidmatan awam persekutuan. Ianya berbeza daripada cuti bersalin biasa 60 hari maksimum, bergaji penuh kepada maksimum lima kelahiran yang diperuntukkan pada masa ini. Cuti menjaga anak ini tertakluk kepada penerimaan oleh pihak perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan Persekutuan tidak boleh mengenakan syarat supaya pihak lain menerima pakai peraturan kemudahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mumtaz turut mencadangkan agar diadakan hospital khusus untuk golongan kurang berkemampuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian berpendapat bahawa kemudahan yang disediakan oleh hospital kerajaan adalah mencukupi dan boleh dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat. Buat masa ini golongan yang tidak berkemampuan boleh diberi pengecualian daripada sebarang bayaran dengan surat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun pegawai kebajikan perubatan di hospital berkenaan. Sehubungan dengan itu, pihak kementerian merasakan cadangan supaya diadakan sebuah hospital khusus untuk golongan kurang berkemampuan ini tidak seharusnya berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian saya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Pandangan, saran dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dalam melaksanakan program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Sekiranya ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan selepas ini dan saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pengangkutan.

#### **4.26 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 peringkat dasar yang menyentuh mengenai perkara-perkara di bawah

tanggungjawab Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan amat menghargai semua pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan Polisi Cabotage yang diamalkan oleh syarikat-syarikat perkapalan yang menyebabkan beban kos operasi yang disebabkan dengan izin, *trade charges* yang tinggi, eksport barang dari Sabah, di mana kos pengangkutan ini boleh diketengahkan bagi memastikan pengeksport dari Sabah terus berdaya saing.

Untuk makluman Ahli Dewan, kos pengangkutan atau tambang kapal adalah ditentukan oleh permintaan pasaran atau dengan izin, *market forces*. Melalui faktor permintaan dan penawaran, faktor pertama yang menyebabkan kos pengangkutan yang tinggi bagi perkhidmatan perkapalan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh faktor ketiadaan dengan izin '*backhoe*' cargo yang mencukupi dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung.

Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan kerajaan negeri meneruskan usaha-usaha meningkatkan daya saing pelabuhan-pelabuhan di sabah dan Sarawak untuk menarik lebih banyak kapal singgah di pelabuhan-pelabuhan di kedua-dua negeri. Tindakan ini akan turut menyumbangkan kepada kadar tambang yang lebih kompetitif. Usaha-usaha yang diambil termasuklah meningkatkan kemudahan infrastruktur bagi meningkatkan produktiviti pelabuhan. Kerajaan juga akan terus berusaha untuk menggalakkan dan menarik lebih banyak pelabur dalam industri di kedua-dua negeri di mana ia akan meningkatkan jumlah kargo yang akan dijana dan seterusnya membantu untuk mengurangkan kos pengangkutan.

Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, beliau ada menyarankan supaya syarikat penerbangan MAS sebab sebuah syarikat berkaitan dengan kerajaan perlu memastikan kebijakan kakitangannya terjamin walaupun sedang melaksanakan pelan rasionalisasi syarikat. Syarikat penerbangan MAS mengambil maklum bahawa kejayaan sesebuah syarikat turut bergantung kepada faktor modal insan. Sehubungan dengan itu, MAS sentiasa berusaha bagi memastikan kebijakan kakitangannya sentiasa terjaga dan sering mengadakan dialog dan pertemuan dengan persatuan-persatuan pekerja bagi membincangkan isu-isu berhubung dengan kebijakan serta hal ehwal pekerjanya.

Selain daripada itu, pada 31 Julai 2007, MAS telah membuat pembayaran bonus sekurang-kurangnya setengah bulan gaji atau RM1,000 yang mana lebih tinggi kepada semua kakitangannya yang telah berkhidmat dengan MAS semenjak enam bulan terdahulu memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan.

#### ■1630

Bayaran bonus ini adalah bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan kakitangan MAS ekoran daripada peningkatan pencapaian perniagaan MAS selepas melaksanakan dengan izin,

*business turn around back.* MAS juga turut mengadakan MH *incentive scheme* iaitu skim insentif hospitaliti bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan kakitangannya yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dalam menjayakan kempen dengan izin, *Malaysian Hospitality All The Way*.

Mengenai saranan supaya Syarikat Penerbangan Malaysia dan AirAsia perlu bekerjasama dalam penetapan laluan-laluan penerbangan kedua-dua syarikat bagi memastikan kedua-dua syarikat memperoleh faedah secara maksimum; adalah dimaklumkan bahawa penetapan laluan-laluan penerbangan dibuat berdasarkan keperluan trafik bagi sesuatu laluan. Pada kebiasaannya kedua-dua syarikat tersebut tidak digalakkan untuk bersaing sesama sendiri.

Sebaliknya Kementerian Pengangkutan sentiasa meminta dan mendapatkan pandangan secara perbincangan dengan kedua-dua syarikat tersebut dalam penetapan laluan penerbangannya supaya ia dapat memberi faedah kepada kedua-dua buah syarikat.

Yang Berhormat Senator Dato' Omar Faudzar pula ada menyatakan adakah keuntungan yang dicatatkan oleh Syarikat Penerbangan MAS baru-baru ini merupakan keuntungan daripada operasi penerbangan ataupun daripada penjualan bangunan-bangunan dimiliki oleh MAS. Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Penerbangan Malaysia mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM364 juta bagi suku ketiga tahun 2007 yang berakhir 30 September 2007. Ini menjadikan jumlah untung bersih yang dicatatkan oleh MAS bagi tempoh Januari sehingga September 2007 adalah sebanyak RM610 juta. Daripada jumlah RM610 juta ini, keuntungan yang didorong oleh operasi penerbangan MAS adalah sebanyak RM354 juta yang disebabkan oleh peningkatan permintaan serta peningkatan dengan izin, *load factor* sebanyak 74%. Sebaliknya perolehan bagi penjualan harta milik MAS hanya menyumbang sebanyak RM103 juta sahaja di mana turut merangkumi penjualan Hotel MAS, Akademi MAS di Kelana Jaya, dan lain-lain hak milik MAS di luar negara. Ini jelas membuktikan bahawa keuntungan bersih yang dicatatkan oleh MAS baru-baru ini adalah merupakan keuntungan daripada operasi penerbangannya dan bukan semata-mata dicatatkan dari penjualan aset-aset milik MAS.

Saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggung jawab kementerian saya yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatatkan dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi.

#### **4.33 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayarantnam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah

Mohamad yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan di atas Bajet 2008.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan sentiasa memastikan bahawa terdapat keseimbangan penawaran minyak kelapa sawit bagi tujuan makanan dan bukan makanan; termasuk pengeluaran bio bahan api yang berasaskan sawit. Bagi maksud ini, dari anggaran pengeluaran minyak sawit mentah dalam negeri sebanyak 15.9 juta tan pada tahun 2007, 63% dikhaskan bagi sektor makanan. Baki sebanyak 37% iaitu lebih kurang enam juta tan adalah bagi maksud pengeluaran bio bahan api. Akan tetapi penggunaan CPO bagi tahun 2006, sebagai bahan mentah bagi sektor bio bahan api adalah 55,399 tan sahaja.

Adalah dijangkakan pada awal tahun 2008, dengan beroperasinya 19 kilang bio bahan api, anggaran keluaran CPO untuk pengeluaran bio bahan api adalah sebanyak 1.56 juta tan minyak sawit. Kerajaan akan sentiasa memantau berkenaan CPO di antara sektor makanan dan bukan makanan agar penawaran minyak masak untuk tujuan makanan di pasaran dengan harga yang berpatutan mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 29 Jun 2006, kerajaan telah membekukan kelulusan lesen baru projek bio bahan api. Ini adalah bertujuan membolehkan kementerian mengkaji keseluruhan prestasi industri bio bahan api berasaskan sawit. Sebelum tarikh pembekuan, ada sebanyak 91 projek bio bahan api dengan nilai pelaburan sebanyak RM8.07 bilion. Daripada jumlah tersebut, adalah dijangkakan 19 kilang akan beroperasi dengan menggunakan 1.56 juta tan minyak sawit sebagai bahan mentah pada awal tahun 2008.

Baki syarikat-syarikat yang tidak dapat beroperasi, adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (a) kilang dalam pelbagai fasa perancangan seperti perolehan tanah, menjalankan kajian impak alam sekitar ataupun *environmental impact assessment study*, dengan izin, dan perolehan jentera;
- (b) pelesen mengambil sikap tunggu dan lihat memandangkan purata harga minyak sawit mentah telah meningkat sebanyak 67% bagi tempoh Januari hingga November tahun ini berbanding dengan tempoh masa yang sama dalam tahun 2006; dan
- (c) sukar memperoleh bahan mentah secara jangka masa panjang terutama bagi kilang-kilang yang tidak mempunyai ladang sendiri untuk maksud bekalan bahan mentah.

Buat masa ini Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ataupun MIDA sedang meneliti status pembangunan baki pemegang lesen. Sekiranya terdapat pemegang lesen bio bahan api yang tidak berminat, tindakan susulan bagi menarik balik lesen-lesen tersebut akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya menegaskan bahawa Kementerian Perusahaan...

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat, boleh saya pohon laluan?

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Sila.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Saya telah dengar dengan cukup teliti keterangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang keluaran bio bahan api. Sama ada Kementerian Perusahaan Perladangan sedia maklum bahawa dengan izin, mengikut satu laporan *Global Subsidies Initiative of the International Institute for Sustainable Development* menunjukkan bahawa walaupun bio bahan api yang dikeluarkan oleh negara-negara... [Masalah sistem pembesar suara] ...Khususnya Brazil yang dirujukkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah yang mengeluarkan banyak *bioethanol*. Serupa juga lebih... [Masalah sistem pembesar suara] ....Tetapi tarifnya 25% hendak masuk ke pasaran Amerika Syarikat dan ke European, ke EEC 50%. Dengan angka yang ditunjukkan, tahun hadapan lebih kurang RM1.56 juta.

■ 1640

Bermakna 10% kegunaan CPO akan digunakan untuk biodiesel dan dengan kempen-kempen anti minyak sawit yang dijalankan nanti kita keluar biodiesel tiba-tiba EC kenakan tarif yang tinggi sebab mereka menyatakan bahawa pengeluaran biodiesel kita tak jaga alam sekitar dan tidak bestari. Adakah kementerian memandang jauh itu dan apakah tindakan yang sedang diambil supaya perkara ini tidak akan berlaku. Kalau tidak ada kita bina biodiesel sia-sia sahaja. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Senator Dato' Gooi Hoe Hin di atas pertanyaan beliau tadi. Kerajaan telah ambil keputusan bahawa ada had maksimum daripada jumlah pengeluaran minyak sawit mentah dihadkan kepada enam juta tan sahaja yang diperuntukkan untuk biodiesel tidak akan lebih dan ini dengan persefahaman Kerajaan Republik Indonesia mereka pun telah bersetuju maksimum ataupun volum maksimum yang diperuntukkan untuk biodiesel ialah enam juta tan CPO. Kerajaan yakin bahawa walaupun harga CPO akan naik atau sudah tinggi sekarang tetapi keperluan untuk biodiesel akan kekal oleh kerana banyak negara termasuk negara di Eropah akan membuat kegunaan bio bahan api secara mandatori dan walaupun macam dikatakan oleh Yang Berhormat Senator ada kempen-kempen di mana mereka kata kita memusnahkan rimba hujan kita, kita memusnahkan hidupan liar kita untuk tanam kelapa sawit tapi semua tuduhan ini kita sedang dan terus membantah dan oleh kerana itu kita pun sudah masuk perundingan meja bulat minyak sawit mapan ataupun *roundtable on sustainable palm oil*. Saya percaya masa hadapan untuk bio bahan api cerah dan dijangka keperluan biodiesel pada tahun 2010 adalah 30 juta tan di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, ingin saya menegaskan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi telah mengambil maklum akan segala pandangan, ulasan serta saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan

ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian serta agensi-agensi di bawahnya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan dan akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang wajar dan sesuai. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

#### **4.44 petang**

##### **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal**

**Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Kementerian telah merumuskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada tiga isu utama iaitu pertama isu kenaikan harga barang, kedua isu berkaitan dengan harga besi keluli dan simen dan yang ketiga, syarikat-syarikat yang tidak aktif diarah tutup oleh pihak SSM.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi membendung kenaikan harga barang-barang pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian ini di semua pejabat dan cawangan-cawangan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di seluruh negara bergerak setiap hari termasuk cuti hujung minggu menjalankan pemantauan ke atas harga-harga barang di premis perniagaan di semua lokasi sehingga di bandar-bandar dan juga kampung-kampung di luar bandar.

Melalui operasi iaitu Ops Gaji kementerian juga telah menjalankan pemeriksaan secara berterusan ke atas harga barang dan makanan di setiap peringkat urus niaga. Sehingga 12 Disember 2007 sejumlah 996,408 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 763,258 pemeriksaan iaitu 77% telah dibuat di kawasan bandar dan 233,150 pemeriksaan iaitu 23% telah dibuat di kawasan luar bandar. Sebanyak 1,433 tindakan kes telah diambil terhadap peniaga atas pelbagai kesalahan di bawah akta-akta yang dikuatkuasakan oleh kementerian.

Di bawah Akta Kawalan Harga 1946 sebanyak 1,043 kes dihasilkan dan hampir kesemua membabitkan kesalahan peniaga runcit gagal menggunakan tanda harga, 81 kes diambil di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 dan 20 kes di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 kerana memberi penunjuk palsu atau mengelirukan mengenai harga barang yang dijual oleh pihak mereka.

Bagi menunjukkan ketegasan kementerian dalam menangani kenaikan harga ini kesemua tindakan kes ke atas peniaga yang melakukan kesalahan melibatkan harga akan

dikenakan kompaun minimum RM1,000 dan jumlah keseluruhan kompaun yang dikeluarkan setakat ini adalah RM268,630 dan nilai rampasan berjumlah RM650,103.51. Kementerian akan terus berusaha memastikan Ops Gaji memberi kesan yang positif untuk menyampaikan mesej kepada kerajaan dan akan bertindak tegas ke atas peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bahan binaan ingin saya menyatakan di sini iaitu hanya simen dan besi keluli sahaja diisyiharkan oleh pihak kementerian sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Kawalan harga ke atas barang ini dilaksanakan berdasarkan peraturan syarat mesin yang dikeluarkan oleh kementerian di bawah akta berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini ketika ini kerajaan telah pun dan juga sedang mengkaji semula penetapan harga simen dan bal besi keluli bagi memastikan harga kawalan yang ditetapkan ini kos...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat mengkaji bagaimana negara jiran yang bukanlah satu negara yang membuat keluli dan barang-barang binaan tetapi mendapat barang-barang ini dengan harga yang lebih murah. Saya sendiri pun tak tahu kenapa mereka boleh dapat barang-barang murah daripada negara kita dan kos binaan di Singapura lebih murah daripada di Malaysia. Adakah kajian dibuat mengenai kos-kos ini?

#### ■ 1650

**Tuan Hoo Seong Chang:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala barang yang dijual di pasaran, kita tumpu kepada bahan-bahan ataupun yang digunakan untuk membina sesuatu produk. Memang kementerian ini seperti saya sebutkan tadi mengenai harga besi keluli dan juga simen ini, kementerian sedang mengkaji semula bagaimana penetapan harga seperti yang saya sebutkan tadi untuk memastikan harga kawalan yang ditetapkan ini benar-benar mencerminkan kos pengeluaran bahan-bahan binaan tersebut. Maka saya setuju dengan Yang Berhormat mungkin sudah sampai masa untuk kita sama-sama.

Kita baru semalam sahaja kita telah pun mengadakan banyak perbincangan dengan pihak industri, dengan pihak kontraktor dan pihak agensi kerajaan yang lain untuk sama-sama kita berbincang sama ada kita akan menggunakan seperti yang saya sebutkan tadi akan mengkaji semula penetapan harga simen yang benar-benar boleh mencerminkan kos pengeluaran bahan-bahan tersebut. Maka saya percaya dengan adanya *feedback* dari semua pihak ini tidak lama lagi kita akan mengamalkan satu sistem yang lebih menyeluruh untuk kita sama-sama menangani isu ini.

Tujuan ini juga kita untuk menstabilkan bekalan agar projek-projek pembangunan ini dapat giat dilaksanakan dengan tidak menjelaskan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai aduan berhubung penipuan harga pembelian bar besi keluli oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab dengan menambah item bahan binaan lain di dalam resit pembelian, kementerian memang ada

dapat aduan tersebut dan sedang menjalankan siasatan ke atas aduan yang dilaporkan. Tindakan tegas akan dikenakan ke atas peniaga yang disabitkan dengan kesalahan memanipulasi harga yang dilaporkan ini. Sehingga kini kementerian telah pun menjalankan sebanyak 18,523 pemeriksaan ke atas premis menjual bahan binaan di seluruh negara.

Sebanyak 14 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM25,615 kerana kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Antaranya pihak pemborong ataupun peruncit gagal menyerahkan buku stok, gagal memperbaharui lesen dan juga bermiaga barang kawalan itu tanpa lesen. Itulah antara kesalahan-kesalahan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha berterusan membanteras kegiatan peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan berlebihan adalah agenda yang diberi perhatian oleh kementerian ini. Antara tindakan yang telah diambil oleh kementerian bagi melaksanakan tanggungjawab ini dengan lebih berkesan adalah dengan menambah bilangan anggota pegawai penguat kuasa, membuka lebih banyak lagi cawangan, melancarkan gerak Rakan Pengguna, melantik pembantu hal ehwal pengguna di setiap kawasan Parlimen dan cadangan untuk mengubah Rang Undang-undang Amalan Perdagangan Adil yang akan menangani tingkah laku peniaga yang tidak adil ini. Adalah menjadi harapan kementerian agar semua pihak merangkumi pengeluar, pembekal, peniaga dan pengguna itu sendiri turut melaksanakan peranan mereka dalam usaha membendung kadar inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, isu akhir ialah tentang syarikat-syarikat tidak aktif diarahkan tutup oleh pihak SSM. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendaftar syarikat mempunyai kuasa, budi bicara untuk memotong nama syarikat yang tidak aktif dari daftar syarikat menurut seksyen 308, Akta Syarikat 1965. Sekiranya pendaftar mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesebuah syarikat tidak menjalankan perniagaan dan tidak beroperasi. Kuasa budi bicara ini terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- (i) atas inisiatif Pendaftar Syarikat; dan
- (ii) atas permohonan pengarah ataupun pemegang saham syarikat itu sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, menurut statistik SSM bagi tahun 2007 setakat 30 November 2007, sejumlah 29,573 permohonan oleh syarikat sendiri untuk memotong nama syarikat dari pendaftaran telah pun diluluskan. Manakala pendaftar telah memulakan prosiding pemotongan nama terhadap 234 buah syarikat oleh SSM sendiri. Maka Tuan Yang di-Pertua saya percaya tiga perkara ataupun isu utama yang telah pun saya sebutkan telah pun saya jawab dan dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan cadangan yang membina kepada kementerian dan kami akan terus menjalankan tugas kami dengan lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**4.56 ptg.****Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara berhubung kait dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam perbahasan di Dewan yang mulia ini. Keprihatinan Yang Berhormat ke atas isu-isu yang menyentuh kementerian ini sangat-sangatlah kita alu-alukan dan menunjukkan betapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi kerjasama yang penuh untuk kita bersama-sama membangunkan kawasan dan masyarakat luar bandar.

Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee membangkitkan mengenai keperluan menyediakan infrastruktur di kampung-kampung di negeri Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini amat komited dalam menyediakan kemudahan infrastruktur dan utiliti di luar bandar dan ianya selaras dengan agenda utama pembangunan negara. Komitmen tinggi kerajaan ini akan diteruskan dan dipergiatkan lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Pelaksanaan projek-projek infrastruktur dan utiliti adalah untuk memberi keselesaan dan kemudahan yang sempurna kepada penduduk luar bandar. Kerajaan juga dari masa ke semasa akan berusaha ke arah pemberian dari segi kualiti dan spesifikasi projek-projek berkenaan.

Kesungguhan untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur dan utiliti di kawasan luar bandar dapat dibuktikan melalui penyaluran peruntukan yang tinggi bagi setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun di mana secara puratanya peningkatan peruntukan pembangunan melebihi 100% bagi pembiayaan projek-projek berkenaan di setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun terutamanya peruntukan bagi projek-projek infrastruktur dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah meningkat dengan ketara kepada RM6 bilion berbanding dengan hanya RM3.6 bilion dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan iaitu pertambahan sebanyak 66%.

Sesungguhnya kementerian sedar bahawa terdapat keperluan yang begitu besar bagi membangunkan projek-projek infrastruktur di kawasan luar bandar di negeri Kelantan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee. Justeru itu kementerian telah mengagihkan peruntukan yang besar iaitu sebanyak RM311 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi pembiayaan projek-projek infrastruktur dan utiliti di negeri Kelantan dan sehingga kini sejumlah RM99 juta atau 32% telah dibelanjakan bagi melaksanakan 1,203 projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar negeri Kelantan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang diluluskan itu, sejumlah RM44.3 juta akan diagihkan bagi tahun 2008. Peruntukan ini adalah untuk membiayai 542 projek utiliti dan infrastruktur bagi negeri Kelantan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan tentu sekali Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum

bahawa pembangunan kemudahan infrastruktur dan utiliti luar bandar memerlukan perbelanjaan yang cukup besar. Oleh yang demikian, pelaksanaannya perlu dibuat secara berperingkat-peringkat.

Kementerian ini akan berusaha bagi mendapatkan tambahan peruntukan supaya projek-projek infrastruktur dan utiliti dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan memberi manfaat yang besar kepada penduduk di kawasan luar bandar. Menyentuh permintaan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin mengenai pengeluaran pekerja-pekerja estet, orang Asli dan nelayan daripada garis kemiskinan, untuk makluman Yang Berhormat usaha membasmikan kemiskinan akan terus diperhebat dan dipergiat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerajaan telah meletakkan sasaran untuk membasmikan sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan negara kepada 2.8% menjelang tahun 2010.

#### ■1700

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ingin menegaskan bahawa usaha-usaha membasmikan kemiskinan ini meliputi semua kaum dan merentasi sempadan kawasan, daerah dan negeri tanpa mana-mana kaum atau kumpulan disisih atau dipinggirkan. Dalam skop kementerian ini, usaha pembasmian kemiskinan adalah ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan tegar di kawasan luar bandar terutama di kawasan mundur, terpencil dan terbiar yang melibatkan masyarakat Orang Asli seperti kaum minoriti di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi masyarakat Orang Asli, kementerian memberikan bantuan di bawah program pembangunan ekonomi seperti projek pembangunan tanah dengan tanaman komersial seperti getah dan kelapa sawit, bantuan peralatan pertanian dan perikanan, ternakan serta bimbingan usahawan. Di samping itu, kursus-kursus kemahiran turut dilaksanakan melalui program pembangunan modal insan bagi membuka ruang pekerjaan di kalangan belia dan beliawanis Orang-orang Asli. Manakala melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau SPKR, kementerian melalui Program Peningkatan Penempatan telah menyalurkan bantuan bot, enjin bot, peralatan menangkap ikan, peralatan memproses dan peralatan jualan ikan kepada nelayan yang dikategorikan sebagai golongan miskin tegar.

Sebagai contoh, dalam tahun 2007 sahaja seramai 291 orang nelayan di seluruh negara telah diberi bantuan tersebut. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, usaha membantu nelayan miskin tegar akan tetap diteruskan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi kumpulan sasar pekerja estet ia adalah di luar bidang kuasa kementerian ini. Walau bagaimanapun, kementerian ada membantu bekas pekerja-pekerja estet yang tinggal di kawasan luar bandar di mana mereka juga dilibatkan bersama dalam program-program memindah dan mengubah minda dan sikap serta bantuan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti ekonomi. Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, usaha

membasmi kemiskinan adalah merupakan tanggungjawab bersama yang mana turut melibatkan agensi dan kementerian-kementerian lain.

Sehubungan dengan itu, kerjasama erat serta penyelarasan usaha-usaha antara kementerian-kementerian dan agensi-agensi adalah penting ke arah memastikan sasaran membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan kepada 2.8% dapat direalisasikan menjelang tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Osman bin Bungsu menyentuh mengenai dasar pemilikan tanah kepada Orang Asli. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan-kerajaan negeri telah pun melaksanakan Dasar Pemberi Milikan Tanah kepada Orang Asli tetapi ianya tidak seragam dan keluasan yang diluluskan berbeza mengikut kemampuan negeri. Ada setengah negeri yang memberikan tanah milik kurang daripada lima ekar, tidak berekonomi untuk dibangunkan dan sukar untuk mengeluarkan Orang Asli daripada garis kemiskinan.

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli. Dasar ini bertujuan untuk menyelaraskan dengan dasar-dasar sedia ada kerajaan-kerajaan negeri. Objektif Dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah ini adalah untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi dan kualiti hidup Orang Asli melalui pembangunan tanah secara terancang dan bersepadu bagi memastikan mereka turut serta dalam arus pembangunan negara. Ianya juga dirancang dan digubal untuk turut serta dalam arus pembangunan negara.

Ia juga dirancang dan digubal untuk mewujudkan pembudayaan dan nilai-nilai positif dalam kehidupan harian tanpa mengamalkan budaya kehidupan berpindah randah dan seterusnya mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain serta memastikan kumpulan Orang Asli mampu bersaing dengan komuniti lain di negara ini bagi menghadapi cabaran semasa dan juga mempercepatkan usaha membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. Buat masa ini, kementerian sedang dalam penyemakan akhir kertas cadangan Dasar Pemberi Milikan dan Pembangunan Tanah kepada Orang Asli ini untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Itulah sahaja jawapan...

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat, boleh minta penjelasan?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Sila.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Sedikit saja. Yang Berhormat, terima kasih. Tadi saya dengar bahawa untuk pelan pekerja estet, jawapan daripada Yang Berhormat bahawa itu luar kawalan kerajaan. Saya memang faham. Saya akui bahawa pihak swasta tetapi soal pokoknya adalah kebanyakan korporat-korporat atau syarikat perladangan dimiliki oleh kerajaan, dimiliki oleh Khazanah, dimiliki yang dipanggil GLC atau *government link companies*. Saya faham golongan ini apabila kemungkinan harga kelapa sawit atau harga getah turun, sama-sama pikul tapi masa

kini, harga kelapa sawit dan harga getah begitu boleh tahan. Kalau kerajaan tahan sikit, tahan sikit saja, Sime Darby kononnya syarikat perladangan yang terbesar di dunia, tak hairanlah kalau sedikit sebanyak keuntungan itu disalurkan kepada pekerja estet dan pekerja asing dan matlamat untuk mencapai objektif dan tujuan kerajaan untuk membasmi kemiskinan akan tercapai. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin. Saya amat bersetuju dan menghormati pandangan Yang Berhormat tentang pekerja-pekerja estet yang seharusnya dan semestinya diberi pembelaan secara terancang dan kepada sektor swasta, korporat, sebahagiannya di bawah GLC dan kerajaan dan sebahagian lagi adalah milik swasta. Mereka perlu terus memberi dan menyalurkan apa-apa saja bantuan dan juga pertolongan yang termampu oleh mereka dalam mengaut keuntungan tinggi itu supaya masyarakat yang mendiami estet-estet akan dapat merasa bahawa mereka tidak terpinggir dan tidak tertinggal daripada arus pembangunan dan sentiasa mendapat pembelaan terutama sekali daripada majikan mereka. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

**Tuan M. Munusamy:** Minta laluan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, ada dua Yang Berhormat yang bangun, Yang Berhormat. Tuan M. Munusamy , selepas itu Tuan Osman bin Bungsu.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas jawapan yang telah diberi iaitu masyarakat perladangan perlu diberi bantuan khususnya untuk membasmi kemiskinan. Satu lagi perkara berkaitan dengan isu masyarakat perladangan adalah apabila kawasan perladangan itu dibangunkan dan masyarakat ataupun penduduk, pekerja ini sentiasa menghadapi masalah apabila mereka tidak ada kerja ataupun rumah dan sebagainya. Adakah kementerian mempunyai rancangan-rancangan tertentu bagi membantu mereka-mereka yang terlibat dalam projek-projek pembangunan dan golongan yang terlibat dalam pembangunan ini supaya mereka juga boleh menikmati faedah dan juga boleh mengikut ataupun meningkat status mereka dalam arus pembangunan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator M. Munusamy di atas soalan yang baik tentang estet-estet yang didiami oleh kaum India terutamanya. Saya sangat memahami masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat kerana di kawasan Parlimen saya sendiri mempunyai lapan estet India yang masih didiami oleh begitu ramai sekali masyarakat yang ada di situ.

#### ■1710

Di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, secara khusus estet-estet dan ladang-ladang ini tidak termasuk di bawah skop kementerian saya. Walau bagaimanapun apabila mereka berada di kawasan luar bandar, estet-estet ini tentu sekali berada di kawasan luar bandar kebanyakannya, walaupun ada yang berada di pinggir bandar. Secara khususnya

tidak ada, tetapi secara tidak langsungnya apa-apa program yang kita buat di bawah kementerian, seperti program latihan, kemahiran, budaya dan sebagainya, melibatkan keseluruhan masyarakat luar bandar dan tentu sekali secara langsung dan tidak langsung ia juga dapat memberi manfaat. Sekiranya perkara ini dapat dihebahkan dengan lebih terperinci dan meluas di kawasan-kawasan yang didiami oleh pekerja-pekerja daripada estet-estet, yang masih lagi merasa bahawa belaan kepada mereka berada di tahap yang mungkin tidak maksima dan seperti yang saya sebut tadi, pembelaan ini perlu dibuat secara berterusan untuk memastikan bahawa tidak ada golongan dan kaum di negara kita ini dipinggir. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membeli laluan kepada saya untuk mencelah. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian, terutamanya menteri dalam usaha keprihatinannya untuk memberi atau menyelesaikan jalan bagi Orang Asli memiliki tanah. Ini menunjukkan usaha kerajaan amat prihatin kepada kebijakan masyarakat Orang Asli ini. Ini selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Perkara 8, hak sama rata dan Perkara 160, kebijakan Orang Asli. Di situ saya ucapkan tahniah tetapi jangan tunggu lama-lama kerana kita tahu cakap - keluar, media pun dah keluar, Yang Berhormat Menteri dah pun cakap akan diagihkan pemilikan tanah ini, saya harap tahun 2008 menjadi realiti.

Soalan kedua, kita tahu bahawa RISDA dan FELCRA telah diberi peranan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli bagi mengeluarkan mereka daripada kemiskinan tegar. Di situ peranan ini untuk diberikan peruntukan besar kepada RISDA dan FELCRA bagi melaksanakan tanggungjawab. Persoalannya, mengapakah cara untuk membagikan secara bulanan tidak dipraktikkan berbanding dengan dibagi secara tahunan, yang mana kita tahu gaya hidup sihat tidak dapat dilaksanakan oleh masyarakat ini, masing-masing menunggu akhir tahun tetapi hidupnya bulan-bulan, hari-hari nak makan. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Osman Bungsu. Tentang soalan pertama Yang Berhormat berkenaan dengan dasar pemberi milikan tanah kepada masyarakat Orang Asli. Dukacita saya nyatakan di sini, perkara ini mengambil sedikit masa kerana kita perlu mendapat persetujuan daripada semua kerajaan negeri, dan saya ingin maklumkan setakat ini kita telah berjaya melalui proses di mana semua kerajaan negeri telah bersetuju dan kita sedang menyiapkan kertas terakhir untuk kelulusan Jemaah Menteri. Saya menjangkakan proses ini tidak lagi mengambil masa yang begitu lama, tidak tahulah mungkin dalam keadaan bulan sahaja ia boleh dilaksanakan. Tidak tahulah sama ada satu atau dua bulan, jadi saya yakin perkara ini akan dibawa secepat mungkin kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan, kerana masyarakat ini terlalu memerlukan tapak tanah ladang dan tapak rumah yang perlu diberi kelulusan sepertimana yang telah diuar-uarkan sebelum ini.

Tentang soalan kedua, peranan RISDA dan FELCRA dalam mengatasi kemiskinan tegar masyarakat Orang Asli, kita beri dividen kadang-kadang di hujung tahun dan kadang-kadang di tengah tahun kerana Yang Berhormat itu baik, supaya ianya diberi dengan kadar yang lebih banyak setiap - dalam masa setahun dan bukannya sekali setahun, dan saya rasa ini tentulah dapat memberi *cash flow* atau mudah tunai yang baik kepada masyarakat, tetapi mungkin tidak dapat dilaksanakan setiap bulan oleh kerana urusan pentadbiran dan hasil yang perlu dikumpulkan sebelum dapat diagih-agihkan. Tetapi pandangan Yang Berhormat itu adalah cadangan yang baik dan saya akan bawa kepada pengurusan RISDA dan FELCRA untuk pertimbangan selanjutnya, supaya dapat mereka merasai kesusahan yang ingin dikemukakan pada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, segala pandangan, saranan, teguran, harapan Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa menjadi panduan, pedoman, dorongan dan semangat kepada Kementerian ini untuk memberikan yang terbaik dalam memajukan masyarakat luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi.

5.17 ptg.

**Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi merakamkan ucapan terima kasih kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2008, yang menyentuh isu-isu berkaitan kementerian saya.

Secara keseluruhannya sebanyak enam isu telah dibangkitkan sepanjang perbahasan iaitu:

- (i) isu Kolej Komuniti;
- (ii) isu kebolehan pasaran lulusan atau graduan;
- (iii) isu pelajar Malaysia di luar negara;
- (iv) isu pelan strategik pengajian tinggi negara;
- (v) isu penubuhan Universiti Perubatan; dan
- (vi) isu pinjaman PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Fuad bin Zarkashi berkenaan dengan Kementerian Pengajian Tinggi perlu memperbanyakkan Kolej-kolej Komuniti. Kolej Komuniti sering disalah erti dan masyarakat hanya melihat kemudahan fizikal semata-mata.

Sepatutnya masyarakat perlu diberi kefahaman yang mana Kolej Komuniti adalah institusi untuk memperoleh sesuatu ilmu kemahiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej

Komuniti telah mula beroperasi di Malaysia pada Januari 2000, iaitu melalui projek rintis, iaitu sebanyak 12 buah Kolej Komuniti. Sehingga tahun 2007 sebanyak 37 buah Kolej Komuniti telah beroperasi di 14 buah negeri di seluruh Malaysia dengan *enrolment* pelajar kursus sepenuh masa sebanyak 14,011 orang. Manakala 80,000 peserta telah mengikuti lebih 2,800 kursus pendek melibatkan 16 kluster pembelajaran kursus pendek di sepanjang tahun 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada awal penubuhan Kolej Komuniti konsep asalnya ialah Kolej Komuniti dibina di setiap kawasan Parlimen. Disebabkan masalah dan kekangan kewangan pada tahun 2004 konsep ini telah dikaji semula oleh kerajaan, iaitu setelah Kementerian Pendidikan dibahagikan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Pada tahun 2004 Kolej Komuniti dan Politeknik telah diletakkan di bawah kuasa Kementerian Pengajian Tinggi, selaras dengan itu konsep penubuhan Kolej Komuniti telah ditetapkan mengikut keperluan setempat di daerah berkenaan dengan mengambil kira tiada institusi kemahiran lain seperti IKBN, ILP, IKM, Politeknik, ADTEC berada atau beroperasi di daerah tersebut. Dalam menjayakan visi dan misi kerajaan untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran, Kolej Komuniti telah dipertanggungjawabkan sebagai hab dalam pembelajaran sepanjang hayat negara.

Pembelajaran sepanjang hayat merangkumi segala jenis pembelajaran yang boleh meningkatkan ilmu, meningkatkan kemahiran dan kecekapan seseorang. Asas perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti adalah ke arah membangunkan pembangunan modal insan. Selaras dengan itu Jemaah Menteri telah meluluskan Kolej Komuniti sebagai hab pembelajaran sepanjang hayat pada 20 April 2006. Seterusnya pelan perlaksanaan kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti telah dirangka dengan berlandaskan konsep-konsep berikut:

- (i) Kolej Komuniti akan menawarkan pelbagai program pengajian yang relevan dengan keperluan komuniti setempat;
- (ii) Kolej Komuniti akan membantu golongan termiskin, golongan tercincir, golongan istimewa, minoriti dan warga emas untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang komunikasi dan penggunaan komputer;
- (iii) Kolej Komuniti akan membangunkan pangkalan data bagi mengumpul maklumat berkaitan komuniti setempat;
- (iv) Kolej Komuniti akan melakukan kajian keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat di samping melaksanakan tindakan penambahbaikan; dan
- (v) Kolej Komuniti setempat akan dilibatkan dengan pembangunan Kolej Komuniti di kawasan masing-masing melalui pewujudan Jawatankuasa Penasihat Kolej Komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara objektif pembelajaran sepanjang hayat ialah bertitik tolak dari pelan perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat. Beberapa objektif perlaksanaan telah dirancang merangkumi:

- (i) kursus modular berdasarkan kursus formal sepenuh masa yang dijalankan di kolej berkenaan. Kaedah perlaksanaan pula melalui pelajar mengikuti modul-modul sesuatu kursus secara sambilan dengan memenuhi kriteria penilaian dan syarat-syarat untuk mendapatkan sijil Kolej Komuniti berkonsepkan *flexibility*, dengan izin, dari segi masa dan tempat;
- (ii) kursus pendek bermotifkan *upgrading* dengan izin, *skilling* dengan izin, dan *multi-skilling*. Ini adalah berdasarkan objektif setiap peserta yang datang berkursus.

#### ■1720

- (iii) kursus pendek bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi setempat. Pemberian kursus diharapkan dapat memberi perubahan kepada tahap sosioekonomi seseorang peserta yang terlibat; dan
- (iv) kursus pendek bertujuan untuk meningkat ilmu tambah ataupun dengan izin, *value added* dan memenuhi masa lapang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memberi kefahaman tentang konsep Kolej Komuniti kepada masyarakat, kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti atau program di Kolej-kolej Komuniti di seluruh negara, iaitu melalui penyebaran maklumat melalui promosi media cetak. Contohnya memberi ruangan khas setiap hari Isnin di awal bulan melalui akhbar *Utusan Malaysia* dengan kos sebanyak RM200,000 setahun bagi 12 keluaran. Dalam usaha menyedarkan masyarakat, semua kolej komuniti dari semasa ke semasa sentiasa mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua masyarakat, jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung, pihak swasta, agensi kerajaan dan lain-lain individu. Semua perancangan aktiviti program ini melibatkan pemimpin masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga membahaskan isu graduan perlu dibekalkan dengan kemahiran teknikal bagi membolehkan mereka dapat diterima masuk ke pasaran kerja. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Kolej Komuniti juga telah menawarkan program-program meliputi peningkatan kemahiran, latihan semula, keusahawanan, pembangunan diri dan pembangunan masyarakat agar semua lulusan ataupun graduan dapat memasuki alam pekerjaan di mana peranan Kolej Komuniti adalah untuk *re-skilling*, *up-skilling* dan *multi-skilling* dengan izin, kepada graduan-graduan yang bukan dalam bidang teknikal untuk memasuki pasaran kerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu, menanyakan apakah mekanisme yang digunakan untuk memantapkan pelajar di luar Negara? Apakah

tindakan ke atas pelajar yang memburukkan nama negara di luar negara? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya para pelajar-pelajar di IPT tempatan dan pelajar yang menuntut di luar negara bersungguh-sungguh bagi menimba ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kepakaran masing-masing. Pelajar Malaysia di luar negara sering mendapat pujian oleh para pensyarah dan pegawai-pegawai universiti di atas kecemerlangan prestasi akademik mereka serta keterampilan sahsiah dan budi bahasa yang terpuji. Sehingga kini tidak ada pelajar-pelajar yang secara jelas menentang kerajaan atau memburukkan nama negara sama ada dalam atau luar negara. Kerajaan mengambil tiga pendekatan untuk memastikan pelajar-pelajar di luar negara ini sentiasa berada di landasan yang betul iaitu sebelum di luar negara. Sebelum pelajar berangkat ke luar negara, agensi-agensi di bawah kerajaan seperti BTN dikehendaki mengadakan program pemantapan bina insan dan jati diri untuk pelajar-pelajar tajaan.

Kedua semasa di luar negara, kerajaan melalui Jabatan Penuntut Malaysia ataupun MSD dan dengan kerjasama pegawai-pegawai Kedutaan Besar Malaysia di seberang laut, sentiasa memantau aktiviti pelajar dan mengadakan pelbagai taklimat, pelbagai kursus dan perjumpaan pelajar dengan pemimpin-pemimpin negara dari semasa ke semasa bagi menjelaskan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa yang berbangkit. Pemantauan dibuat agar semua pelajar tidak terlibat dalam kegiatan yang dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif sama ada berkaitan dengan politik, kebudayaan, agama dan lain-lain.

Pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara juga sentiasa diarahkan melawat pelajar-pelajar untuk mengetahui perkembangan mereka dari segi pelajaran, kehidupan mereka, kebijakan dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir kesemua pemimpin-pemimpin negara yang mengadakan lawatan ke luar negara akan meluangkan masa bertemu dengan pelajar-pelajar kita. Semasa perjumpaan tersebut, pemimpin-pemimpin negara akan menerangkan dan menjawab segala isu serta persoalan yang dibangkitkan oleh pelajar-pelajar. Dengan itu, kementerian berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah ke luar negara bertemu dengan pelajar-pelajar di luar negara.

Kementerian juga memberi ruang dan peluang serta menggalakkan semua Naib Canselor-Naib Canselor ataupun Timbalan Naib Canselor yang diarahkan ke luar negara untuk mengadakan perjumpaan dengan pelajar-pelajar tajaan mereka dari universiti mereka. Makluman-makluman terkini terutama tentang polisi dan perkembangan semasa sentiasa ditekankan.

Ketiga selepas ke luar negara, pelajar-pelajar apabila pulang ke Malaysia, akan diserapkan ke agensi-agensi kerajaan dikehendaki menjalankan kursus-kursus induksi untuk memperkasakan hala tuju, visi, misi dan aspirasi kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil pelajar-pelajar yang kurang memahami dasar dan aspirasi kerajaan dalam membangunkan negara. Tindakan yang paling berat dikenakan ke atas pelajar yang melakukan

perbuatan yang memalukan negara adalah dengan menarik balik tajaan pengajian mereka, dan mereka dikehendaki pulang menghadapi tuduhan atau perbicaraan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu juga mengupas isu Pelan Strategik Negara yang telah dilancarkan, mestilah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya untuk masa depan negara. Oleh itu, sistem penyampaian dan pelaksanaan yang sedia ada perlu diperbaiki. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selepas pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah lancarkan pada 27 Ogos 2007 yang lalu, kementerian giat melaksanakan pelbagai usaha yang meliputi penambah baikkan pelbagai aspek termasuk sistem penyampaian bagi memastikan keunggulan pengajian tinggi negara terus terjamin kedudukannya. Antara langkah-langkah yang telah, sedang dan akan dijalankan ialah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan Menerusi Petunjuk Prestasi Utama ataupun KPI;
- (ii) menubuhkan Pejabat Pengurusan Program ataupun *Program Management Office*;
- (iii) menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengajian Tinggi yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang bertujuan untuk menyelaras program dan kursus untuk mengelakkan pertindihan, perbincangan isu strategik pengajian tinggi dan peningkatan kualiti pengajian tinggi negara. Kementerian Pengajian Tinggi adalah urus setia bagi jawatankuasa ini;
- (iv) menubuhkan Jawatankuasa Audit Kementerian Pengajian Tinggi bagi memantau dan menilai keberkesanan sistem penyampaian IPTA dan IPTS secara menyeluruh menerusi KPI. Ahli-ahli jawatankuasa terdiri daripada pihak kerajaan, pihak swasta dan tokoh-tokoh akademik terkemuka;
- (v) membenarkan strategik pembentukan penyelidikan secara kompetitif;
- (vi) menyediakan geran untuk melindungi harta intelek;
- (vii) memantapkan Jawatankuasa Penyemakan dan Penggubalan Dasar yang mengkaji semula peranan KPT dalam urus tadbir IPT, dengan tujuan menurunkan kuasa tertentu kementerian kepada universiti mengikut keperluan;
- (viii) meningkatkan program kerjasama di kalangan IPT dan politeknik dan kolej komuniti dengan pihak industri dan komuniti dalam bidang latihan, penyelidikan dan perundingan secara bersepada untuk menambah baik Sistem Pengajian Tinggi.

- (ix) menggalakkan IPT, menjana pendapatan sendiri melalui Program Pengembangan Pendidikan, Penyelidikan, Pengkomersialan dan Rundingan Berkontrak;
- (x) menambah baik Skim Pembiayaan, Pinjaman Akses dan Ekuiti Pengajian Tinggi secara berterusan;
- (xi) meminda dan menggubal akta dan peraturan pengajian tinggi supaya relevan dengan perkembangan pengajian tinggi semasa;
- (xii) menetapkan proses autonomi dimulakan di pusat kecemerlangan IPTA mengikut KPI yang ditetapkan; dan
- (xiii) memantapkan jentera Penguatkuasaan Sektor Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan Malaysian Qualification Agency (MQA) untuk membolehkan penyeliaan kualiti dapat dijalankan secara lebih kerap dan menyeluruh serta mematuhi undang-undang.

Yang Berhormat Senator Mumtaz Md. Nawi cadangkan supaya menubuhkan Universiti Perubatan bagi menampung kekurangan doktor secara cepat dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, setelah menubuhkan tiga buah universiti baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu Universiti Darul Iman Malaysia (UDM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), maka kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak menubuhkan lagi mana-mana universiti baru di Rancangan Malaysia Kesembilan termasuk Universiti Perubatan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini sudah terdapat 18 buah fakulti perubatan dalam negara kita. Iaitu sembilan buah fakulti perubatan di IPTA dan sembilan buah fakulti perubatan di IPTS. Untuk mengeluarkan bilangan doktor yang mencukupi yang diperlukan oleh negara. Saya jelaskan sembilan buah IPTA yang ada fakulti perubatan iaitu di Universiti Malaya, di USM, UKM, UPM, UIAM, UNIMAS, UMS, UiTM dan Universiti Sains Islam Malaysia. Fakulti perubatan di IPTS ialah *Asian Instituted of Medical Sciences and Technology University, International Medical University, Cyberjaya University College of Medical Science, University College Sedaya International, Royal College of Medicine Perak, Elliens College of Medical Science, Kolej Perubatan Pulau Pinang, Malacca Manipal Medical College* dan *Monarch University Sunway, Kampus Malaysia*.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan dan menambah bilangan doktor. Oleh itu kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM49.3 juta pada tahun 2007 ini, kepada tiga fakulti iaitu: RM16 juta kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya; RM12.3 juta kepada Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia; dan RM21 juta kepada Hospital Universiti Sains Malaysia. Peruntukan ini adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan peningkatan kemudahan pengajaran dan pembelajaran di fakulti perubatan bagi tujuan menampung pertambahan pelajar-pelajar dari tahun ke tahun.

**■1730**

Pada tahun 2008, peruntukan kepada ketiga-tiga fakulti ini telah meningkat kepada RM55.9 juta iaitu RM22.3 juta kepada PPUM, RM14.8 juta kepada HUKM dan RM18.8 juta HUSM.

Kementerian dengan kerjasama EPU telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyemak keperluan fakulti-fakulti perubatan. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah terdiri daripada wakil KPT, EPU dan dekan-dekan fakulti perubatan di IPTA. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah enrolmen pelajar dalam bidang perubatan di IPTA pada tahun 2006 adalah sejumlah 5,386 orang dengan *output* seramai 862 orang. Sementara jumlah enrolmen pelajar dalam bidang perubatan di IPTS pada tahun 2006 berjumlah 3,897 orang dengan *output* seramai 540 orang.

Selain daripada itu, kerajaan juga melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan MARA serta agensi-agensi lain menghantar pelajar Malaysia untuk mengikuti kursus perubatan di luar negara. Selain itu, termasuk juga pelajar-pelajar persendirian seperti di Amerika Syarikat, di Jordan, New Zealand, United Kingdom, Australia, Kanada, Rusia, Belanda, Pakistan, Jepun, Indonesia, India dan Mesir. Jumlah perubatan pelajar Malaysia di luar negara untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian pada 31 Disember 2006 ialah seramai 10,290 orang, tajaan 4,636 orang dan persendirian 5,654 orang. Ini bermakna pada tahun 2006, jumlah pelajar perubatan Malaysia sama ada dalam dan luar negara adalah seramai 19,573 orang. *Output* bagi kedua-dua IPTA dan IPTS dalam dan luar negara pada tahun 2006 ialah 3,172 orang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini bermakna kapasiti negara untuk mengeluarkan jumlah doktor adalah mencukupi, malah limpahan doktor perubatan dijangka berlaku pada tahun 2013. Jika kita mengekalkan kadar nisbah 1:600, Malaysia dijangka mempunyai lebihan seramai 36 doktor perubatan pada tahun 2013 dan meningkat pada 3,703 lebihan pada tahun 2014.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa, mereka boleh melimpah ke bidang politik.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih, seperti saya. Akhir sekali untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz Md Nawi menyatakan adakah PTPTN memberikan pinjaman tanpa faedah kepada yang layak ataupun miskin?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan polisi semasa PTPTN tidak membezakan caj pentadbiran yang dikenakan sama ada kepada pelajar miskin ataupun tidak. Semua pelajar dikenakan caj 3% bagi pinjaman peringkat diploma dan ijazah sarjana muda serta 5% untuk pinjaman peringkat sarjana Ph.D dan profesional yang baru diperkenalkan. Walau bagaimanapun PTPTN menetapkan jumlah pinjaman yang berbeza mengikut pendapatan

bulanan keluarga pelajar. Sebagai contoh bagi keluarga yang berpendapatan sebulan RM5,100 ke atas, pelajar hanya diberikan pinjaman untuk yuran pengajian sahaja. Bagi keluarga yang berpendapatan bulanan RM3, 001 hingga RM5,000, pelajar diberikan pinjaman atas jumlah sebahagian iaitu mereka diberikan yuran pengajian dan sebahagian elaun sara hidup. Sementara bagi keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000, pelajar diberikan pinjaman penuh iaitu yuran pengajian dan elaun sara diri...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan PTPTN, saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah memberi pinjaman PTPTN kepada semua yang memerlukan tanpa mengira kaum. Ramai daripada golongan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam jurusan mereka untuk mengambil diploma, sarjana dan juga sehingga Ph.D boleh mendapat pinjaman PTPTN seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi ada juga satu golongan pelajar yang selalu, yang sentiasa menghadapi masalah berkenaan dengan pinjaman iaitu mereka yang mengambil kursus matrikulasi dan juga kursus persijilan. Apa yang saya tahu PTPTN hanya diluluskan bagi kursus diploma dan ke atas.

Ada juga ramai yang ingin mengambil matrikulasi, bukan semua yang dapat tempat di kolej-kolej matrikulasi kerajaan. Oleh itu, mereka perlu mengikut matrikulasi di institusi swasta. Apabila mereka memohon untuk pinjaman PTPTN,, mereka tidak dapat walaupun amaun itu tidaklah banyak. Bagi satu setengah tahun atau dua tahun, mereka mungkin memerlukan RM20,000 tetapi ada juga keluarga-keluarga yang miskin yang tidak mampu mendapatkan amaun ini untuk mendidik anak-anak mereka.

Oleh itu, adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan pemberian pinjaman bagi kursus-kursus matrikulasi dan juga persijilan? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Yang Berhormat. Biar saya jelaskan bahawa setakat ini kelulusan pinjaman pendidikan sehingga 31 Oktober 2007, keseluruhan bilangan pinjaman oleh rakyat Malaysia yang ke pengajian tinggi ialah seramai 1, 060,431 yang melibatkan keseluruhan pinjaman RM20 bilion. Baru-baru ini kerajaan telah pun memutuskan supaya pelajar-pelajar yang mengikuti program sarjana iaitu *master* ataupun Ph.D ataupun program-program profesional diberikan juga pinjaman PTPTN.

Walau bagaimanapun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bahawa golongan-golongan pelajar yang mengambil bidang persijilan dan juga matrikulasi seperti A-Level di beberapa kolej swasta, mereka sama ada ditaja ataupun mereka diberikan pinjaman oleh universiti atau kolej itu sendiri. Sebenarnya di peringkat persijilan, kita dapatkan bukan sahaja mereka boleh mohon melalui PTPTN, mereka juga sebenarnya ditaja seperti Sijil Kolej Komuniti di Kementerian Pengajian Tinggi, mereka ditaja oleh tabung atau pinjaman pengajian tinggi.

Bagi Kementerian Belia dan Sukan, mereka mempunyai tabung pinjaman untuk mereka belajar di IKBN dan juga untuk di ILP atau Institut Latihan Industri, mereka ditaja oleh Kementerian Sumber Manusia. Maka dengan itu, perkara-perkara yang berbangkit dengan persijilan, untuk makluman Yang Berhormat, tidaklah perkara yang mendesak. Walau bagaimanapun apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan diberikan perhatian supaya semua akses ke pengajian tinggi, pelajar yang layak selepas menduduki SPM ataupun STPM ataupun setara dengannya akan dipertimbangkan pada masa-masa akan datang. Terima kasih.

Saya telah pun menghabiskan semua jawapan atas isu. Sekali lagi bagi pihak kementerian mengucapkan banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan atas keprihatinan Yang Berhormat untuk membantu Kementerian Pengajian Tinggi supaya mencapai wawasan mendapatkan yang cemerlang di peringkat dunia dan peringkat tempatan. Dengan segala pandangan Yang Berhormat akan tetap diberi perhatian dan diberi tindakan sewajarnya. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sekali gus saya nak menyatakan penghargaan kepada Timbalan Menteri kerana sabar menunggu, saya perhatikan dari pagi tadi.

*[Tepuk]*

### 5.38 ptg.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 di Dewan yang mulia ini dan menyentuh perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya akan menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Puad, Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah, Yang Berhormat Puan Mumtaz dan Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

Tuan Yang di-Pertua, isu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak wanita Yang Berhormat, semuanya perempuan Yang Berhormat nak jawab.

**Datuk Tan Chai Ho:** Ya memang, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Isu mengenai pekerja asing di negara kita telah mendapat perhatian oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dr. Haji Puad telah membangkitkan agar ejen-ejen pekerja asing dihapuskan dan diambil alih oleh Jabatan Tenaga Kerja.

■1740

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mengiktiraf ejen-ejen pekerja asing dan tidak membenarkan sama sekali kemasukan pekerja asing diuruskan oleh mereka bagi

pihak syarikat. Mana-mana majikan yang memerlukan pekerja asing dikehendaki datang sendiri atau menghantar kakitangan syarikat yang sah sebagai wakil syarikat ke pusat kelulusan setempat di kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk proses temu duga sebelum kelulusan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kes di mana agen-agen ini memohon pekerja asing menggunakan nama syarikat dan mempunyai kad perwakilan kuasa syarikat yang sah. Kementerian sedang berusaha mengesan agen-agen ini dan seterusnya menyenaraihitamkan identiti mereka agar tidak lagi apa-apa urusan dengan Jabatan Imigresen bagi membawa masuk pekerja asing. Sekiranya majikan tidak mahu memikul tanggungjawab dari segi kemudahan penginapan, pengangkutan, bayaran gaji dan kebajikan pekerja asing; mereka dibenarkan memohon pekerja asing secara *outsourcing* daripada mana-mana syarikat *outsourcing* yang berdaftar. Setakat ini terdapat sebanyak 239 buah syarikat *outsourcing* pekerja asing yang berdaftar di Malaysia dan bertindak selaku majikan...

**Tuan Khoo Soo Seang:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya ialah berkenaan dengan *outsourcing*. *Decision outsourcing* ini, siapakah majikan sebenar bagi pekerja-pekerja asing dari segi undang-undang. Adakah syarikat *outsourcing* ataupun pengusaha kilang yang di mana mereka bekerja.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya syarikat *outsourcing* pekerja asing bertindak selaku majikan kepada pekerja-pekerja yang di bawa masuk; bukan kilang atau majikan-majikan yang ambil pekerja asing daripada syarikat *outsourcing*. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, kita ada satu lagi kementerian, Kementerian Sumber Manusia yang mempunyai Jabatan Buruh yang mempunyai perangkaan jumlah pekerja-pekerja yang diperlukan di dalam negara. Jadi tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa isu pengambilan pekerja asing ini perlu diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya kita dapat *control* angka-angka yang diperlukan dalam negara kita ini.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Sumber Manusia adalah bertanggungjawab atas keperluan pekerja asing di semua sektor. Di mana mereka akan mengkaji sama ada sektor pertanian, sektor perkhidmatan atau lain-lain sektor memerlukan pekerja asing. Kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita bertanggungjawab ke atas kemasukan pekerja asing dan selepas itu kita kena memantau menjaga memastikan pekerja asing di negara ini adalah mematuhi peraturan dan undang-undang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat sebanyak 239 syarikat *outsourcing* pekerja asing yang berdaftar di Malaysia dan bertindak selaku majikan kepada pekerja yang diluluskan kepada mereka sebagai *outsourcer workers*. Syarikat-syarikat *outsourcing* ini perlu memikul segala tanggungjawab yang dikenakan terhadap majikan yang mengaji pekerja asing seperti

pemeriksaan kesihatan (FOMEMA), bayaran levi, bayaran gaji, kemudahan pengangkutan, penginapan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad dan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah berpendapat agar pekerja asing hanya dibenarkan bekerja dalam bidang-bidang tertentu iaitu pembinaan dan pembantu rumah. Setakat ini kemasukan pekerja asing dibenarkan untuk lima sektor; iaitu pembinaan, perkilangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hendak beri laluan serta-merta atau hendak habiskan apa yang Yang Berhormat baru separuh kupaskan kemudian beri laluan.

**Dato' Ismail bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, benar atau tidak kementerian ada membuat kelulusan khas terhadap kemasukan pekerja-pekerja asing.

**Datuk Tan Chai Ho:** Saya pernah menjawab soalan ini dan saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bawah menteri kementerian ini adalah berkuasa untuk memberi kelulusan khas kepada syarikat *outsourcing* untuk membawa pekerja asing masuk ke negara ini.

Setakat ini kemasukan pekerja asing dibenarkan untuk lima sektor iaitu:

- (i) pembinaan;
- (ii) perkilangan;
- (iii) perlادangan;
- (iv) perkhidmatan; dan
- (v) pertanian.

Ianya melibatkan kerja-kerja 3D iaitu kotor, berbahaya dan sukar. *Dirty, dangerous and difficult* dan gagah diisi oleh pekerja tempatan. Pekerja asing sama sekali tidak dibenarkan bekerja sebagai *front liners* seperti juruwang, jurujual, pelayan dan sebagainya. Untuk jangka masa panjang, satu kajian terperinci mengenai keperluan besar guna tenaga di Malaysia telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Mohon laluan.

**Datuk Tan Chai Ho:** Bagi saya habiskan ayat ini. Dengan bantuan agensi-agensi yang terlibat. Ini bagi membolehkan kerajaan mencari alternatif berbaik memulangkan kebergantungan kepada pekerja asing tanpa menjelaskan pembangunan industri di Malaysia. Sila.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat pihak kementerian. Saya ingin bertanya tahukah pihak kementerian iaitu ramai pelayan dan jurujual dari segi perkhidmatan untuk makanan; restoran, *fast food, food court*, sama ada di Kuala Lumpur yang saya lihat, kebanyakan di Kuala Lumpur saya lihat. Kebanyakan di Kuala Lumpur. Sekarang ini KLCC, MidValley, One Utama semua saya sudah jelajah. *Lately* dengan izin *familiar*, jadi ini perkhidmatan yang melibatkan kebersihan, makanan dan sebagainya.

Saya rasa adakah pihak kementerian dan pihak kementerian yang lain bekerjasama tidak untuk melihat sama ada aspek kebersihan yang mereka jagakan atau adakah mereka sebenarnya mengisi ruang yang tidak diisi oleh orang tempatan. Betulkah kita menghadapi krisis dari segi pengambilan anak tempatan untuk ruang niaga seperti ini, terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi pekerja asing tidak dalam sektor perkhidmatan, tidak dibenarkan bekerja sebagai *front lines*, seperti *cashier* pelayan, juru jual dan lain-lain. Oleh kerana kerja-kerja ini adalah untuk orang tempatan. Jadi kita menggalakkan pihak majikan untuk mengambil orang tempatan bukan untuk pekerja asing. Oleh itu pihak penguat kuasa sentiasa mengambil tindakan di mana majikan telah mengajি pekerja asing untuk bekerja sebagai *cashier* atau pelayan di restoran atau di pusat makanan, pusat penjaja.

■ 1750

Jadi kita akan tangkap mereka dan pihak majikan akan ambil tindakan berhubung untuk perundangan.

**Dato' Ismail Kassim:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat belum beri laluan.

**Datuk Tan Chai Ho:** Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ada maklumat mengenai perkara yang saya sebut tadi di mana ada pekerja asing masih bekerja sebagai *front liners*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jadi maklumkanlah kepada pihak kementerian ini supaya boleh ambil tindakan segera.

**Dato' Haji Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Boleh laluan tak?

**Dato' Ismail Kassim:** Mohon laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** *[Bangun]*

**Tuan M. Munusamy:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila duduk semua. Tiba masa untuk saya kawal sedikit. Kita sedang melalui sesuatu yang namanya perbahasan. Perbahasan ertinya ada giliran untuk ke tengah dan cungkil atau kemukakan atau bangkitkan isu-isu dan setelah tamat, giliran kerajaan pula untuk menjawab isu-isu yang telah diketengahkan bangkit dalam bahagian penggulungan perbahasan. Namun semua ini tetap namanya perbahasan. Kalau berlaku lain-lain perkembangan, ia jadi pertelingkahan atau pertengkarai atau pasar borong.

Jadi pastikan bila bangun hendak minta penjelasan, ia ada kaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan. Kalau Yang Berhormat lupa, dulu nasib tidak baik Yang Berhormat tidak bangkit, baru sekarang teringat. Jika tidak kerana isu ini hangat dan kalaupula Dewan ini penuh dengan pembangkang-pembangkang, maka perbahasan tidak dapat berlalu dan berlangsung. Jadi bila minta laluan pastikan ianya ada kaitan dengan isu-isu yang telah dibangkitkan khusus

oleh Yang Berhormat sendiri. Sekarang, Yang Berhormat sudah beri laluan – Dato' Ismail Kassim, Puan Sharifah Azizah, Tuan Munusamy sekali gus satu persatu.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Dato' Ismail Kassim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Ismail Kassim dulu.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ismail Kassim

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya ada sedikit kemosyikilan. Saya tahu bidang ini bidang syarikat-syarikat yang memiliki aset *outsourcing* yang lumayan. Ada sampai menerima satu kepala, *per head* sampai RM1,000. Ada yang lebih daripada itu. Makna kata kalau urusan khas ini dapat RM1,000 satu kepala, dia akan dapat RM1 juta *cash* dan membolehkan rakan-rakan yang mengendalikan syarikat *outsourcing* ini hidup dengan mewah dan sebagainya. Itu kita tak kisahlah. Soal itu kita tidak kisah. Meniaga orang ini lagi untung tetapi yang kita hendak tanya di sini Yang Berhormat, disebabkan ada *tendency* mendapat kecenderungan keuntungan yang begitu hebat, besar, sampai kita mengetepikan kehendak dan keselamatan negara dan ini yang kita mempertikaikan. Bukan kita *jealous*, bukan kita cemburu, takut menteri salah guna kuasa. Itu sahaja yang kita hendak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Sharifah Azizah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih dengan Tuan Yang di-Pertua kerana sentiasa berikan kita peringatan dalam kita membuat perbaasan. Walau bagaimanapun, soalan tambahan yang kita buat ini sebenarnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila saya kena kawal, saya kawallah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Sebenarnya soalan tambahan yang kita buat ini untuk memberitahu kementerian apa sebenarnya yang berlaku di luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat sedang berhujah dengan saya pula.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** ...[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bila kemasukan ini bila tadi pihak kerajaan menyebut bahawa tidak ada kelulusan khas ataupun permit dikeluarkan bagi mereka yang bekerja di restoran-restoran. Namun amat malang kalau kita kata takkan tidak ada seorang pun ahli-ahli daripada kementerian ataupun kerajaan yang pernah pergi ke mana-mana pasar raya-pasar raya yang disebutkan oleh rakan saya tadi, Yang Berhormat Dato' Idris kerana benda ini lambakan. Di mana-mana kita pergi memang dia sahaja, malahan di hotel-hotel pun sekarang ini, *front desk* ini tidak usah bercakap bahasa Melayulah dan kena bercakap seolah-olah kita telor, macam kita berada di Indonesia ataupun di negara-negara lain.

Jadi persoalannya, disebabkan lambakan inilah, maka susah bagi kita hendak mencari pembantu rumah sebab itulah harga yang dibayar kepada agen berlipat kali ganda sehingga mencecah RM6,000 kerana kebanyakan yang masuk dia tidak bagi kepada pembantu rumah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah lupa Yang Berhormat hanya mencelah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Bermakna dia tidak dikhkususkan kepada pembantu rumah sahaja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah perkara yang hendak ditarik perhatian untuk...

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Yang hendak ditarik perhatian kepada kementerian, kalauolah orang awam nampak lambakan pendatang asing di semua gedung terbesar negara, takkanlah pihak kementerian masih lagi belum nampak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, cukup.

**Puan Hajah Sharifah Azizah bin Dato' Syed Zain:** Terima kasih.... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu nombor dua. Yang Berhormat sila catatkan nombor satu isunya, nombor dua, nombor tiga. Saya bagi pilihan kepada Yang Berhormat jawab secara berhemah, berhelah atau tidak mahu jawab langsung.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk meminta beberapa penjelasan. Berhubung dengan pekerja asing, saya tahu ada *rationya* iaitu satu pekerja tempatan bagi tiga pekerja asing bagi sektor elektronik dan bukan elektronik nisbah dia 50:50, 1:1. Namun apa yang kita nampak kebanyakan tempat khasnya di sektor perkhidmatan, keseluruhannya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, keseluruhan pekerja-pekerja adalah pekerja asing seperti *petrol kiosk*. Sekiranya ada tujuh pekerja, ketujuh-tujuh pekerja itu pekerja asing. Cuma yang saya hendak tahu, siapa yang mengawal nisbah ini? Adakah Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Dalam Negeri sebab kelulusan diberi oleh Kementerian Dalam Negeri bagi syarikat-syarikat swasta, syarikat-syarikat *outsourcing* ini untuk mengambil pekerja-pekerja daripada luar negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas ini saya sudah tidak benarkan. Ada lagi? Ketepatan guna kuasa, lambakan yang tidak kelihatan dan nisbah yang tidak ditepati – tiga isu

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail Kassim, saya ingin memberitahu bahawa sebenarnya satu jawatankuasa yang sangat penting iaitu Jawatankuasa Kabinet mengenai pengambilan pekerja asing di mana dasar-dasar pengambilan pekerja asing akan ditentukan oleh pihak jawatankuasa ini. Jadi tidak timbulah di mana ada salah guna kuasa oleh menteri atau pegawai-pegawai sesiapa. Jadi ini saya boleh bagi jaminan bahawa jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita di mana ada mesyuarat-mesyuarat, banyak kali mesyuarat untuk menentukan dasar-dasar mengenai pekerja asing.

Yang kedua untuk menjawab Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah di mana kita boleh nampak walaupun ada banyak pekerja asing di negara kita tetapi kerajaan telah

berhati-hati. Baru-baru ini satu kajian terperinci mengenai keperluan sebenarnya guna tenaga di negara kita telah dibuat. Ini bermakna kita akan tetapkan kuota atau bilangan pekerja asing yang sebenarnya dikehendaki dalam sektor-sektor yang tertentu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu langkah yang baik supaya kita boleh kawal dan kita boleh pastikan bilangan pekerja asing yang dibenarkan masuk ke negara kita.

■ **1800**

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator M. Munusamy saya ingin memberitahu bahawa pekerja-pekerja asing di stesen-stesen minyak iaitu *petrol kiosk* adalah dikawal selia oleh kementerian ini melalui penguat kuasa Imigresen Malaysia, di mana kalau *petrol station* mengaji pekerja asing untuk jadi *cashier* atau yang tadi saya sebutkan *front liners* memang itu adalah satu kesalahan dan tidak boleh dibenarkan. Pekerja asing hanya boleh bekerja di stesen minyak hanya dibenarkan sebagai pembersih atau pencuci, tidak boleh menjadi juru wang atau kerja-kerja lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ucapan gulung saya. Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan kesihatan yang dijalankan oleh FOMEMA merupakan salah satu syarat untuk pengeluaran pas kerja bagi pekerja asing. Dakwaan yang mengatakan ada pekerja asing yang tidak menjalani pemeriksaan kesihatan adalah tidak benar kerana tanpa sijil pengesahan daripada FOMEMA pas kerja tidak akan dikeluarkan. Pekerja yang dikenal pasti tidak sihat, menghidap penyakit berjangkit dan merbahaya pula akan dihantar pulang ke negara asal dengan segera. Kemungkinan pekerja asing yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator adalah pendatang asing tanpa asing yang bekerja secara haram di negara ini. Langkah-langkah penguatkuasaan yang lebih kerap sedang dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi membolehkan masalah ini diatasi. Kementerian berpendapat tidak ada keperluan untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk memantau kesihatan pekerja asing memandangkan tindakan sewajarnya telah diambil bagi memastikan warga tempatan bebas daripada ancaman penyakit yang dibawa oleh pekerja asing.

Ahli Yang Berhormat juga membangkitkan isu kos mendapatkan seorang pembantu rumah asing yang mencecah sehingga RM6,000 seorang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kos keseluruhan yang dibenarkan untuk menguruskan kemasukan dan pengambilan PRA iaitu pembantu rumah asing ialah RM3,715 iaitu sejumlah RM2,415 akan ditanggung oleh pihak majikan manakala bayaran berjumlah RM1,300 pula akan ditanggung oleh pembantu rumah tersebut di Indonesia. Keputusan ini telah dilaksanakan dan telah berkuat kuasa pada 15 Januari 2007.

Sebanyak 345 agensi yang membawa pembantu rumah asing telah memberi persetujuan mereka kepada ketetapan ini. Difahami juga terdapat sesetengah agen pembantu rumah asing yang mengenakan bayaran sehingga RM6,000 untuk mendapat seorang PRA. Sehubungan dengan itu Jabatan Imigresen Malaysia ingin menegaskan sehingga sekarang pengiktirafan ke

atas agen yang berperanan sebagai orang tengah antara majikan dan Jabatan Imigresen Malaysia tidak pernah diberikan. Jabatan Imigresen Malaysia hanya akan berurusan dengan agensi-agensi pembantu rumah yang berdaftar di bawah persatuan agensi pembantu rumah asing seperti mana yang diputuskan dalam mesyuarat di kementerian mengenai isu-isu pembantu rumah asing pada 9 Ogos 2007.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen Malaysia memandang serius mengenai isu pelolosan pendatang asing tanpa izin di pintu-pintu masuk negara. Sehubungan dengan itu Jabatan Imigresen Malaysia telah mencatatkan pertambahan anggota bagi Unit Penguat Kuasa Imigresen seramai 3,800 orang di mana anggota sedia ada adalah seramai 1,200 orang. Selain daripada itu pada 26 Januari 2007, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengurus Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Keselamatan Sempadan Darat (JPKSD). Mesyuarat ini diurus setia oleh MKN dan dilakukan secara berkala bagi menyelaras isu-isu berkaitan dan dilakukan secara berkala bagi menyelaras isu-isu berkaitan keselamatan sempadan darat seluruh negara serta menyelaras tindakan dan aktiviti keselamatan secara bersepadu di antara agensi atau jabatan awam yang terlibat secara langsung di sempadan darat negara.

Mengenai PATI yang mendakwa mereka adalah pelarian yang berlindung di bawah UNHCR sehingga menjelaskan proses pendakwaan di Mahkamah PATI, sekali lagi ditegaskan bahawa Malaysia tidak mengiktiraf 1951 *Convention Relating to the Status of Refugees* dan *Protocol* 1967 berkaitan dengannya. Mengikut Akta Imigresen 1959 dan 1963 (Pindaan) 2002, “*Mana-mana warganegara asing untuk masuk dan berada di Malaysia mesti mempunyai pas yang sah*”. Dalam Akta Imigresen tidak ditakrifkan apa-apa peruntukan tentang pelarian. Oleh yang demikian semua warganegara asing yang tidak mempunyai pas atau permit yang sah ditangkap sebagai PATI.

Dalam konteks Malaysia terdapat warganegara asing yang ditakrifkan sebagai pelarian oleh *United Nation High Commission for Refugee* (UNHCR) dan mereka didaftarkan oleh UNHCR sebagai pelarian untuk tujuan ditempatkan di negara penerima ketiga dan untuk dihantar pulang ke negara asal apabila keadaan pulih. Golongan ini diberikan kad UNHCR. Kad UNHCR tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Namun Kerajaan Malaysia tidak pernah menyasarkan golongan ini dalam operasi-operasi penguatkuasaan bersama-sama dengan agensi-agensi lain seperti PDRM dan RELA. Walau bagaimanapun sekiranya secara kebetulan pemegang kad UNHCR ada di tempat operasi dijalankan maka mereka juga akan ditangkap seperti PATI yang lain dan mereka juga akan disimpan di depot tahan sementara untuk soal siasat. Malaysia tidak berdiskriminasi terhadap pemegang kad UNHCR dengan PATI yang lain malah kerajaan mengamalkan sikap perikemanusiaan dalam menangani pemegang kad UNHCR dengan tidak mendakwa mereka.

## ■ 1810

Tuan Yang di-Pertua. pemegang kad UNHCER yang sakit, uzur dan sebagainya akan diserahkan kepada pihak UNHCER atas dasar perikemanusiaan, tetapi yang sihat tubuh badan akan disimpan di depoh tahanan sementara dan pihak UNHCER akan diminta supaya mempercepatkan proses *resettlement* untuk ditempatkan di negara ketiga sehingga UNHCER dapat mencari negara penerima. Warganegara asing ini akan ditahan di depoh tahanan sementara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah membangkitkan isu mengenai rakyat Malaysia yang melucutkan warganegara dan kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehilangan taraf kewarganegaraan Malaysia boleh berlaku melalui dua cara. Pertama tolak melalui cara penolakan atau *surrender* yang dilakukan oleh orang itu sendiri, yang kedua ialah melalui pelucutan taraf kewarganegaraan di mana tindakan diambil oleh pihak kerajaan.

Di bawah perkara 23 Perlembagaan Persekutuan, syarat bagi warganegara melepaskan taraf kewarganegaraannya ialah berumur 21 tahun atau lebih, sempurna akal dan telah memperoleh atau berhasrat untuk menjadi warganegara sesuatu negara. apabila perakuan dikemukakan dan didaftarkan oleh Kerajaan Persekutuan, maka terhentilah atau terlucutlah taraf kewarganegaraannya.

Tuan Yang di-Pertua, statistik warganegara Malaysia yang menolak taraf kewarganegaraan dari tahun 1997 hingga Jun 2007 adalah seramai 26,824 orang. Daripada jumlah tersebut orang-orang tadi keturunan Melayu seramai 1,700 orang atau dalam 6.3%, Cina 23,474 orang atau 87.5%, India 1,318 orang atau 4.9% dan lain-lain 330 orang atau 1.2%. Daripada statistik yang disebutkan tadi, bilangan orang Melayu yang terlibat di dalam penolakan taraf kewarganegaraan Malaysia hanyalah 6.3% daripada jumlah warganegara Malaysia yang menolak taraf kewarganegaraan dalam tempoh 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan saya tadi, kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan persetujuan Kementerian Kesihatan, saya menjemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menjawab dan gulung perbahasan terdahulu daripada Kementerian Kesihatan. Sebelum itu saya ingin menjelaskan bahawa memang boleh minta laluan dan mencelah, tapi biarlah secara teratur dan ada kaitan dengan isu-isu yang berkenaan. Andai kata saya biarkan keadaan supaya tidak terkawal, mereka yang susah payah siapkan ucapan, timbulkan isu, ambil bahagian dalam

perbahasan tidak dapat jawapan. Sedang yang tidak bangun, tidak semena-mena dapat jawapan. Ini adalah tidak selaras dengan perjalanan Dewan Negara.

Jadi biarlah yang timbul isu dapat jawapan yang sempurna dan yang mencelah adalah sampingan. Ini kerana mungkin ada Ahli yang tidak mahu buat *home work* langsung, dia tunggu hendak mencelah sahaja. Itulah, saya terpaksa kawal supaya perbahasan dan supaya mereka yang timbul isu-isu yang bernas dapat jawapan yang sempurna. Hendak mencelah, masih ada laluan, tapi secara teratur. Yang Berhormat silakan. Saya mohon maaf.

#### **6.16 petang.**

**Menteri Belia dan Sukan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana telah memberi peluang untuk saya menjawab pertanyaan dan pandangan yang dikemukakan mengenai kementerian sewaktu perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar pada 11 dan 12 Disember yang lalu.

Kementerian sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab dalam meningkatkan mutu sukan dan belia dalam negara kita sememangnya sentiasa terbuka dalam menerima kritikan mahupun pandangan dalam meningkatkan martabat sukan negara. Sehubungan dengan itu kementerian bersama dengan agensi-agensi di bawahnya sentiasa dipertanggungjawabkan untuk memajukan agenda sukan dan juga belia.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan dan ulasan tentang beberapa perkara yang telah ditimbulkan, terutama sekali Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad mengenai kementerian di mana beliau memintakan kementerian menyatakan sama ada mampu atau tidak negara mencapai 64 sasaran pingat emas di kejohanan Sukan SEA di Korat. Terdahulu ingin saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa kontinjen Malaysia telah berjaya di Sukan SEA di Korat dan bukan 64 pingat emas, tetapi 68 pingat emas dan kita telah mendapat kedudukan kedua yang terbaik di bawah negara Thailand.

Walaupun pada mulanya agak lembap sikit Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana sukan-sukan yang kita pertandingkan yang lebih kuat itu dipertandingkan dengan pada tarikh-tarikh yang sebelum selesainya Sukan SEA di Korat.

Walau bagaimanapun, kontinjen negara telah mengambil bahagian dalam 40 jenis sukan dan daripada 43 jenis sukan yang dipertandingkan, 369 acara daripada 475 acara dan ini bermakna bahawa kita telah mengambil bahagian dalam 77.68% daripada keseluruhan acara. Bilangan ahli kontinjen seramai 997,699 atlet dan 298 jurulatih dan pegawai.

Kejayaan di Sukan SEA di Korat ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ialah satu kejayaan yang dihasilkan berdasarkan kepada peranan yang dibuat oleh kementerian kepada persatuan sukan dan juga akan memulakan sistem rating kepada persatuan bermula Januari 2008. Ini bagi kementerian adalah amat penting kerana bantuan kewangan kepada persatuan-

persatuan sukan harus berdasarkan kepada *performance* dengan izin, dan bukan kepada personaliti. Kementerian merasakan bahawa inilah sebenarnya ukuran yang terbaik bagi kejayaan mana-mana sukan dalam negara kita.

Mengenai isu bola sepak pula dan ia sentiasa menjadi isu Tuan Yang di-Pertua. Memang di Sukan SEA di Korat memang kita telah kalah dan bukan kalah kepada Singapura tetapi seri 1-1. Saya ingin mengambil kesempatan di sini memaklumkan negara jiran kita banyak mengambil atlet import daripada negara-negara luar. Mereka sebenarnya bukan atlet daripada negara mereka sendiri. Itu sebabnya kita pun kalah apabila pemain daripada Singapura diimport daripada Nigeria, kakinya panjang Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa 10 minit itu, berlari macam kuda, saya dengan Timbalan Presiden FAM pun tercengang-cengang Tuan Yang di-Pertua.

Jadi itulah sebenarnya strategi yang berlaku dalam negara-negara jiran kita di mana mereka gunakan segala strategi yang boleh untuk memang. Saya pun melihat mungkin kejohanan sukan ini Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah menjadi medan perang, di mana maruah negara yang dipertandingkan.

Seterusnya ada juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kamar Dewan Negara menjadi medan perang cukuplah.  
[Ketawa]

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya boleh buat ujian kecerdasan kepada mereka untuk tahap kekuatan yang mana itu Tuan Yang di-Pertua, atas pinggang ke bawah pinggang. [Ketawa]

#### ■1820

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu semangat patriotisme di dalam atlet, apa yang dilakukan oleh kementerian ini memang kementerian sentiasa menekankan isu itu. Itu sebabnya Majlis Sukan Negara telah memberi penekanan yang berat sebelum berlepas ke Sukan SEA dalam aspek motivasi dan psikologi generasi-generasi atlet kita dan bagi kem-kem kepimpinan dan latihan *survivor* telah dilaksanakan, ini telah menjadi budaya Majlis Sukan Negara. Program Kem Bina Semangat ini telah dilaksanakan empat kali untuk melibatkan atlet-atlet yang bertanding di Sukan SEA tahun 2007.

Ada juga telah ditimbulkan berkenaan dengan pandangan mengenai persatuan dan atlet yang menarik diri di saat-saat akhir tanpa rujuk atau memaklumkan kepada kementerian. Berkenaan dengan atlet, sebenarnya selalunya isu kecederaan dan prosedur yang dilaksanakan oleh kementerian ialah bagi Institut Sukan Negara untuk mengesahkan bahawa atlet telah tercedera. Dalam aspek ini Norsila Mohd Khalil, Wong Meng Chu, Wong P Tiey dan Robani Hasan tidak dapat menyertai kontinjen negara disebabkan kecederaan yang telah menimpa mereka.

Walau bagaimanapun atlet kita seperti Brian Nikson Lomas walaupun cedera di bahagian kaki telah meneruskan perjuangan beliau dan beliau telah berjaya untuk merangkul pingat emas bagi negara.

Bila bercakap tentang persatuan yang tarik diri sudah tentu isunya ialah isu Persatuan Sepak Takraw Malaysia. Memang menjadikan satu isu yang memalukan ini adalah disebabkan bahawa badan sepak takraw dunia memang begitu kecewa. Kita telah dimaklumkan bahawa satu tindakan disiplin akan dikenakan kepada presiden persatuan. Walau bagaimanapun bagi kementerian kita akan hanya melaksanakan apa-apa tindakan selepas badan dunia membuat keputusan di dalam situasi menarik diri tanpa notis yang dibuat oleh persatuan tersebut. Ada juga isu yang ditimbulkan Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan menteri harus diberi kuasa yang lebih untuk menyelesaikan isu ataupun konflik dalam persatuan.

Berdasarkan kepada seksyen 24 dalam Akta 576 Akta Pembangunan Sukan, memang menteri mempunyai kuasa untuk menyelesaikan isu ataupun konflik badan-badan dunia sukan yang terlibat. Namun kuasa tersebut hanya dapat digunakan sekiranya pertikaian dalaman tidak boleh diselesaikan oleh badan sukan itu sendiri.

Oleh yang demikian buat masa ini, tidaklah perlu untuk menteri bertindak ataupun mendesak tindakan kecuali apabila Pesuruhjaya Sukan dan juga panel penasihat sukan yang telah diwujudkan di bawah akta tersebut memainkan peranan mereka untuk menyelesaikan isu dan konflik dalam mana-mana badan sukan.

Kementerian sebenarnya mengambil kesedaran bahawa kita dalam Malaysia mengamalkan sistem demokrasi, pelantikan ahli-ahli jawatankuasa dalam persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Dalam masa pelantikan ini kadang-kadang kepimpinan-kepimpinan yang sentiasa memegang jawatan ialah kepimpinan yang memang dulu, kini dan selama dia. Isu ini sebenarnya kementerian tidak boleh campur tangan kerana kita mengamalkan sistem demokrasi.

Walau bagaimanapun, memang pemantauan dilaksanakan oleh Pejabat Suruhanjaya Sukan dengan harapan kementerian yang paling penting ialah badan-badan sukan kebangsaan perlu meletakkan kepentingan negara dari segala kepentingan yang ada.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana sudi berkongsi pandangan dan mengemukakan cadangan terhadap Kementerian Belia dan Sukan. Semoga dengan sokongan dan keprihatinan yang ditunjukkan ini akan dapat memberi semangat baru kepada seluruh warga kementerian dan atlet negara untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam mengangkat martabat sukan negara ke persada antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Kesihatan sekali gus saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Kewangan yang hadir lebih awal untuk menggulung perbahasan nanti. Silakan Yang Berhormat.

**6.24 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Perbekalan 2008 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang meminta kerajaan supaya mewujudkan tabung bantuan perubatan yang lebih besar dan mempunyai lebih peruntukan selain daripada tabung bantuan perubatan yang sedia ada.

Kementerian berpendapat adalah tidak perlu diwujudkan tabung lain memandangkan tabung ini dapat memenuhi keperluan bantuan kewangan yang diperlukan oleh rakyat miskin atau yang kurang berkemampuan untuk membiayai kos rawatan, alatan perubatan, ubat-ubatan dan peralatan rehabilitasi yang tidak dapat disediakan di hospital-hospital kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk tabung ini. berhubung dakwaan yang mengatakan bahawa tabung bantuan perubatan ini diberikan kepada mereka yang mendapat rawatan perubatan di hospital kerajaan sahaja. Manakala mereka yang mendapat rawatan di hospital swasta tidak akan dipertimbangkan untuk bantuan melalui tabung bantuan perubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan penubuhan tabung ini adalah untuk membantu pesakit miskin atau kurang mampu bagi membiayai sepenuhnya atau sebahagian daripada kos rawatan, peralatan perubatan, ubat-ubatan dan peralatan rehabilitasi bagi pesakit miskin atau kurang mampu yang tidak dapat disediakan di hospital kerajaan. Sekiranya sesuatu rawatan tersebut ada disediakan di hospital kerajaan, permohonan di bawah tabung ini tidak dapat dipertimbangkan selaras dengan tujuan penubuhan tabung ini. Rawatan di hospital swasta hanya akan dipertimbangkan sekiranya rawatan tersebut tidak terdapat di hospital kerajaan.

Kebimbangan Yang Berhormat bahawa tabung bantuan perubatan ini perlu ditambahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan orang ramai kerana dikhuatiri jumlahnya akan susut dengan begitu cepat tidak timbul. Ini kerana peruntukan tabung ini adalah berjumlah RM100 juta, sebahagian peruntukan berjumlah RM25 juta telah diterima pada tahun 2005 dan peruntukan tambahan sebanyak RM20 juta telah diterima pada tahun ini. Dari semasa ke semasa kementerian ini akan memohon peruntukan pertambahan dari Kementerian Kewangan dan ia akan dipohon mengikut keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah Mohamad meminta penjelasan tentang kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia bahawa terdapat kira-kira 60% ubat-ubatan yang dikeluarkan di seluruh dunia adalah tidak mesra kanak-kanak. Beliau mencadangkan kepada kementerian untuk menentukan supaya terdapat ubat-ubatan yang mesra kanak-kanak dan apakah cadangan kepada syarikat farmasi yang

diberikan konsesi bekalan ubat kepada kementerian supaya membekalkan ubat-ubatan yang lebih mesra kanak-kanak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan mendaftarkan ubat-ubatan yang sesuai untuk kegunaan kanak-kanak berdasarkan kriteria kualiti, verifikasi dan selamat. Syarikat-syarikat pengeluar farmaseutikal akan mengeluarkan ubat-ubatan untuk penggunaan kanak-kanak dalam bentuk mesra kanak-kanak seperti berikut;

- (i) dalam bentuk mudah ditelan seperti cecair atau tablet mudah dikunyah;
- (ii) mempunyai rasa yang sedap atau manis atau berperisa; dan
- (iii) berwarna menarik.

Walau bagaimanapun, ingin ditekankan di sini bahawa penggunaan ubat-ubatan untuk kanak-kanak perlu sentiasa di bawah pengawasan penjaga.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga menyentuh tentang pendermaan organ di kalangan orang ramai yang masih belum menampakkan kesan positif sehingga setakat ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa menggalakkan dan menjalankan kempen kepada orang ramai bagi membangkitkan kesedaran tentang pentingnya pendermaan organ ini. Pada masa ini, insentif-insentif yang diberikan kepada keluarga penderma adalah seperti berikut;

- (i) pengecualian bayaran bagi rawatan yang diberikan kepada para penderma organ atau tisu oleh hospital kerajaan; dan
- (ii) kemudahan rawatan kelas pertama secara percuma diberikan kepada penderma organ yang masih hidup yang telah mendermakan sebahagian organnya kepada mereka yang memerlukan.

#### ■1830

Sebagaimana peraturan yang telah digariskan di dalam Polisi Organ Tisu dan Sel Kebangsaan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan pada bulan Jun 2007, sebarang aktiviti jual beli organ atau tisu manusia serta perkara yang boleh menggalakkan aktiviti tersebut adalah dilarang. Selain itu Fatwa Kesihatan Kebangsaan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa pada tahun 1973 juga mengharamkan aktiviti-aktiviti jual beli organ ini.

Sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Ursus bin Haji Mat Zain, Kementerian Kesihatan sentiasa menggalakkan agar orang ramai tampil secara sukarela dengan hati yang ikhlas dan terbuka untuk mendermakan organ atau tisu setelah meninggal dunia untuk kepentingan pesakit yang memerlukan. Oleh itu pihak kementerian tidak bercadang untuk menyediakan insentif lain terutamanya yang berbentuk wang ringgit kepada keluarga penderma pada masa hadapan. Dengan kempen kesedaran yang telah diatur oleh kementerian, diharapkan lebih ramai rakyat negara ini yang akan tampil menderma organ dan tisu secara sukarela.

Kementerian Kesihatan juga menyedari bahawa kejayaan Program Transplantasi Organ dan Tisu sangat bergantung kepada kesediaan orang ramai di dalam terlibat sama bagi menderma organ dan tisu. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Kesihatan melalui kemudahan kesihatan yang sedia ada serta penyelarasan oleh Pusat Sumber Transplan Kebangsaan telah menyusun strategi tertentu bagi menimbulkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya pendermaan organ dan tisu. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan termasuklah:

- (i) melaksanakan program-program promosi pendermaan organ yang berterusan di seluruh negara untuk meningkatkan lagi tahap kesedaran dan kefahaman masyarakat di negara ini tentang isu-isu pendermaan organ dengan penekanan terhadap pendermaan organ *cadaveric*. Kempen yang dijalankan juga menekankan bahawa orang ramai tidak perlu takut menderma organ setelah meninggal dunia. Mayat seseorang penderma akan diuruskan oleh pihak hospital dengan cara yang terhormat termasuk semasa pembedahan perolehan organ dilakukan. Pusat Tranplan Nasional sentiasa bekerjasama dengan media masa sama ada media elektronik atau media cetak untuk memberi maklumat yang betul dan menyeluruh yang boleh sampai kepada semua lapisan masyarakat sama ada di dalam atau di luar bandar. Pada masa yang sama pihak sumber Pusat Transplan Nasional telah diperkuuhkan dengan tambahan bilangan kakitangan supaya program yang dirancang dapat dijalankan dengan lancar;
- (ii) kementerian juga telah mewujudkan sebuah laman web iaitu [www.ntrc.gov.my](http://www.ntrc.gov.my) yang telah memudahkan penyebaran maklumat yang tepat kepada orang ramai mengenai pendermaan dan transplantasi organ dan tisu. Program kesedaran masyarakat dimulakan pada peringkat awal atau sejak peringkat persekolahan lagi;
- (iii) Pusat Sumber Transplan Nasional juga sedang merancang untuk menyediakan kit-kit informasi dan audio visual tentang kesedaran pendermaan organ yang sesuai bagi pelajar-pelajar yang digunakan oleh guru-guru; dan
- (iv) dengan kerjasama media, Pusat Sumber Transplan Nasional juga merancang untuk mengadakan pelbagai aktiviti di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan. Kakitangan kesihatan terutamanya di hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan juga sedang dilatih supaya mereka dapat memberikan penerangan yang jelas kepada orang ramai berkaitan pendermaan organ dan tisu. Kit-kit panduan promosi pendermaan organ juga telah disediakan bagi memudahkan anggota

kesihatan dan juga ahli-ahli agama bagi menyebarkan maklumat yang tepat tentang pendermaan organ. Hasil daripada usaha yang telah dilakukan, jumlah pengikrar penderma organ dan tisu setakat ini telah meningkat sebanyak 109,000 orang berbanding 64,000 orang pada tahun 2002. Bilangan penderma *cadaveric* di negara telah meningkat kepada 25 orang penderma pada tahun 2006 berbanding tahun sebelumnya iaitu 13 orang pada tahun 2005 dan 16 orang pada tahun 2004. Sehingga 30 November 2007, bilangan penderma organ dan tisu adalah seramai 24 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap berhubung kempen menderma darah yang dikatakan kurang mendapat sambutan daripada orang ramai, ingin dijelaskan bahawa walaupun orang ramai kurang memberikan respons terhadap kempen menderma darah pihak kementerian akan terus meningkatkan kempen dari semasa ke semasa untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat.

Kementerian berpandangan bahawa menderma darah harus menjadi tanggung jawab sosial semua pihak. Kementerian memang ada menyediakan insentif kepada penderma darah berdasarkan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan yang dikeluarkan pada tahun 2005. Pihak kementerian sememangnya memberikan keutamaan bagi penderma darah apabila berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan di hospital dan di klinik kesihatan tetapi ia bergantung pada hospital dan klinik tersebut kerana secara rasionalnya pesakit-pesakit yang kritikal harus didahului terlebih dahulu.

Menyentuh cadangan supaya disediakan sebuah mesin yang dapat mengesan darah yang tercemar secara serta-merta semasa seseorang itu menderma darah, dimaklumkan bahawa sehingga kini belum ada sebuah mesin yang boleh mengesan secara serta-merta darah yang tercemar. Semua darah yang didermakan akan diperiksa oleh mesin khusus yang hanya terdapat di makmal perubatan hospital sahaja.

Berhubung gesaan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang menggesa kementerian supaya mewujudkan badan pemantau bagi memantau bil-bil hospital swasta yang terlalu tinggi. Kementerian Kesihatan telah mengadakan suatu mekanisme untuk memantau kadar bayaran perkhidmatan di hospital-hospital swasta melalui Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Pemantauan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada Jadual 13 yang dibuat di bawah Akta tersebut. Jadual fi rawatan tersebut adalah berbentuk kadar siling yang bererti kadar yang dikenakan ke atas pesakit tidak boleh melampaui kadar yang ditetapkan. Pada masa yang sama pihak kementerian telah menyediakan garis panduan berhubung pengurusan aduan. Aduan-aduan berhubung

ketidakpuasan hati tentang kadar fi di hospital swasta ini diuruskan oleh pihak kementerian berpandukan garis panduan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain berhubung kes kecuaian hospital kerajaan dan swasta, pihak Kementerian Kesihatan sedang mengkaji penyelesaian kes kecuaian di hospital kerajaan atau swasta melalui proses perantaraan atau *mediation*, sebagaimana yang diamalkan di beberapa negara. Proses ini akan melibatkan pengamal undang-undang dan perubatan dan ia akan dikendalikan oleh sebuah badan bebas.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain juga membangkitkan tentang rasional pesakit tibi dirawat sebagai pesakit luar. Dimaklumkan bahawa pesakit tibi ini dirawat sebagai pesakit luar adalah kerana rejim rawatan ubat tibi iaitu antibiotik yang diberikan secara kombinasi sangat berkesan untuk mengubat penyakit tibi. Kebanyakan kuman tibi akan mati setelah ubat diambil dan ini akan disahkan melalui ujian mikroskopi kahak yang akan menentukan jumlah bakteria yang masih ada lagi dalam badan pesakit.

#### ■1840

Pada masa ini risiko jangkitan penyakit telah dapat dikurangkan berikut:

- (i) semua pesakit telah dipastikan faham mengenai penyakit tibi dan cara ianya merebak dengan diberikan kaunseling sebelum memulakan pengambilan ubat meliputi cara-cara batuk yang betul, pemakaian penutup hidung dan mulut untuk mengelakkan jangkitan kepada ahli keluarga dan orang sekeliling;
- (ii) semua pesakit tibi dimestikan untuk diselia pengambilan ubat mereka sama ada oleh anggota perubatan atau sukarelawan yang terlatih. Kaedah yang dipanggil *directly observe treatment* dan strategi ini telah dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi memastikan semua pesakit tibi dirawat dengan sempurna dan tidak terus berjangkit;
- (iii) semua orang yang terdekat atau *contact* kepada pesakit dikehendaki menjalani saringan bagi menentukan sama ada mereka mendapat jangkitan tibi daripada pesakit atau menjadi punca jangkitan kepada pesakit tersebut; dan
- (iv) semua pakar kesihatan keluarga adalah terlatih dan mampu mendiagnosis dan merawat pesakit tibi sebagai pesakit luar dan mereka akan merujuk kepada pakar *respiratory* atau pakar perubatan di hospital jika pesakit mempunyai penyakit tibi yang teruk serta mempunyai masalah-masalah lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah juga meminta kementerian menyatakan sejauh mana program pencegahan HIV/AIDS yang dirancang oleh kerajaan sampai kepada

golongan sasar dan setakat mana keberkesanannya sehingga setakat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah merancang dan melaksanakan banyak program pencegahan, penjagaan dan rawatan HIV dari semasa ke semasa bagi membendung jangkitan ini. Antara usaha yang berterusan yang dijalankan adalah:

- (i) melalui pendidikan serta promosi kesihatan;
- (ii) pelaksanaan modul HIV bagi PLKN;
- (iii) pendidikan kesihatan HIV/AIDS bagi remaja;
- (iv) program ujian-ujian saringan dan kaunseling HIV bagi kumpulan berisiko serta masyarakat umum;
- (v) program pencegahan dan rawatan HIV di penjara dan pusat serenti; dan
- (vi) program pencegahan transmisi HIV daripada ibu ke anak dan pelbagai program lagi.

Program-program yang dinyatakan tersebut telah berjaya untuk tidak merebakkan HIV ke peringkat yang lebih teruk di mana pada masa ini negara ini masih berada di tahap *concentrated epidemic* di kalangan penagih dadah. Langkah-langkah baru telah diperkenalkan seperti program pertukaran jarum suntikan dan program terapi gantian *methadone*. Dengan pengenalan langkah-langkah baru ini adalah diharapkan akan berlaku pengurangan jangkitan HIV. Selain itu kementerian telah mengambil langkah seterusnya dengan pembentukan Pelan Strategi Kebangsaan yang baru untuk AIDS bagi tahun 2006 hingga ke tahun 2010. Terdapat enam strategi yang digariskan iaitu:

- (i) memperkuuhkan kepimpinan dan *advocacy*;
- (ii) mempertingkatkan latihan modal insan;
- (ii) mengurangkan HIV *vulnerability* di kalangan penagih dadah secara suntikan dan pasangan mereka;
- (iv) mengurangkan HIV *vulnerability* di kalangan wanita, golongan muda dan kanak-kanak;
- (v) mengurangkan HIV *vulnerability* di kalangan golongan terpinggir dan *vulnerable*; dan
- (vi) mempertingkatkan kebolehcapaian kepada aktiviti pencegahan, rawatan pencegahan dan sokongan.

Sekiranya dilihat kepada keberkesanannya kepada program tersebut melalui bilangan jangkitan HIV yang dilaporkan, didapati mulai tahun 2003 bilangan kes-kes jangkitan HIV yang dilaporkan telah mula menurun secara tetap pada setiap tahun iaitu sejumlah 6756 kes pada tahun 2003, 6120 kes pada tahun 2005 dan 5830 kes pada tahun 2006.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan

kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi Perbahasan Perbekalan 2008 ini berlangsung. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan ini akan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Penerangan.

#### 6.45 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Penerangan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa Perbahasan Bajet 2008 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris bin Haji Buang yang menyentuh mengenai kurangnya perhatian yang diambil oleh media terhadap perbahasan di Dewan Negara. Memandangkan terdapat beberapa kementerian lain yang juga mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam perkara yang berkaitan dengan media maka saya hanya akan menyentuh mengenai peranan RTM di bawah Kementerian Penerangan selaku media rasmi kerajaan sahaja.

Ingin saya jelaskan di sini Yang Berhormat bahawa RTM tidak pernah membezakan di antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara. Seperti juga pemilihan berita-berita lain untuk siaran penyiaran berita semasa persidangan Dewan Negara juga turut bergantung kepada nilai berita itu sendiri yang mesti bersifat baru serta penting melibatkan dasar kerajaan dan kemaslahatan rakyat umum.

RTM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan rancangan Parlimen Hari Ini yang ke udara pada pukul 11.30 malam di RTM1 pada hari-hari persidangan. Selain disiarkan dalam berita radio dan televisyen RTM turut menyediakan slot khas untuk laporan Parlimen di radio Klasik Nasional. Perjalanan persidangan dan perbahasan Dewan rakyat dan Dewan Negara pula boleh juga diikuti di *Warta Perdana* pada pukul 8.00 malam dan juga melalui *Warta Mandarin*, Tamil dan *News at 10* dengan izin, dalam bahasa Inggeris di RTM di samping laporan secara langsung oleh wartawan RTM melalui Warta tengah hari jam 1.00 dan Warta jam 4.00.

Memandangkan ramai Ahli Yang Berhormat yang berbahas dengan ruang masa siaran yang terbatas aspek nilai kandungan perkara yang dibangkitkan juga diambil kira. Keutamaan lebih diberikan kepada cadangan bagi memantapkan pelaksanaan sesuatu dasar baru yang dicadangkan atau cadangan-cadangan yang mampu untuk menambah baik pelaksanaan sesuatu dasar atau program sedia ada dan bukan sekadar melaporkan fakta penting yang dibangkitkan dalam sesi perbahasan. Bahagian penting dalam ucapan perbahasan berkenaan turut disiarkan

sebagai kapsul petikan ucapan malah turut juga disiarkan petikan wawancara dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan bagi menjelaskan sesuatu cadangan atau isu yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian terhadap satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris iaitu mengenai penyiaran berita dan bahan-bahan dari Sabah dan Sarawak yang tidak mendapat ruang masa yang mencukupi serta kurangnya idea kreatif dalam persempahan bahan.

Terima kasih Yang Berhormat, insya-Allah RTM memang sentiasa ingin memperbaiki siarannya dari semasa ke semasa dan suka saya menjelaskan bahawa selain laporan berita dari Sabah dan Sarawak melalui segmen Sabah dan Sarawak secara bergilir-gilir RTM juga menyiarkan program Kawasan Saya yang ke udara selama satu jam dan dua kali seminggu pada hari Sabtu 11.30 pagi dan pada hari ahad pukul 10.30 malam meliputi kawasan Parlimen bagi Sabah dan Sarawak. Perkembangan mengenai aktiviti Komuniti Bestari pula disiarkan melalui *Warta Negeri* dua kali seminggu.

Selain lintas langsung dua minit berita RTM turut menyiarkan berita dari Sabah dan Sarawak dalam semua buletin berita sebanyak 23 buletin pada setiap hari Yang Berhormat. Selain berita televisyen bahan berita juga disiarkan menerusi berita radio negeri-negeri berdasarkan nilai berita. Pada masa yang sama stesen radio tempatan di kedua-dua negeri turut menyiarkan berita sendiri yang khusus memberi tumpuan kepada aktiviti tempatan dan dalam negeri termasuk menggunakan dialek suku-suku etnik tempatan.

#### ■1850

RTM juga telah mewujudkan biro berita kawasan dengan masing-masing enam di Sarawak iaitu Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang dan Bintulu dan tiga di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan *Selamat Pagi Malaysia* ataupun SPM, di RTM1 mempunyai slot khas pertukaran bahan setiap minggu yang turut melibatkan Sabah dan Sarawak. Di samping itu rancangan *Galeri Perdana* yang disiarkan empat kali seminggu dari hari Isnin hingga Khamis pukul 8.30 malam dan insya-Allah bermula daripada tahun 2008 akan disiarkan sebanyak enam kali seminggu juga banyak memuatkan peristiwa dari Sabah dan Sarawak dan pernah tersiar adalah seperti Kuih Tradisional, Hantu Api, Raya di Sarawak, Tun Jugah dan Perjuangan Kanang.

RTM juga menyiarkan *Diari Inspirasi Anggun* dari Sarawak selama 25 minit pada hari Selasa dan *Dendangan Bayu* dari Sabah pada hari Isnin. Kesemua liputan ini membuktikan bahawa RTM sentiasa memberi keutamaan kepada bahan-bahan dari Sabah dan Sarawak dalam memastikan liputan yang menyeluruh diberikan kepada kedua-dua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain mengenai perlunya media menayangkan betapa sengsaranya jika

peristiwa 13 Mei 1969 berulang dengan tujuan untuk menyedarkan rakyat bahawa tiada *hero*, dengan izin yang memperjuangkan sesuatu bangsa atau kaum kecuali bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat Senator sebagai salah satu usaha dalam pembinaan bangsa Malaysia. Kementerian Penerangan melalui Filem Negara Malaysia sedang mengambil tindakan menyiapkan sebuah *trailer* yang memaparkan beberapa *shoot* peristiwa berkaitan 13 Mei 1969 sebagai iktibar. *Trailer* tersebut akan memberi gambaran betapa sengsaranya rakyat apabila tercetusnya peristiwa-peristiwa sedemikian. *Trailer* itu juga akan disokong dengan latar kata yang akan menyedarkan rakyat agar lebih berhati-hati dalam segala tindak tanduk khususnya yang berkaitan dengan sensitiviti sesuatu kaum.

Di samping itu, rakyat akan sama-sama sedar bahawa perpaduan adalah tanggungjawab semua dan adalah amat penting untuk mengekalkan kesejahteraan semua untuk kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dua orang sahaja yang telah memberikan pandangan, saran dan juga perhatian mengenai hal-hal yang telah saya sebutkan sebentar tadi semasa perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar di Dewan Negara yang mulia ini. Semuanya insya-Allah akan terus diberikan perhatian yang sewajarnya oleh warga kementerian.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Saya izinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak memberi pandangan bila tadi pihak Kementerian Penerangan hendak menyiarkan cerita tentang 13 Mei dan sebagainya. Boleh tidak saya memberi pandangan dan cadangan kepada kementerian supaya menyiarkan filem *Hati Malaya* ini kepada sekolah-sekolah melalui peruntukan Kementerian Penerangan. Maknanya tayangkan filem ini kepada sekolah-sekolah dan dipecahkan kepada peringkat-peringkat. Maknanya sekolah rendah itu dia ada dua, satu tahap pertama dan satu lagi tahap kedua.

Tahap pertama darjah satu, dua dan tiga dan tahap kedua ialah untuk pelajar-pelajar empat, lima, enam. Jadi saya harap kepada kementerian untuk lebih memberikan *input* kepada pelajar-pelajar tentang betapa nikmatnya hidup perpaduan dan betapa mulianya pemimpin-pemimpin atau pejuang-pejuang kita untuk memerdekakan negara. Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang satu cadangan yang agak sangat baik bukan sebab sahabat tetapi memang merupakan satu cadangan yang telah pun beberapa kali juga ditimbulkan oleh rakan-rakan lain.

Insya-Allah Kementerian Penerangan akan berbincang dengan KeKKWa dan Kementerian Pelajaran untuk menyiarkan filem *Hati Malaya* yang baru-baru ini berjaya

menggondol beberapa trofi kerana isinya yang sungguh menyedarkan setiap penonton dan mungkin di pihak Kementerian Penerangan akan mengambil bahagian tentang penayangan di televisyen dan akan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran dan KeKKWa tentang tayangan di sekolah-sekolah ataupun di peringkat umum di akar umbi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Wilayah Persekutuan.

#### **6.55 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [Tuan Yew Teong Look]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar yang seorang sahaja membangkitkan isu di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2008 di Dewan yang mulia ini. Perkara yang dibangkitkan oleh beliau ialah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menangani masalah warga asing yang menjaja di sekitar Kuala Lumpur khususnya di Chow Kit dan Petaling Street.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar penjaja DBKL tidak mengiktiraf warga asing sebagai penjaja kecil untuk menjalankan perniagaan di gerai serta tidak dibenarkan terlibat dalam sektor penjajaan. Bagi tujuan pengambilan seorang pembantu gerai, kebenaran untuk tujuan tersebut dibenarkan melalui seksyen 19(1), Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1989. Pelesenan dibenarkan melantik pembantu di kalangan warga tempatan seramai satu atau dua orang sahaja dan juga diwajibkan hadir dan aktif menjalankan perniagaan bersama.

Dari pemerhatian didapati pelesen-pelesen melantik warganegara asing sebagai pembantu gerai dan tukang masak. Bagi mengawal aktiviti penjajaan oleh warga asing. Pihak DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan berpandukan peruntukan undang-undang kecil yang diguna pakai iaitu Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1989, Undang-undang Kecil Pasar Wilayah Persekutuan 1984 dan Undang-undang Kecil Pasar Borong Wilayah Persekutuan 2002. Pada ketika ini pihak DBKL menghadapi masalah apabila pihak berlesen telah mengambil pekerja pembantu gerai daripada kalangan warga asing terutamanya dari Indonesia, Bangladesh, Myanmar dan lain-lain negara dengan alasan yang diberikan bahawa sukar untuk mendapatkan tenaga asing dari warga tempatan.

Jika ada yang berminat bekerja kebiasaannya tempoh mereka bekerja adalah singkat. Pembantu tempatan yang dilantik akan berhenti apabila mempunyai peluang bekerja di sektor lain. Perkara ini berkait juga dengan kadar upah dan kemudahan atau insentif yang kurang menarik dari majikan. Walaupun masalah bagi mendapatkan pekerja asing sebagai pembantu di

pasar-pasar dan gerai-gerai diketahui, namun konsep asal melesenkan penjaja dan peniaga kecil perlu dilihat iaitu memberi peluang kepada warganegara menjalankan perniagaan.

Walau bagaimanapun hasil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang yang dibuat oleh DBKL di mana dalam tempoh Januari 2007 sehingga November 2007, operasi sita ke atas penglibatan warga asing di kawasan Petaling Steet dan Chow Kit adalah sebanyak 126 kes, notis kompaun melantik pembantu tanpa kebenaran berkaitan dengan warga asing sebanyak 580 kes dan surat tunjuk sebab sebanyak 132 kes.

Itu sahaja. Sekali lagi saya ingin ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan tentang isu ini. Kementerian memang akan mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan supaya memastikan peluang perniagaan berniaga kepada peniaga tempatan. Itu sahaja sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelancongan.

#### 7.00 malam

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Senator-senator yang telah bersama-sama membahaskan perkara mengenai kementerian serta memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna di dalam memajukan industri pelancongan negara. Saya percaya segala pandangan dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Dewan yang mulia ini dapat membantu kementerian di dalam melaksanakan misi nasional ke arah mencapai wawasan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor telah mencadangkan agar Kementerian Pelancongan Malaysia mewujudkan Perkampungan Orang Asli di Gua Musang, Kelantan di mana pelancong boleh melihat aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Orang Asli dan juga membeli kraf tangan yang dihasilkan oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan pada masa ini sedang mengenal pasti perkampungan Orang Asli yang bersesuaian untuk menyertai program *homestay*. Mengenai cadangan untuk mewujudkan program *homestay* di perkampungan Orang Asli di Gua Musang, Kelantan, pihak Kementerian Pelancongan Malaysia akan meneliti sama ada perkampungan berkenaan bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya bersesuaian untuk dijadikan perkampungan *homestay*, penduduk perkampungan berkenaan yang berminat akan dihantar untuk menjalani Kursus Asas *Homestay* yang dianjurkan oleh Institusi Kemahiran Desa atau INFRA, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Selain mengikuti kursus berkenaan rumah, penduduk berkenaan perlu lulus di dalam pemeriksaan rumah yang diselia oleh Kementerian Pelancongan melalui majlis tindakan pelancongan negeri dengan kerjasama daripada;

- (i) Pihak Berkuasa Tempatan
- (ii) Kementerian Kesihatan

- (iii) *Tourism Malaysia*
- (iv) Persatuan *Homestay* dan; dan
- (v) JKK atau Penyelaras *Homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyertai program ini, peserta bukan sahaja mendapat faedah dari segi penambahan pendapatan melalui penyewaan bilik dan penyediaan makanan kepada pelancong-pelancong yang datang menginap di rumah masing-masing, malah turut menyumbang kepada peningkatan taraf hidup penduduk di perkampungan berkenaan. Program ini juga dapat menunjukkan keunikan budaya Orang Asli. Program sedemikian juga merupakan satu bentuk dengan izin, *community based tourism* yang dapat memberi peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk berkecimpung dalam ekonomi pelancongan yang dapat menambah pendapatan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 November 2007, sebanyak 2405 peserta *homestay* di 135 kampung telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan. Ini melibatkan Perkampungan Melayu dan rumah panjang di Sabah dan Sarawak. Terdapat tiga keluarga Orang Asli yang telah turut sama dalam program ini di Perkampungan Melayu seperti di Kampung Hulu Cucur dan Kampung Bukit Kangkung di Selangor. Sebuah perkampungan Orang Asli di Pahang telah dijadikan salah satu pakej lawatan *homestay*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi telah membangkitkan mengenai tindakan kementerian bagi menggalakkan pembangunan prasarana-prasarana bagi menggalakkan pelancongan hijau di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sememangnya memberikan penekanan ke atas perkara ini. Ini memandangkan negara mempunyai flora dan fauna yang unik yang boleh menarik pelancong-pelancong termasuk pelancong-pelancong asing. Oleh yang demikian, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan sebanyak lebih kurang RM212 juta telah disediakan bagi pembangunan prasarana eko-pelancongan iaitu bagi penyediaan dan peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan berkenaan seperti di taman negara, hutan-hutan simpan, hutan-hutan lipur, pulau peranginan dan sebagainya. Di samping itu, tempat-tempat yang telah dibangunkan ini telah dipromosikan oleh *Tourism Malaysia* sama ada di dalam dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi juga menyatakan mengenai tindakan kementerian untuk menggalakkan pihak hotel menyediakan bilik air di tandas-tandas hotel. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan sentiasa menggalakkan pihak hotel untuk menyediakan kemudahan bagi memberikan keselesaan kepada pelancong. Kementerian Pelancongan tidak ada kuasa untuk mewajibkan pihak hotel untuk menyediakan kemudahan berkenaan. Akan tetapi, bagi menggalakkan ianya dilaksanakan, Kementerian Pelancongan telah menyenaraikan kemudahan tersebut sebagai salah satu kriteria pengelasan hotel. Sehubungan dengan itu, pihak hotel perlulah mematuhi kriteria bagi membolehkan hotelnya dikelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi turut bertanya apa tindakan kementerian bagi mempromosikan Hari Raya Haji seperti mana Krismas.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu program promosi pelancongan sempena perayaan Hari Raya Haji yang dianjurkan oleh kementerian ini dengan kerjasama Pejabat *Tourism Malaysia* di Singapura ialah pakej korban dan *homestay*. Program ini akan diadakan di Negeri Sembilan bagi masyarakat Islam Singapura yang dijadualkan dari 21 Disember hingga 23 Disember 2007. Sasaran jumlah pengunjung bagi program ini adalah sebanyak 500 orang. Kempen tersebut merupakan salah satu usaha menarik lebih ramai pelancong Islam Singapura seterusnya meningkatkan kedatangan pelancong dari Singapura. Program ini akan dipromosikan di Singapura dan akan dipanjangkan ke destinasi-destinasi yang lain di Malaysia bersama program *homestay* di masa-masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama memberi sumbangan yang positif dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan industri pelancongan negara. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat akan membantu kementerian mencapai visi menjadikan Malaysia sebuah negara pelancongan yang terunggul.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali, Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan Bajet 2008. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### **7.08 mlm.**

**Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008.

Seperti kita sedia maklum, Bajet 2008 merupakan bajet yang begitu bermakna, begitu *significant* kerana ini adalah bajet tahun pertama dalam tempoh 50 yang kedua dalam sejarah kita. Alhamdulillah, dalam tempoh 50 tahun yang pertama, kita telah berjaya, kerajaan telah berjaya mentransformasikan negara kita dari sebuah negara yang bergantung semata-mata kepada dua komoditi iaitu bijih timah dan getah dan di mana separuh dari penduduk merupakan golongan miskin. Bagi kawasan-kawasan tertentu, 25% penduduk di kawasan-kawasan pendalaman merupakan golongan miskin.

Kini kita telah berjaya, kerajaan telah berjaya mentransformasikan negara kepada sebuah negara yang moden yang di mana penduduk miskin hanya merupakan 5.7% dan kadar kemiskinan tegar telah dikurangkan sehingga 1.2%.

Kita juga telah mewujudkan satu ekonomi di mana sektor perkhidmatan merupakan sumber utama, sumber utama yang menyumbang lebih daripada 53% dan sektor pembuatan menyumbang lebih daripada 30% kepada Keluaran Negara Kasar. Ini kerajaan telah berjaya melakukan transformasi ini dengan satu sikap yang begitu pragmatik, satu iltizam yang begitu ikhlas dan jujur dan juga dengan disiplin pada setiap masa.

Disiplin dalam bajet sebab seperti saya pernah sebut di Dewan yang mulia ini kita dalam tempoh 50 tahun tidak pernah meminjam untuk urusan operasi biasa, bayar gaji, untuk bayar sewa kita hanya meminjam untuk bajet pembangunan, untuk belanja pembangunan, untuk peruntukkan pembangunan. Juga kita telah menguruskan ekonomi dengan begitu baik dan dapat mengurangkan defisit daripada 5.5% pada tahun 2000 kepada 3.3% tahun lepas dan insya-Allah kita akan dapat mengurangkan lagi defisit kepada 3.2% tahun ini. Insya-Allah tahun depan kita *target* kita hasrat untuk mengurangkan lagi defisit kepada 3.1%.

Kita telah mencapai kemajuan ini dengan memastikan bahawa semua golongan, semua lapisan, semua kaum etnik dapat menikmati kemakmuran yang diwujudkan. Sebab kita telah membuat satu keputusan pada tahun 1970 bahawa kita akan mewujudkan satu polisi yang diberi nama *New Economic Policy*, NEP. Dasar Ekonomi Baru, di mana kita akan memastikan bahawa kita menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan juga kita telah membuat satu polisi bahawa kita tidak akan mengambil dari Paul pergi ke Peter, Kita akan memastikan bahawa kemakmuran yang wujud akan dibahagikan secara adil kepada semua golongan.

Ini saya merujuk kepada soalan isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Loga Chitra berhubungan dengan taburan swasta dan mencadangkan supaya pelaburan yang dilakukan oleh pihak swasta diagihkan seimbang di antara negeri. Memang ini satu cadangan yang baik dan memang dari dahulu pun kerajaan memastikan semua negeri, semua daerah, semua kawasan di seluruh negara, Semenanjung, di Sabah, di Sarawak dan semua golongan. Iban dan semua golongan dapat menikmati kemakmuran dan dapat menikmati pelaburan yang diwujudkan. Sudah tentu kerajaan akan mengambil langkah dalam tahun-tahun mendatang untuk memastikan bahawa kaedah-kaedah baru, mekanisme-mekanisme baru diwujudkan dan dipraktikkan dalam konteks perubahan keadaan untuk memastikan bahawa tiap-tiap daerah, tiap-tiap kawasan diberi fokus yang tertentu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini telah melancarkan beberapa koridor termasuk di Johor, di Utara, di Timur dan koridor di Sabah dan Sarawak akan dilancarkan dalam masa terdekat. Fokus yang diberi melalui mekanisme koridor adalah untuk memastikan bahawa pelaburan daripada pihak kerajaan dan juga pihak swasta diagihkan secara adil.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi satu angka tentang pelaburan swasta dalam Rancangan Malaysia Kelapan pelaburan swasta kita hanya mencapai pertumbuhan dalam swasta sebanyak 1.2%, satu angka yang begitu tidak menggembirakan. Dalam merangka, semasa merangka Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri telah berbincang dengan pegawai-pegawai dengan menteri-menteri dan telah membuat satu keputusan yang begitu berani untuk memastikan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita buat satu anggapan bahawa tiap-tiap tahun kita akan mencapai pertumbuhan dalam kadar pelaburan sebanyak 11.2%.

Memandangkan bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan kita hanya mencapai 1.2%. ini memang satu anggap, satu keputusan yang begitu berani dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk mencapai *target* ini, objektif ini. Alhamdulillah dalam tempoh dua, tiga tahun ini nampaknya kita telah mencapai 7.8% dan insya-Allah dalam tahun-tahun mendatang kita akan mencapai angka dua digit dalam untuk mendapat sumber pelaburan swasta.

Kerajaan telah mengambil begitu banyak langkah untuk memastikan bahawa pelabur-pelabur di Malaysia, menikmati satu suasana yang begitu mesra untuk pelabur-pelabur dan cukai telah diturunkan dari 28% peringkat demi peringkat kepada satu tahap yang begitu rendah dibandingkan dengan negara-negara lain iaitu 25% pada tahun 2009. Sungguhpun 25% ini di anggap juga sebagai tinggi, sebab kalau di bandingkan dengan Singapura, dibandingkan dengan Hong Kong hanya 17,18%.

Di Singapura dan di Hong Kong selain daripada cukai korporat mereka juga dikenakan VAT - *value added tax*. Singapura kenakan, Hong Kong kenakan kita tidak laksanakan di Malaysia tidak timbul, tidak ada *value added tax*. Juga di negara-negara lain sungguh pun cukai korporat mungkin lebih rendah tapi mereka juga terpaksa membayar *tax* ke atas dividen, *tax* ke atas untung di stok market kalau mereka menjual saham dapat untung kena bayar *tax*, menjual harta, menjual rumah, menjual bangunan dapat untung bayar *tax*.

Di Malaysia tidak cukai langsung bagi dividen, tidak ada cukai langsung kini untuk harta kalau kita jual harta dapat untung, tidak ada. Jadi dari segi sistem cukai kita merupakan satu negara yang begitu mesra kepada pelabur-pelabur dan tidak hairanlah bahawa pelabur-pelabur sini kini termasuk pelabur-pelabur baru dari negara-negara Arab begitu berminat kini untuk melabur di Malaysia.

Berhubung dengan isu yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Saripah Aminah berhubung dengan rizab negara, alhamdulillah 50 tahun dahulu kita hanya mempunyai rizab US10 bilion dan kita juga telah menghadapi satu krisis di mana rizab kita telah turun semasa menghadapi krisis tahun 1997, 1998.

#### ■1920

Alhamdulillahlah, semenjak tahun 1997 dalam tempoh 10 tahun ini, rizab negara kita telah meningkat dari 20 bilion dalam tahun 1997 kepada USD101 bilion dalam bentuk USD, dalam tempoh 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa begitu banyak pelabur yang datang melabur di negara kita, satu.

Kedua begitu banyak eksport kita. Kita dapat meningkatkan, mengumpulkan rizab melalui eksport dan kita merupakan sebuah negara yang mana eksport berbanding dengan ekonomi KDNK, eksport merupakan 120%. Tidak ada negara lain di mana eksport melebihi 100%. Kita 120%. Amerika, Jepun, UK, *Europe*, ratio mereka eksport mereka berbanding dengan ekonomi KDNK hanya setakat 30% - 40% tetapi kita 120%.

Oleh kerana kita begitu kukuh kedudukan eksport kita dan oleh kerana harga-harga komoditi telah meningkat, getah telah meningkat dan juga minyak sawit telah meningkat, minyak telah meningkat, kita dapat *reserve* yang boleh dianggap keadaan rizab kita begitu... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Dan Bank Negara juga telah mengambil langkah-langkah untuk mempelbagaikan rizab, kedudukan rizab untuk memastikan bahawa rizab dipegang bukan hanya dalam bentuk *instrument-instrument* dalam mata wang USD tetapi juga dalam *investment-investment*, dalam mata wang Euro dan mata wang Yen. Ini telah memberi satu kedudukan yang stabil kepada negara kita.

Yang Berhormat Senator Hajah Saripah Aminah telah meminta penjelasan bagaimana peningkatan hasil minyak digunakan untuk mengurangkan beban rakyat. Kita memang bersyukur kepada Allah S.W.T kerana kita merupakan sebuah negara yang ada minyak. Sebab dalam keadaan di mana minyak telah melambung naik sehingga USD100 pada suatu masa dulu, dia naik sampai 9.39 itu jatuh balik sedikit. Saya berfikir bahawa kita akan, harga minyak akan kekal kukuh sebab permintaan semakin banyak dari China, dari India.

Alhamdulillah kita masih mempunyai minyak dan tiap-tiap tahun, sumbangan Petronas dari segi dividen, dari segi cukai minyak, dari segi royalti merupakan satu sumbangan yang begitu besar melebihi RM40 bilion setahun. Dalam tahun-tahun mendatang juga Petronas telah memberi satu komitmen untuk memberi sumbangan yang sedemikian. Jumlah RM40 bilion itu kita gunakan untuk sebagai satu sumber dalam peruntukan pembangunan kita untuk membina sekolah, untuk membina jalan, untuk membolehkan kita menghapuskan yuran sekolah, untuk membolehkan kita memberikan uniform kepada anak-anak keluarga miskin dan untuk memastikan bahawa kita mengambil tindakan untuk mengukuhkan kapasiti negara, untuk menghadapi cabaran-cabaran dan masa-masa akan datang.

Saya ingin memberi jaminan bahawa kerajaan akan sentiasa pastikan bahawa sumbangan daripada Petronas, RM40 bilion ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan yang berasaskan kepada hasrat jangka panjang.

Saya merujuk kepada isu yang ditimbulkan...

**Dato' Lee Sing Chooi:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu jelas. Apakah sumbangan Petronas dan juga sumbangan wang-wang petroleum dan minyak sebagai satu sumber pendapatan di negara kita dan berapa peratus minyak sumbangan berdasarkan petroleum itu kepada pendapatan negara?

Adakah setinggi 40% kalau kita terlalu bergantung kepada sumber petroleum. Sekian hari petroleum kita akan berkurangan, macam mana, apakah risiko ekonomi Malaysia? Adakah besar atau tidak macam, mana kita hendak merancang supaya risiko itu akan lebih rendah dan mengadakan sumbangan-sumbangan dari sektor-sektor yang lain? Terima kasih.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, sumbangan daripada Petronas memang melebihi 30% daripada sumber hasil, tapi yang penting ialah kita menggunakan sumbangan hasil daripada Petronas ini untuk mewujudkan kapasiti untuk masa depan. Ini adalah penting, sungguh pun kini kita mempunyai hasil juga terdapat hasil dari Petronas tapi sumber Petronas tidak akan kekal selama-lamanya. Mengikut perkiraan kini pun, kita tahu sekiranya telaga-telaga baru tidak dijumpai, kita mungkin mula import minyak mulai tahun 2012. Jadi memang adalah penting kita harus menggunakan sumber ini untuk melabur dalam industri-industri yang mana kita dapat hasil kemudian hari. Ini penting dan kerajaan sedar bahawa inilah cara kita memastikan bahawa sumber daripada Petronas ini digunakan untuk masa depan.

Saya merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad Husin berhubung dengan cukai korporat dan seperti saya telah terangkan kita telah mengurangkan cukai korporat daripada 28% kepada 25%.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Sharipah Aminah Syed Mohamed menyentuh berkaitan subsidi minyak dan juga saya telah berbincang tadi tentang sumber minyak, sumber daripada Petronas dan subsidi minyak ialah satu isu yang begitu penting pada masa ini. Sekiranya kita membuat satu anggapan bahawa dalam tahun 2008, harga minyak secara purata ialah USD100. Jumlah subsidi yang dibayar oleh kerajaan kepada dalam bentuk-bentuk subsidi ialah RM35 bilion. Ini memang yang sudah masuk RM5 bilion diberi kepada dalam bentuk-bentuk lain, subsidi padi, subsidi buku dan lain-lain.

Jadi jumlah subsidi minyak dan subsidi lain-lain ialah RM40 bilion berdasarkan kepada harga USD100 minyak. Ini memang adalah satu subsidi, satu tahap, satu kuantum yang begitu tinggi dan jika kita buat satu bandingan, berbanding dengan jumlah peruntukan pembangunan yang mana hanya RM40 bilion.

#### ■1930

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi berbincang tentang subsidi dan jumlah subsidi pada tahun 2008.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mengikuti keseluruhan ucapan Yang Berhormat dari monitor.

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Terima kasih. Jadi isu yang timbul Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan prihatin sejak dahulu, kerajaan ingin memastikan bahawa semua rakyat negara, seluruh rakyat negara ini dapat hidup dalam satu suasana, satu tahap yang selesa. Dan banyak tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mencapai dalam konteks

objektif ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah untuk menetapkan harga bagi barang-barang. Sejumlah 12 barang yang dianggap sebagai barang perlu dan harga telah dikontrol, telah ditetapkan. Dan juga dalam keadaan harga minyak naik melambung, kerajaan memastikan bahawa harga diesel di kios tidak melebihi RM1.58 satu liter, harga petrol tidak melebihi RM1.92 satu liter. Dan juga untuk nelayan kita jual petrol dan diesel pada harga RM1.

Mengenai subsidi Tuan Yang di-Pertua, subsidi bagi tiap-tiap liter lebih kurang mungkin berbeza sedikit antara petrol dan diesel lebih kurang RM1. Jadi tiap-tiap kali kita isi minyak kereta, minyak satu liter, kita bayar RM1.52, kerajaan bayar sebab ini bukan *free*, kerajaan kena bayar, terpaksa bayar kepada Shell, kepada Mobil RM1. Jadi jumlah ialah RM35 bilion dan campur subsidi lain.

Soalan yang timbul ialah sama ada kita dapat mencari satu mekanisme yang lebih efisien, lebih efektif yang dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk membantu rakyat golongan miskin, golongan pendapatan sederhana dengan menggunakan satu mekanisme, di mana kita dapat berjimat, dan dapat menggunakan hasil dari perkhidmatan ini untuk meningkatkan kadar pertumbuhan.

Alhamdulillah, dalam tempoh 50 tahun pertama Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencapai kadar pertumbuhan 6.53% tiap-tiap tahun bagi tempoh 50 tahun. Memang ada tahun yang di mana kita dapat kadar pertumbuhan yang lebih dan ada tahun yang kita dapat kadar pertumbuhan yang kurang sedikit, tetapi secara purata 6.3% setahun untuk 50 tahun, tidak ada negara lain dalam dunia yang dapat mencapai tahap pertumbuhan yang begitu baik. Itu kita telah mencapai dalam tempoh 50 tahun yang pertama dan kita telah melakukan transformasi ini dari sebuah negara miskin kepada sebuah negara yang sederhana pendapatannya tetapi tujuan kita bukan hanya untuk hidup sebagai sebuah negara yang sederhana, kita ingin menjadi sebuah negara yang maju dalam tempoh yang terdekat.

Untuk menjadi sebuah negara yang maju dalam konteks era sekarang, di mana kita sudah ada *competition*, persaingan dari China dengan kadar pertumbuhan melebihi 10%, dengan India kadar pertumbuhan 9%, dengan Vietnam yang telah begitu berjaya menarik pelabur-pelabur baru, dengan Latin Amerika yang kini telah mula menjana ekonomi dengan begitu baik.

Kita mungkin, kita memang memerlukan kekuatan-kekuatan yang kita mempunyai dalam tempoh 50 tahun, berdisiplin, proaktif, kepimpinan yang ikhlas, yang jujur, tetapi mungkin ini tidak mencukupi, mentransformasikan diri kita menjadi sebuah negara makmur. Dan kita juga mungkin perlu mendapat, mencapai satu tahap pertumbuhan dalam 50 tahun yang akan datang yang melebih 6%.

Dulu India, sejak India merdeka, kadar pertumbuhan India hanyalah 3½% dan satu masa dulu ini disebut sebagai *the Hindu rate of growth*, 3.5%. Dan mereka telah melakukan satu perubahan yang memang begitu signifikan. Kini hampir *double digit*. Dan untuk kita melakukan

perubahan ini dalam tempoh 50 tahun yang akan datang kita tidak mempunyai banyak opsyen, sebab dalam era globalisasi ini dengan China, India, Vietnam, Latin Amerika, kita terpaksa membuat dan mencari mekanisme baru.

Satu mekanisme baru Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk menggunakan RM40 bilion subsidi ini dengan sedemikian rupa untuk satu, memastikan rakyat miskin, rakyat pendapatan sederhana terus menikmati kehidupan yang baik supaya mereka tidak diletakkan dalam keadaan susah tetapi pada masa yang sama, untuk menggunakan hasil minyak ini dengan sedemikian rupa dalam projek-projek yang memberi impak yang tinggi, untuk menambahkan kadar pertumbuhan kita dari 6% kepada 9% atau 10%.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mempunyai hasrat yang jujur dan kita mempunyai *political will*, dan memang kita kena berbincang dengan semua pihak dan semua *stakeholders*. Insya-Allah kita akan dapat mencari satu formula, satu kaedah, satu mekanisme untuk menggunakan subsidi RM40 bilion ini, dengan lebih efisien untuk memastikan bahawa kita dapat mencapai satu kadar pertumbuhan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar memohon penjelasan, mengapa subsidi untuk syarikat atau golongan tertentu, melebihi daripada subsidi yang diberi kepada golongan berpendapatan rendah.

Pada masa ini, subsidi yang diberi melalui *petrol kiosk* kepada nelayan, pada.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...lebih diberi kepada mereka yang berpendapatan rendah, tetapi soalan ini adalah soalan yang begitu penting sebab kita tak tahu, sebab kita memberi begitu banyak subsidi kepada nelayan. Sama ada nelayan-nelayan itu nelayan yang betul-betul mendapat subsidi atau orang lain. Jadi sebab itulah kita kena kaji dan kerajaan telah mula mengkaji perkara ini.

Ahli Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali memohon penjelasan tentang mengapa kerajaan tidak menaikkan cukai rokok dalam Bajet 2008. Sebenarnya kita telah menaikkan Cukai Rokok, tetapi kita tidak buat demikian pada hari bajet.

#### ■1940

Kita berbuat demikian pada 2 Julai, dua bulan sebelum bajet, cukai telah dinaikkan dari RM0.12 kepada RM0.15. Kita berbuat demikian kali ini sebab kita dapati, bahawa setiap kali kita hendak buat bajet, orang sudah sangka bahawa kita akan menaikkan harga rokok dan ada juga yang membeli, penjual-penjual telah buat *hording*. Jadi kali ini kita buat dua bulan lebih awal. Tahun hadapan kita kena cari mekanisme yang lain, sebelum atau selepas atau pada hari bajet.

Ahli Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar juga minta penjelasan tentang MAS. Alhamdulillahlah MAS telah mula mencapai satu tahap yang baik dengan meraih keuntungan bagi tempoh sembilan bulan. Kita harap MAS akan terus dapat keuntungan dan keuntungan ini juga berasaskan kepada *operating revenue*.

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan GK Loga Chitra berhubung dengan GLC. Alhamdulillah program GLC yang dilancarkan pada bulan Mei 2004 telah berjaya, dan jumlah *market capitalization* telah meningkat lebih dari RM100 bilion dan sebenarnya RM120 bilion. Tujuan kita menjanakan GLC membuat satu program untuk memastikan bahawa GLC ditadbir sedemikian rupa untuk mencapai satu hasil yang besar dan bermakna, ialah untuk memastikan bahawa semua golongan dari bukan sahaja golongan bumiputera tetapi semua golongan, mendapat hasil dari penjanaan ini. Bukan sahaja dari segi pekerjaan, sebab GLC memang diminta oleh kerajaan untuk memberi peluang pekerjaan untuk semua golongan, dan juga dari segi program-program yang telah diambil oleh GLC.

Antara program-program yang telah dilaksanakan oleh GLC ialah satu program yang diberi nama Pintar. Katalah mudah melaksanakan program ini di Pulau Pinang, tetapi kini telah dilaksanakan di seluruh negara, di mana sekolah-sekolah di kawasan-kawasan tertentu diambil oleh GLC sebagai sekolah angkat. Baru-baru ini dalam peperiksaan UPSR didapati bahawa, keputusan anak-anak murid di sekolah-sekolah yang dijadikan sekolah anak angkat oleh GLC begitu cemerlang, begitu baik.

GLC akan melanjutkan program ini lebih banyak sekolah, bukan sahaja sekolah-sekolah kebangsaan, malah sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) dijadikan sekolah anak angkat, di kawasan-kawasan miskin, supaya anak-anak kita dari keluarga miskin juga dapat tuisyen dan dapat kemudahan yang selengkapnya dengan pelajar lain.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang terakhir ialah tentang KWSP yang dibangkitkan oleh Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Dalam Bajet 2008, kita telah mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan hampir RM10 bilion yang kini berada di EPF, dapat dialihkan kepada rakyat untuk membolehkan mereka membayar balik sebahagian dari pinjaman perumahan mereka. Saya yakin bahawa mekanisme ini akan memberi satu kemudahan yang begitu *significant*, khasnya kepada mereka yang berpendapatan sederhana. Kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa, mekanisme ini dijalankan dengan baik bermula pada 1 Januari 2008.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran dalam membincangkan Bajet 2008, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya semua Ahli Yang Berhormat yang hadir pada hari ini telah dapat menghayati keikhlasan dan bersama Yang Berhormat dalam mengharungi liku dan ranau mengurus kewangan dan ekonomi negara.

[*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Mesyuarat Majlis Dewan Negara, bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.48 malam.***